

BAB III

PENGHAKIMAN KES HARTA SEPENCARIAN DI MAHKAMAH SYARIAH

3.1 Mahkamah Syariah Singapura; Sejarah, Struktur dan Bidang Kuasa

3.1.1 Sejarah Undang-Undang Islam dan Mahkamah Syariah

Sejarah perlembagaan Singapura tidak mempunyai apa-apa kesan terhadap Undang-undang untuk orang Islam yang dikuatkuasakan di negeri ini sebelum berpisahnya daripada Malaysia. Republik Singapura telah menggunakan peluang yang ada pada zaman selepas perang untuk memperkenalkan perundangan baharu berhubung dengan hal-ehwal orang Islam. Perundangan Singapura mempunyai beberapa ciri penting; ia agak lebih moden berbanding dengan perundangan di Malaysia, perjalanan Mahkamah Syariah diketahui lebih terperinci daripada apa yang ada di Malaysia.¹ Perundangan tersebut terbahagi kepada tiga bahagian, (a) Ordinan Orang Islam 1957, (b) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (AMLA) 1966 dan (c) AMLA 1999.

Mahkamah Syariah telah ditubuhkan melalui pindaan daripada Ordinan lama ke Ordinan Orang Islam 1957, dan bermula beroperasi pada 25 November 1958 untuk Tanah Jajahan Singapura. Mahkamah diberi bidang kuasa di seluruh Tanah Jajahan untuk mendengar dan memutuskan tindakan-tindakan yang pihak-pihaknya adalah orang Islam, iaitu meliputi perselisihan mengenai perkahwinan, perceraian melalui fasakh, ta'liq, khuluk dan talak, pertunangan, pembatalan perkahwinan, perpisahan hasil keputusan kehakiman, pelupusan atau pembahagian harta selepas bercerai dan pembayaran mas kahwin, nafkah dan mutaah. Mahkamah

¹ M. B. Hooker (1992), *op.cit.*, h. 118.

juga mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan terhadap keputusan Kadi di bawah seksyen 14(3-6).²

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (AMLA) diperkenalkan oleh kerajaan Singapura pada tahun 1966 dan memansuhkan Ordinan Orang Islam 1957. Di antara tujuannya adalah untuk membuat peruntukan undang-undang bagi urusan yang berkaitan dengan agama Islam dan merupakan dewan penasihat mengenai hal-hal yang berkaitan dengan ummat Islam di Singapura.³

Akta ini lebih terperinci menggariskan undang-undang mengenai hal ehwal agama dan perundangan umat Islam di Singapura. Enakmen ini mempunyai sepuluh bahagian. Sebilangan besar adalah pengulangan dan penambahan pada peruntukan yang terdapat dalam Ordinan yang terdahulu, hanya sebahagian kecil yang baharu, tetapi ianya sangat penting bagi memenuhi keperluan permasalahan yang semakin kompleks dalam kehidupan umat Islam yang semakin moden yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian.

Bahagian yang mengatur tentang Mahkamah Syariah ada dalam bahagian ketiga seksyen 34-56. Bidang kuasa Mahkamah dalam AMLA 1966 tidak banyak berbeza dengan apa yang telah diundangkan dalam undang-undang yang lama. Ianya berkisar tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian. Peraturan yang dipakai dalam membuat keputusan apabila pihak-pihak

² Ahmad Ibrahim Prof. (t.t), "The Legal Positions of Muslims in Singapore", *Intisari*, vol. 1, No. 1, h. 46.

³ Noor Aisha bte Abdul Rahman (1999), "The Syariah Court And The Administration Of The Muslim Law On Divorce In Singapore", (Thesis Ph.D, Jabatan Pengajian Melayu). Singapura: National University Of Singapore, h. 3.

adalah orang Islam, ialah 'Undang-undang untuk orang Islam yang telah diubahsuai apabila dapat dipakai oleh adat Melayu'.⁴ Peruntukan ini mengekalkan amalan menjadikan hukum Islam tertakluk kepada adat tempatan. Bahkan dalam pindaan akta yang baharu –AMLA 1999,⁵ peruntukan ini juga dikekalkan. Kepelbagaiannya kaum dan suku di Singapura menjadi sebab bagi sebahagian umat Islam bukan melayu mengatakan bahawa saya bukan orang melayu dan tidak tertakluk kepada adat melayu.

Dari sini juga dapat difahami bahawa beberapa adat tempatan telah diserapkan dalam AMLA, dan termasuklah pembahagian harta sepencarian apabila berlaku perceraian antara suami isteri yang sememangnya adalah hasil undang-undang adat melayu di Asia Tenggara dan digabungkan dengan semangat undang-undang Islam yang meletakkan hukum adat sebahagian daripada sumbernya selagi iaanya tidak bercanggah dengannya.⁶

Dalam akta ini diatur juga tentang Lembaga Rayuan. Presiden Singapura mencalonkan tujuh orang Islam untuk membentuk satu panel dan daripada panel ini, Presiden Majlis ini memilih tiga orang untuk membentuk Lembaga Rayuan. Lembaga Rayuan ini boleh mengesahkan, mengubah, atau mengakas keputusan

⁴ AMLA 1966 seksyen 35 (3)

⁵ AMLA 1999 seksyen 35 (3): "(3) In all questions regarding betrothal, marriage, dissolution of marriage, including talak, cerai taklik, khuluk and fasakh, nullity of marriage or judicial separation, the appointment of hakam, the disposition or division of property on divorce or nullification of marriage, the payment of emas kahwin and consolatory gifts or mutaah and the payment of maintenance on divorce, the rule of decision where the parties are Muslims or were married under the provisions of the Muslim law shall, subject to the provisions of this Act, be the Muslim law, as varied where applicable by Malay custom."

⁶ M.B. Hooker (1976), *op.cit.*, h. 77-79.

Mahkamah Syariah atau memerintahkan suatu perbicaraan semula. Keputusan Lembaga ini adalah muktamad.⁷

Pada tahun 1999, Akta ini dipinda dan ditambah lagi dengan beberapa klausya yang bersesuaian dengan tuntutan keadaan semasa. Dengan pindaan ini, ia meningkatkan lagi keupayaan Mahkamah untuk menyelesaikan kes-kes tuntutan cerai dan isu-isu sampingan dengan lebih baik dan berkesan – ke arah menjadikan Mahkamah yang dipercayai, dinamik dan saksama yang mengilhamkan keyakinan masyarakat.

3.1.2 Struktur dan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah

Mahkamah Syariah diketuai oleh seorang presiden yang dilantik oleh Presiden Singapura. Hingga tahun 1992, hanya satu presiden yang dilantik untuk mendengar dan memutuskan kes-kes. Setelah itu, Mahkamah telah melantik presiden tambahan bagi memenuhi keperluan semakin bertambahnya kes-kes yang diajukan ke Mahkamah dan di antaranya banyak yang belum diputuskan. Perlantikan ini bukan hanya dapat menghuraikan kes-kes yang tertangguh, tetapi juga dapat menjaga nama baik Mahkamah yang bukan sahaja menguruskan bahagian administrasi perkahwinan dan perceraian, tetapi juga dapat dengan cekap menghurai dan memberikan solusi bagi perselisihan dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam Singapura. Di samping itu, jika hanya ada satu Presiden, ada kes-kes yang berkait rapat dengan keluarga atau sahabat dekat presiden, tiada pilihan bagi Presiden kecuali dia yang mendengar dan memutuskan.

⁷ AMLA 1966 seksyen 55(4-7).

Hal ini boleh menimbulkan adanya kemungkinan berat sebelah atau mempengaruhi keputusan Presiden atau ketidakadilan boleh berlaku.⁸

AMLA tidak memberikan kriteria tertentu bagi siapa yang layak untuk memegang jawatan sebagai presiden Mahkamah atau presiden tambahan. Kecuali satu hakim yang terlatih di mahkamah sivil, hakim-hakim yang lainnya adalah yang mempunyai latarbelakang pendidikan agama di universiti Islam seperti, Al-Azhar dan Timur Tengah lainnya.⁹ Presiden Mahkamah yang sekarang adalah lulusan Al-Azhar University dan sebelum menjadi Presiden beliau telah menjadi salah satu hakim tetap di Mahkamah. Akan sangat lengkap jika presiden dan para hakim bukan sahaja mempunyai keupayaan yang baik dalam undang-undang Islam, tetapi mempunyai latarbelakang yang tak kalah baik dalam undang-undang sivil. Keseimbangan ilmu dan kepakaran dalam kedua-dua bidang ini akan sangat membantu para hakim dalam menjalankan tugasnya dengan lebih baik dan memenuhi aspirasi keadilan yang diharapkan oleh umat Islam.

Mahkamah Syariah Singapura mempunyai bidang kuasa yang tertentu sahaja dalam menerima aduan dan membicarakan kes pengaduan. Ianya meliputi perkahwinan, perceraian dan sijil warisan dan isu-isu lain yang berkaitan dengan ketiga-tiga perkara tersebut.

⁸ Noor Aisha bte Abdul Rahman (1999), *op.cit.*, h. 3-4.

⁹ Noor Aisha bte Abdul Rahman (1999), *op.cit.*, h. 4.

Bidang kuasa ini termaktub dalam Undang-Undang Pentadbiran Hukum Islam (AMLA) 1999 yang menyatakan: 35(1)-Mahkamah ini akan mempunyai kehakiman di seluruh Singapura, 35(2)-Mahkamah akan mendengar dan memutuskan segala tindakan-tindakan dan perkara-perkara dalam mana semua pihak yang terlibat adalah orang-orang Islam atau di mana pihak-pihak yang terlibat telah berkahwin menurut syarat-syarat dalam hukum Islam dan tindakan-tindakan dan perkara-perkara itu terbit daripada pertikaian berkaitan dengan: (a) Perkahwinan; (b) Perceraian yang meliputi Fasakh, Cerai Taklik, Khulu' dan Talak; (c) Pertunangan, tidak sahnya perkahwinan atau perpisahan menerusi kuasa kehakiman; (d) penyelarasan atau pembahagian harta suami isteri manakala bercerai, atau (e) Pembayaran maskahwin, nafkah dan mut'ah. Mahkamah juga mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan sijil warisan sebagaimana termaktub dalam seksyen 115. Jika berlaku sesuatu kematian di dalam sebuah keluarga Islam, maka ahli waris tersebut berhak untuk mendapatkan sijil warisan dari pihak Mahkamah Syariah.

3.1.3. Proses Aduan di Mahkamah Syariah



Gambar rajah di atas menunjukkan proses pengaduan di Mahkamah bermula daripada pendaftaran dan berakhir kepada perdamaian hingga ke peringkat rayuan, jika keputusan Mahkamah tidak memuaskan kedua belah pihak atau salah satu pihak yang berselisih.¹⁰

Setelah proses pendaftaran selesai, Mahkamah mewajibkan kepada pasangan tersebut untuk mengikuti sesi kaunseling yang dijalankan oleh Mahkamah. Tujuannya untuk membantu pasangan menghuraikan segala permasalahan rumah tangga yang timbul dan mencuba untuk mengukuhkan kembali ikatan perkahwinan yang sudah mulai rapuh. Proses kaunseling ini berjalan sekitar 3-4 bulan. Jika berjaya didamaikan dan dihuraikan masalah mereka, kesnya akan ditutup atau dirujuk kepada pihak lain bagi mendapatkan bantuan selanjutnya.

¹⁰ Diambil daripada lelaman Mahkamah Syariah, http://app.syariahcourt.gov.sg/syariah/front-end/CourtProcess_General_M.aspx. (08/08/2010)

Tetapi jika pasangan atau salah seorang dari pasangan tersebut telah membuat keputusan untuk meneruskan perceraian mereka, maka kes mereka akan dipindahkan ke peringkat Mahkamah dengan menfaillkan permohonan cerai melalui saman.

Setelah syarat-syarat prosedur saman dilengkapkan, proses yang perlu dijalankan seterusnya adalah peringkat pengantaraan. Kedua pasangan dikehendaki untuk hadir ke Mahkamah untuk menjalani proses pengantaraan. Di peringkat ini, isu perceraian dan perkara-perkara yang berhubung dengannya seperti anak, rumah atau harta sepencarian dan tuntutan nafkah iddah dan mut'ah akan dibincangkan. Pengantara akan membantu mereka mencari kata sepakat bagi menghuraikan permasalahan mereka. Jika kedua-duanya dapat mencapai satu persetujuan di peringkat ini,¹¹ maka Pengantara akan melakarkan surat persetujuan bersama, dan kedua pihak akan mengangkat sumpah di hadapan Hakim bagi pengesahan persetujuan tersebut. Seterusnya Hakim akan mengarahkan pendaftaran cerai mereka, maka dengan ini selesailah proses perceraian mereka.

Proses pengantara ini sangat penting dan banyak membantu bagi mempermudahkan urusan perceraian tanpa harus melalui proses perbicaraan di Mahkamah yang rumit dan memenatkan. Tidak jarang berlaku, pasangan kembali berdamai setelah melalui proses perantara yang selalunya dilakukan dari hati ke hati dalam sesi pengantaraan tersebut.

¹¹ Persetujuan yang perlu dicapai meliputi; hak penjagaan anak, kadar nafkah iddah dan mut'ah yang perlu diberikan oleh pihak suami kepada pihak isteri, rumah (flat) HDB dan harta sepencarian lainnya yang perlu dibahagi antara keduanya. Lihat http://app.syariahcourt.gov.sg/syariah/frontend/CourtProcess_Mediation_M.aspx.

Jika persetujuan ke atas salah satu isu-isu perceraian seperti kesepakatan bercerai, nafkah iddah, mut'ah, penjagaan anak dan harta sepencarian tidak dapat dicapai, maka pasangan tersebut perlu melalui proses pra perbicaraan untuk meneruskan rundingan berkaitan perkara-perkara yang tidak dapat dipersetujui di peringkat pengantaraan. Di peringkat ini, pasangan mesti menyiapkan dokumen-dokumen yang perlu bagi kelancaran perbicaraan di Mahkamah. Keberadaan peguam akan sangat membantu pasangan untuk menyiapkan hujah-hujah dan bukti-bukti yang mengukuhkan dakwaan masing-masing sebelum didengar kesnya di Mahkamah.

Kemudian Mahkamah akan mendengar segala tuntutan berhubung isu-isu yang tidak dipersetujui bersama seperti: perceraian, nafkah iddah, mut'ah, hak penjagaan anak-anak dan harta sepencarian. Perbicaraan dilaksanakan oleh Presiden Mahkamah Syariah yang akan membicarakan hal-hal yang tidak dapat dicapai persetujuan di antara pasangan. Presiden Mahkamah Syariah akan mendengar kenyataan-kenyataan dan meneliti bukti-bukti yang diberikan. Jika cukup bukti-bukti yang kukuh berkaitan dengan isu-isu yang diperselisihkan, Mahkamah akan mengambil keputusan dan selesailah kesnya.

Dalam sesetengah kes, Presiden rujukkan kepada proses hakam¹² sebelum mengambil apa-apa keputusan. Jika diperolehi kesepakatan antara kedua belah pihak, maka hakam akan merekodkan persetujuan yang dicapai dan meminta pihak

¹² Hakam adalah seorang wakil yang dilantik oleh pihak suami atau pihak isteri sebagaimana yang diarahkan oleh Hakim Mahkamah. Hakam diberi kuasa dan tanggungjawab yang tertentu dalam menghuraikan permasalahan suami isteri tersebut. Lihat http://app.syariahcourt.gov.sg/syariah/front-end/CourtProcess_Hakam_M.aspx.

Mahkamah untuk mengukuhkan kesepakatan mereka berdua.¹³ Jika tiada kesepakatan diambil, maka hakam akan menggunakan kuasa untuk mengambil keputusan sebagai wakil kepada kedua belah pihak. Keputusan atau kesepakatan yang dicapai akan dilaporkan ke Mahkamah dan dirasmikan sebagai keputusan Mahkamah.

Jika kedua belah pihak atau salah satu pihak tidak berpuas hati dengan keputusan yang diambil oleh Hakim di Mahkamah, pasangan tersebut berhak membuat rayuan di Lembaga Rayuan paling lambat 1 bulan setelah keputusan Mahkamah. Keputusan Lembaga Rayuan adalah muktamat dan bersifat final.

3.2 'Rumah Sepencarian' HDB antara Akad Syarikat, Pinjaman atau Sumbangan Langsung

Dalam kehidupan moden Singapura, kos hidup sangat tinggi. Pada kebiasaan suami tidak dapat memenuhi kesemua keperluan nafkah isteri dan keluarganya. Isteri terpaksa keluar rumah bekerja untuk membantu meringankan beban kewangan suaminya. Termasuk juga menyumbang bagi pembelian rumah berteduh keluarga mereka.

Di Singapura sebahagian besar penduduknya tinggal di rumah flat HDB. HDB adalah sebuah lembaga perumahan pemerintah yang mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan perumahan dan tempat tinggal bagi rakyat

¹³ Beberapa kes yang biasanya dirujukkan ke proses hakam adalah: Isteri memohon untuk berpisah atas dasar tak'lik, tetapi setelah dibicarkan, Hakim dapat tak'lik tersebut tidak sabit, suami tidak mahu menceraikan isterinya dan belum melafazkan talak, tetapi isteri tetap inginkan perceraian. Hakim merasakan pasangan ini perlu melalui proses Hakam. Lihat *ibid*.

Singapura. Kesemua rumah yang dibina oleh HDB adalah rumah bertingkat atau dikenal di Singapura dengan rumah flat.

Untuk berkelayakan memiliki rumah HDB, pihak pemerintah meletakkan beberapa syarat. Di antaranya bahawa rumah tersebut mesti dimiliki oleh dua orang yang membentuk satu keluarga terdekat (*family nucleus*). Keluarga terdekat boleh terdiri daripada; Pemohon dan pasangannya (suami/isteri) atau anaknya jika ada, pemohon dan ibu bapanya atau adik beradiknya, pemohon dan anak-anaknya yang secara resmi berada di bawah jagaannya (khas bagi janda dan duda). Bagi mereka yang tidak berkahwin dan berumur 35 tahun ke atas pihak pemerintah memberikan keringanan dengan mengizinkan mereka membeli rumah HDB secara pemilikan tunggal.¹⁴

Dengan adanya syarat bahawa yang berhak membeli rumah HDB mestilah 2 anggota keluarga terdekat, maka setiap rumah HDB biasanya dimiliki oleh suami isteri secara pemilikan bersama (*joint tenancy*).¹⁵ Dalam konsep akad ini dinyatakan bahawa rumah tersebut adalah milik bersama kedua pembeli; pemilik pertama dan pemilik kedua. Peratusan pemilikan antara keduanya adalah 50:50. Jika berlaku perceraian, dan rumah tersebut dijual, keuntungannya dibahagi sama rata 50:50 antara kedua suami isteri. Keuntungan tersebut setelah ditolak semua hutang dan

¹⁴ [http://www.hdb.gov.sg/fi10/fi10201p.nsf/WPDis/BuyingNewHDBFlat\(e-Sales\)PoliciesEligibilityConditionsBuyflatfromHDB?OpenDocument&SubMenu=Polices](http://www.hdb.gov.sg/fi10/fi10201p.nsf/WPDis/BuyingNewHDBFlat(e-Sales)PoliciesEligibilityConditionsBuyflatfromHDB?OpenDocument&SubMenu=Polices)

¹⁵ Joint Tenancy adalah jenis transaksi pembelian rumah antara rakyat atau penduduk tetap dengan pihak HDB. Ianya adalah satu akad jual beli rumah HDB yang mana pemilik rumah tersebut berhak ke atas rumah yang dibelinya selama 99 tahun. Dalam akad tersebut ditulis bahawa pihak HDB menyerahkan dan menyewakan rumah tersebut kepada pihak pembeli selama 99 tahun. Lihat The Singapore Land Titles Act (chapter 157) 1985 Edition (section 76).

pengeluaran lain yang telah dibelanjakan oleh kedua belah pihak ketika pembelian dan penjagaannya.

Pemilikan 50:50 ini, tidak mengambil kira berapa sumbangan dan pembayaran yang dilakukan oleh kedua belah pihak. Selagi keduanya bersetuju untuk mencatatkan akad tersebut dalam kategori *joint tenancy*, maka kedua belah pihak mempunyai hak pemilikan 50:50. Dan tidak timbul soalan berapakah sumbangan kewangan yang dikeluarkan oleh setiap pasangan terhadap ansuran bulanan rumah tersebut.

Jika tiada berlaku apa-apa masalah dalam rumah tangga mereka, biasanya pemilikan rumah; sumbangan kewangan terhadap pembayaran ansuran bulanan, tidak pernah ditimbulkan. Ianya akan menjadi rumah mereka berdua yang diwariskan kepada anak cucu mereka dikemudian hari, sampailah tamat tempoh pemilikan yang ditetapkan oleh pihak HDB iaitu selama 99 tahun, atau sampai rumah tersebut dijual oleh ahli waris masing-masing.

Tetapi masalah sumbangan kewangan terhadap pembelian rumah dan peratusan daripada keuntungan rumah tersebut mula diperbincangkan hangat hanya jika pasangan tersebut bercerai. Dengan perceraian, rumah mesti dijual atau dipindah namakan kepada salah satu pasangan. Dari sinilah timbul perbincangan berkaitan dengan siapa yang lebih berhak ke atas rumah. Siapa yang lebih berhak untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar jika dijual dan mendapatkan keuntungan.

Masalahnya bukan hanya setakat berapa bahagian masing-masing pihak terhadap rumah yang dimiliki bersama selama berlangsungnya perkahwinan, tapi banyak hal-hal lain yang berkaitan dengan keluarga, kebijakan pasangan suami isteri dan anak-anak menjadi pertimbangan hakim di Mahkamah ketika hendak membahagikan rumah tersebut jika tidak berlaku persetujuan atau perdamaian (*sulh*) terhadap pembahagian rumah ketika berlaku perceraian.

3.2.1 Status Akad Rumah HDB

Penting untuk dikaji, status rumah HDB yang dimiliki bersama suami isteri -khasnya status akad yang telah dipersetujui oleh pasangan suami isteri, ketika mereka melakukan akad pembelian dengan pihak HDB. Dengan mengetahui lebih jelas status akad pembelian rumah HDB ini, akan mempermudahkan proses penjualan dan pembahagiannya ketika berlaku perceraian. Maksudnya; status akad rumah HDB daripada sisi undang-undang Islam.

Adakah akad perkongsian pembelian rumah yang telah disepakati oleh pasangan suami isteri dengan pihak HDB, boleh dikatakan bahawa ianya adalah akad *syarikah*? Jika ya, adakah ianya *syarikah 'aqad* atau *syarikah amlāk (milk)*? Atau ia adalah bantuan dan sedekah daripada salah satu pasangan iaitu isteri terhadap tanggungjawab suaminya dalam menyediakan rumah yang munasabah bagi tempat tinggal keluarga mereka atau sebaliknya; ianya adalah bantuan daripada suami kepada isteri? Atau ianya boleh diambil kira sebagai harta pemilikan bersama atau perkongsian bersama suami isteri selama berlangsungnya perkahwinan yang mesti dibahagi mengikut kemaslahatan kedua belah pihak serta mempertimbangkan besar kecilnya sumbangaan setiap pasangan dalam pembelian rumah HDB tersebut?

Islam sangat mengambil berat berkaitan dengan akad dalam setiap *mu‘āmalah* yang dilakukan oleh antara sesama manusia. Dalam Islam, setiap pemindahan hak pemilikan harta benda sangat bergantung kepada akad yang dilakukan oleh kedua belah pihak yang berakad. Bahkan kepentingan akad ini berlaku untuk semua aktiviti yang dilakukan oleh manusia sama ada antara sesama manusia; manusia dengan alam atau manusia dengan Allah swt.

Sebagai contoh; seseorang berhutang sejumlah wang kepada orang lain. Ketika hendak mengembalikan hutangnya, pihak yang meminjam memberikan wang tambahan melebihi hutang yang ia pinjam. Status halal atau haram ke atas wang tambahan tersebut bergantung kepada niat dan akad yang dilakukan oleh kedua belah pihak ketika mengadakan akad pinjaman.

Jika dalam akad tersebut tidak disebut dan tidak disepakati adanya wang tambahan yang perlu dikembalikan oleh pihak peminjam, maka wang tambahan tersebut menjadi halal dan bahkan ianya merupakan sifat terpuji. Diriwayatkan oleh Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah saw. pernah berhutang seekor unta berusia tertentu. Rasulullah mengembalikannya dengan unta yang lebih baik dari segi umurnya. Kemudian Rasulullah saw. bersabda: "Sebaik-baik di antara kamu adalah yang terbaik dalam mengembalikan hutangnya".¹⁶ Tetapi jika wang tambahan

¹⁶ عن أبي هريرة قال : استقرض رسول الله صلى الله عليه وسلم سنا فاعطى سنا خيرا من سنه وقال: "خياركم أحاسنكم قضاء". Diriwayatkan oleh Imam Al-Tirmidhī nomor Hadith 1237. Lihat <http://hadith.al-islam.com>. Lihat juga, Tirmidhī, Muhammad bin Isa Abū Isa Al- (t.t.), *op.cit.*, j. 3. h. 607.

tersebut telah disyaratkan dalam akad dan dipersetujuinya maka ianya menjadi haram dan masuk dalam kategori riba yang dilaknat oleh Allah swt.¹⁷

3.2.2 Jenis-jenis Akad Pembelian Rumah HDB

Secara amnya, akad jual beli rumah flat antara rakyat Singapura dengan pihak HDB dibahagikan kepada 2 bahagian; Joint Tenancy dan Tenancy in Common.¹⁸ Dalam *joint tenancy* kedua pasangan membeli rumah HDB dengan pemilikan bersama sama rata 50:50. akad ini hanya boleh dilakukan oleh dua orang. Jika berlaku kematian ke atas salah satu daripada kedua belah pihak, pemilikannya secara otomatis akan dipindahkan kepada pihak yang masih hidup. Ertinya dia akan menjadi pemilik tunggal ke atas rumah tersebut.

Dalam akad *tenancy in common*, kedua pasangan membeli rumah HDB dengan pemilikan bersama mengikut perjanjian. Besar kecilnya peratusan pemilikan bergantung kepada persetujuan antara kedua belah pihak ketika akad dijalankan, seperti 50:50, 70:30 atau selainnya. Akad ini juga membolehkan adanya lebih daripada dua orang pemilik, boleh tiga atau lebih. Jika berlaku kematian kepada salah satu pihak, bahagian pihak yang meninggal tidak dipindahkan kepada pihak yang masih hidup, tetapi diagihkan mengikut wasiat pihak yang meninggal dunia. Jika tiada wasiat ditinggalkan olehnya, bahagiannya akan diberikan kepada keluarga terdekatnya seperti isteri/suami dan anak-anak sesuai dengan apa yang ditetapkan dalam *Intestate Succession Act, cap. 146*. Akta di atas hanya berlaku bagi bukan-

¹⁷ Dalam surah Al-Baqarah ayat 275, Allah berfirman: "وَأَحْلَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحْرَمَ الرِّبَا" Ertinya: Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

¹⁸ Lelaman Rasmi HDB Singapura:
<http://www.hdb.gov.sg/fi10/fi10206p.nsf/WP...ew?OpenDocument>. (10/12/2008)

Islam. Sementara itu bagi Muslim yang berlaku adalah hukum farāid' yang termaktub dalam AMLA seksyen 112.¹⁹

Kajian saya ke atas kes-kes harta sepencarian di Mahkamah mendapati bahawa hampir semua kes-kes yang melibatkan rumah HDB akadnya adalah dari jenis *joint tenancy*. Hanya satu kes yang melibatkan pihak ketiga sebagai pemilik flat sebagai *tenancy in common*.²⁰

Dalam akad jenis ini, besar kecilnya sumbangan kewangan masing-masing pihak tercatit dalam dokumen CPF masing-masing suami isteri. Peratusan sumbangan tersebut boleh sama besar seperti 50:50, atau salah satu pasangan menyumbang lebih besar daripada pasangannya. Contohnya 70% pembayaran diambil daripada CPF suami dan 30% daripada CPF isteri atau sebaliknya.

Dalam kes antara *Khamis lawan Norhamisah*,²¹ rumah flat dengan alamat Blk 453 Fajar Road #05-704, sebuah flat 5 bilik telah dibeli pada tahun 1996 atas nama kedua suami isteri dengan akad *joint tenancy*. Ertinya bahawa rumah ini adalah pemilikan bersama 50:50 mengikut undang-undang HDB. Dari asas-asas penghakimannya Presiden Mahkamah mendedahkan bahawa pihak yang banyak menyumbang kepada pembayaran rumah ini adalah pihak suami sedangkan pihak

¹⁹ AMLA seksyen 112. **Distribution of Muslim estate to be according to Muslim law** 112. —(1) In the case of any Muslim person domiciled in Singapore dying intestate, the estate and effects shall be distributed according to the Muslim law as modified, where applicable, by Malay custom. (2) This section shall apply in cases where a person dies partly intestate as well as in cases where he dies wholly intestate. (3) In the case of a Malay dying intestate, the court may make an order for the division of the harta sepencarian or jointly acquired property in such proportions as to the court seems fit.

²⁰ *Rosnah bte Sanjar lawan Zakaria bin Mahmud*, LRS No. 17/2003.

²¹ *Khamis bin Haroon lawan Norhamisah binte Abdul Hamid*, MS No. 14587.

isteri hanya menyumbang daripada CPFnya sebanyak S\$2.000 (dua ribu dollar singapura) daripada S\$447.000 harga flat ini.²²

Dari sini nampak bahawa walaupun salah satu pasangan suami isteri hanya memberikan kadar yang sedikit daripada harga rumah yang mereka beli bersama, tetapi pemilikan 50:50 tidak terjejas.²³ Dan jika terjadi perceraian dan rumah tersebut mesti dijual, maka mengikut undang-undang HDB, keuntungan yang didapat daripada rumah tersebut adalah hak bersama dan mesti dibahagi sama rata tanpa meneliti lagi sumbangan masing-masing pihak ke atas pembelian rumah itu.²⁴

Pemilikan 50:50 dalam konsep *joint tenancy* juga dijadikan salah satu asas oleh Presiden Mahkamah Syariah dalam memutuskan kes-kes yang melibatkan rumah HDB. Dalam kes antara *Faiza lawan Khalid*,²⁵ Presiden menolak tuntutan masing-masing pihak suami isteri yang menginginkan 80% daripada keuntungan rumah tersebut diberikan kepada mereka. Salah satu pertimbangannya adalah bahawa rumah ini ialah hak milik bersama yang secara kasarnya saham mereka

²² Pihak suami telah mengeluarkan wang sebanyak S\$140.750 daripada CPFnya dan membayar bulanan sebanyak S\$808.00

²³ Dalam kes-kes yang dirujukkan ke Mahkamah Syariah atau Lembaga Rayuan, ada dijumpai akad-akad pembelian rumah antara suami isteri dengan pihak HDB yang sedemikian. Di mana dalam kes-kes tersebut, penyumbang terhadap pembelian rumah tersebut tidak tetap dan jumlahnya tidak sama antara sumbangan suami dan sumbangan isteri. Pada kebiasaannya sumbangan pihak suami lebih banyak daripada sumbangan pihak isteri. Mungkin kerana pendapatan suami lebih banyak daripada pendapatan isteri, atau pendapatan suami difokuskan kepada pembelian rumah sedangkan pendapatan isteri difokuskan kepada perbelanjaan keperluan rumah.

²⁴ Hal ini iaitu; bahawa jika terjadi perceraian atau kesepakatan bahawa rumah tersebut mau dijual maka masing-masing pihak mendapatkan keuntungan yang sama banyak adalah konsekuensi daripada kenyataan bahawa rumah tersebut adalah pemilikan bersama 50:50. Jika pemilikan rumah tersebut sama banyak, maka keuntungan yang diperoleh juga sama banyak. Begitu kefahaman yang boleh diambil daripada sifat kontrak joint tendency HDB.

²⁵ *Faiza bte Mahbob lawan Ahmad Khalid bin Abdullah*, MS No. 24495.

adalah sama iaitu 50:50. Dalam kes lain,²⁶ Presiden menolak tuntutan suami yang menginginkan 70% daripada keuntungan penjualan rumah diberikan kepadanya dengan alasan dan sandaran yang sama.

Dalam seksyen 52(8) AMLA, disebutkan juga faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah dalam memutus dan mengagih harta sepencarian suami isteri. Dalam butir (8)(e) disebutkan: "*any agreement between the parties with respect to the ownership and division of the property made in contemplation of divorce*". Ertinya bahawa pihak Mahkamah perlu mempertimbangkan perjanjian dan syarat-syarat yang telah disepakati bersama oleh pasangan suami isteri ketika mereka mengadakan akad jual beli rumah dengan pihak HDB. Dan antara perjanjian tersebut adalah bahawa rumah itu dimiliki bersama oleh pasangan suami isteri secara sama rata 50:50 tanpa melihat kepada sumbangan kewangan masing-masing ke atas pembelian dan pembayarannya.

Perjanjian yang telah dilakukan oleh kedua belah pihak dalam pembelian rumah HDB perlu dihormati dan diambil kira selagi perjanjian tersebut tidak melanggar syariat Islam. Rasulullah saw. bersabda:

"Perdamaian (*sulh*) antara umat Islam dibolehkan, selagi mana ianya tidak menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal, kemudian Rasulullah saw. bersabda: "Umat Islam itu terikat dengan perjanjian yang mereka buat bersama".²⁷

²⁶ *Rahmat bin Muin lawan Maryani Abdullah Seah@Seah Chay Huang*, MS No. 14576. Dalam penghakimannya Presiden menyatakan :"Rumah ini dimiliki oleh kedua belah-pihak, iaitu ia dibeli atas dua nama, iaitu secara lahirnya masing-masing mempunyai hak 50%.

²⁷ قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "الصلح حائز بين المسلمين . زاد أباه : إِلَّا صلحاً أَحْلَ حِرَاماً أَوْ حِرْمَ حَلَالاً . وَزَادَ سَلْمِيَانُ بْنُ دَاؤِدَ : "وَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الْمُسْلِمُونَ عَلَى شَرْوَطَتِهِمْ . (وراه أبو داود).

Diriwayatkan oleh Abi Dāud nomor Hadith 3120. Lihat <http://www.hadith.al-islam.com>. Lihat juga; Abu Dāud, Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sajsatānī al-Azdī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, h. 304.

Dalam hadith ini nampak bahawa seorang Muslim wajib mematuhi semua janji dan syarat-syarat yang ditetapkan bersama Muslim yang lain, selagimana ianya tidak bertentangan dengan hukum syara²⁸. Dengan demikian maka sangatlah tepat pendekatan yang digunakan oleh Mahkamah ke atas akad *joint tenancy* antara pihak suami isteri dengan pihak HDB dalam pembelian rumah.

Jenis akad ini²⁸ adalah yang lazim digunakan oleh pasangan suami isteri dalam pembelian rumah dengan pihak HDB. Sudah menjadi kebiasaan suami isteri bahawa rumah yang mereka beli bersama daripada pihak HDB adalah milik bersama sama rata, walaupun ada kemungkinan bahawa penyumbang ke atas pembelian dan pembayaran rumah tersebut tidak sama. Fakta ini memberikan indikasi bahawa kedua pasangan suami isteri telah sama-sama rela dan dengan kesedaran penuh untuk berkongsi pemilikan rumah tersebut secara sama rata walaupun sumbangan masing-masing pihak tidak sama. Perangkaan akad *joint tenancy* ini mungkin boleh mencecah 90% daripada semua kes-kes harta sepencarian yang dirujukkan ke Mahkamah Syariah ataupun Lembaga Rayuan.²⁹

3.2.3 Joint Tenancy dan Syarikah Amlāk

Menarik untuk diungkap dan dikaji kemungkinan adanya kesamaan antara akad *joint tenancy* ini dengan akad *syarikah amlāk* (pemilikan) atau *syarikah amwāl* (harta) dalam undang-undang muamalat Islam. Saya ingin mencuba untuk mengaitkan antara keduanya sebagai landasan asas bagi memulakan kajian terhadap

²⁸ Joint tenancy; suami isteri tercatit sebagai pemilik rasmi ke atas rumah tersebut dengan pemilikan berimbang 50:50.

²⁹ Perangkaan ini adalah hasil pengamatan dan penelitian terhadap kes-kes yang telah dikaji oleh penulis yang jumlahnya lebih daripada 70 kes. Daripada jumlah tersebut dijumpai kurang daripada 5 kes yang mana pemilik rumah tersebut hanyalah salah satu pasangan sahaja –suami atau isteri sahaja.

keputusan-keputusan Mahkamah Syariah terhadap rumah yang selalunya dipertikai oleh pasangan suami isteri ketika berlaku perceraian.

Dalam kitab-kitab fiqh klasik, *Syarikah amlāk* adalah salah satu daripada jenis syarikat.³⁰ Pembahagian ini lebih berdasarkan kepada sama ada syarikat tersebut bertujuan untuk mendapatkan keuntungan atau tidak. Jika tujuannya untuk mendapatkan keuntungan maka ianya disebut *syarikah ‘aqad*. Jika tujuannya bukan untuk mendapatkan keuntungan ianya disebut *syarikah amlāk*.³¹

Syarikah amlāk dertiakan sebagai perkongsian antara dua orang atau lebih untuk memiliki sesuatu harta tanpa didahului dengan akad syarikat. Perkongsian tersebut boleh berlaku kerana terpaksa tanpa perbuatan keduanya, seperti; mereka memiliki harta bersama dengan cara mendapatkan harta warisan daripada keluarganya, ataupun berlaku secara sukarela, seperti keduanya membeli sesuatu barang secara pemilikan bersama atau menerima pemberian dan hadiah daripada orang lain. Maka harta warisan, barang yang dibeli atau hadiah yang diterimanya tersebut menjadi harta *syarikah amlāk*.³²

Ada beberapa persamaan antara *Syarikah amlāk* dengan akad yang dilakukan oleh suami isteri dengan pihak HDB dalam pembelian rumah flat HDB.

³⁰ *Syarikah* dibahagikan kepada dua bahagian: Syarikah Amwāl dan syarikah ‘aqad.

³¹ Dr. Muṣṭafā al-Khin, Dr Muṣṭafā al-Bughā, 'Alī Asy-Syarbajī(1998), *al-Fiqh al-Manhajī 'Alā Mazhab al-Imām asy-Syafī'*, j. 3. Damaskus: Dār al-Qalam, h.217. Takrif kepada *syarikah 'akad* yang disepakati bolehnya iaitu syarikah 'inān menunjukkan bahawa tujuan utama daripada syarikah adalah untuk mendapatkan keuntungan. Ulama Mazhab Syaffī mentakrifkan Syarikah 'aqad sebagai akad yang dilakukan oleh dua orang atau lebih dalam perniagaan dengan harta mereka dan keuntungan dibahagikan di antara mereka. Umala Hanafi mentakrifkannya sebagai akad yang dilakukan oleh dua orang atau lebih untuk berkongsi dalam harta dan keuntungan daripadanya. Lihat, Dr Wahbah al-Zuhaylī (1996), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j .4. Damaskus, Dār al-Fikr, h. 794-795.

³² Dr Wahbah al-Zuhaylī (1996), *op.cit.*, j. 4, h. 218.

Di antaranya bahawa suami isteri dengan suka rela atau kerana terpaksa telah bersetuju untuk membeli rumah bersama-sama untuk tujuan menjadikannya sebagai tempat tinggal.³³ Pada kebiasaannya, pembelian ini tidak didahului dengan adanya akad syarikat antara suami isteri. Keduanya juga tidak bermaksud untuk mendapatkan keuntungan daripada pembelian ini.³⁴

Dalam *syarikah amlāk*, setiap ahli kongsi adalah individu yang berdiri sendiri. Ahli kongsi tidak mempunyai hak ke atas bahagian yang dimiliki oleh ahli kongsi yang lain. Maka tidak dibenarkan baginya membuat tindakan apapun kecuali mendapatkan keizinan daripada kongsi yang lain. Kerana tiada kuasa dimiliki oleh salah satu ahli kongsi ke atas ahli kongsi yang lain.³⁵

Hukum ini juga dijumpai dalam konsep *joint tenancy* antara suami isteri ke atas rumah HDB. Pertama, rumah HDB adalah milik bersama suami isteri yang dibeli dengan keinginan sendiri daripada masing-masing pihak. Setiap seorang daripada keduanya mempunyai hak yang jelas dan tertentu dalam pemilikan bersama ini, iaitu pemilikan 50:50. Kedua, salah satu pasangan suami isteri tidak boleh melakukan apa-apa tindakan –termasuk menjual atau menyewakan, ke atas rumah ini sebelum mendapat keizinan daripada pihak yang lain. Kadar bahagian masing-masing pihak daripada rumah tersebut pada kebiasaannya adalah jelas.

³³ Dalam kes pembelian rumah HDB, kedua suami isteri terpaksa berkongsi pemilikan bersama disebabkan adanya syarat bahawa rumah tersebut mesti dimiliki oleh dua orang anggota keluarga (family nuclear).

³⁴ Tujuan utama pembelian rumah HDB adalah untuk dijadikan tempat tinggal dan bukan dijual dan mendapatkan keuntungan. Ini dapat difahami daripada syarat yang diberikan oleh pihak HDB ketika akad bahawa, rumah tersebut tidak boleh dijual kecuali selepas berlalunya 5 tahun daripada tarikh pembelian rumah tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa mungkin ada keinginan untuk menjualnya selepas 5 tahun untuk mendapatkan keuntungan atau untuk membaiki penghidupan keluarga mereka, tetapi hal ini hanyalah tujuan sampingan.

³⁵ Dr Wahbah al-Zuhaylī (1996), *op.cit.*, h.794.

Kerana setiap sumbangan kewangan yang disumbangkan oleh pihak suami isteri tercatit di dalam CPF masing-masing.³⁶

Namun ada yang masih agak samar-samar tentang hakikat bahawa dalam *joint tenancy*, kadang-kadang sumbangan kewangan masing-masing pihak tidak dapat dipastikan besar-kecilnya.³⁷ Adakah dalam *syarikah amlāk* perkara ketidakjelasan besaran bahagian masing-masing pihak ini boleh berlaku? Atau adakah perkara ini boleh menjelaskan ketulunganya sehingga menjadikan syarikat ini tidak sah dari segi syara‘?

Muhammad bin ‘Abd al-Wahīd Al-Sīwāsī dalam *Syarh Fath al-Qadīr*³⁸ menyebutkan bahawa *syarikah amlāk* juga boleh berlaku antara dua orang atau lebih dengan cara percampuran antara harta keduanya. Sifat percampuran harta keduanya mestilah bersifat percampuran yang tidak dapat dibezakan antara keduanya atau sukar untuk dibezakannya. Ertinya mana-mana bahagian daripada harta yang telah bercampur tersebut adalah milik kedua belah pihak.

Walaupun demikian, Beliau tidak secara tegas menjelaskan adakah percampuran yang tidak dapat dibezakan ini, juga merangkumi kesulitan membezakan jumlah bahagian masing-masing pihak ke atas harta yang telah

³⁶ Dalam kes antara *Rahmat bin Muin lawan Maryani Abdullah Seah@Seah Chay Huang*, MS No. 14576, rumah yang dipertikaikan ialah beralamat di Blk 10C Braddle Hill #13-12. Presiden menyatakan bahawa sumbangan ke atas pembelian rumah ini datang daripada kedua belah pihak. Secara kasarnya sumbangan melalui CPF masing-masing ialah sebanyak 75% dari suami dan sebanyak 25% dari isteri. Lihat Kes Mahkamah Syariah no. 14576.

³⁷ Perkara ini boleh berlaku jika sumbangan kedua-dua pihak tidak tetap daripada wang CPF, atau pendapatan kewangan keduanya dicampur menjadi satu, sehingga tidak dapat lagi dibezakan kadar wang milik masing-masing pihak. Atau kerana wang pendahuluan diambil daripada hasil keuntungan penjualan rumah yang lama dan sebagainya.

³⁸ Sīwāsī, Muhammad bin ‘Abd al-Wahid Al- (t.t.), *Syarh Fath al-Qadīr*, j. 6. Beirut: Dāru al-Fikr, h. 153.

bercampur menjadi satu?³⁹ Daripada salah satu contoh yang beliau sebutkan iaitu; dua orang meletakkan begnya berhampiran, kedua beg tersebut koyak sehingga isi daripada keduanya keluar dan bercampur antara satu sama lain. Terdapat unsur ketidakjelasan kadar barang yang bercampur dalam contoh tersebut. Keadaan ini akan lebih sukar dikenal pasti kadarnya, jika kedua barang yang bercampur secara tidak sengaja; tidak diketahui jumlahnya secara pasti dan tidak dapat dipisahkan kerana sifat barang dalam kedua beg tersebut. Misalnya, dalam kedua beg tersebut adalah gandum atau beras atau gula yang jika bercampur, mustahil untuk dipisah.

Faktor ini menjadi penting dalam membahaskan rumah yang dibeli oleh pasangan suami isteri dengan pihak HDB, memandangkan bahawa ada kes-kes yang mana sumbangan kewangan keduanya sukar dipastikan dan ditentukan kadarnya, apalagi jika rumah tersebut telah mengalami pembaikan dan ubahsuai yang melibatkan penggunaan wang.⁴⁰ Maka memang wajar jika Presiden

³⁹ Berikut adalah terjemahan teksnya: "Syarikah amlāk adalah dua orang atau lebih memiliki sesuatu harta yang diwarisi oleh keduanya atau membelynnya. Takrif ini secara zahirnya membatasi kepada harta yang diwarisi dan dibeli oleh keduanya sahaja, tetapi pengarang berpendapat bahawa syarikah amlāk boleh juga berlaku jika keduanya diberi hadiah (hibah) atau keduanya memilikinya dengan kuasa iaitu dengan cara mendapatkan harta rampasan perang, atau bercampurnya harta keduanya yang dilakukan oleh salah satu daripada keduanya, seperti koyaknya bag keduanya yang disimpan berdekatan sehingga bercampurlah kedua barang yang ada di kedua bag tersebut, atau keduanya sengaja mencampur harta keduanya yang tidak boleh dipisahkan lagi seperti, percampuran gandum dengan gandum atau susah dipisahkan seperti gandum dengan barli. Perkara-perkara tersebut di atas boleh dimasukkan ke dalam *syarikah amlāk* kerana harta-harta tersebut dimiliki oleh keduanya. Lihat Sīwāsī, Muhammad bin ‘Abd al-Wahid Al- (t.t.), *op.cit.*, h. 153.

⁴⁰ Perkara sedemikian boleh dijumpai dalam kes antara *Ali bin Mohd lawan Seniati binte Kasmuri*, LRS No. 29/2001. Dalam kes ini pihak suami mendakwa bahawa dia telah mengeluarkan wang renovasi rumah sebanyak S\$40,000.00, sementara itu pihak isteri menafikannya dan mengatakan bahawa ianya hanya S\$20,000.00. tiada bukti dikemukakan oleh kedua belah pihak. Akhirnya Presiden mengambil perkiraan antara keduanya senilai S\$30,000.00. Dalam kes ini juga pihak suami telah mendakwa bahawa beliau setiap bulan telah memasukkan sejumlah wang S\$800.00 ke dalam akaun wang CPF pihak isteri yang membolehkannya membayar bulanan rumah. Bermakna bahawa kiraan yang tercatit dalam Lembaga CPF berkaitan dengan pembayaran bulanan ke atas rumah tersebut tidak tepat. Kerana dalam CPF isteri terdapat wang suami. *Ali bin Mohd lawan Seniati bte Kasmuri*, MS No. 19013.

Mahkamah mengatakan bahawa masalah rumah adalah masalah yang sulit dan rumit dalam perceraian.⁴¹

Kesimpulan awal daripada contoh tersebut adalah bahawa unsur ketidakjelasan kadar bahagian masing-masing pihak daripada harta yang bercampur, tidak mempengaruhi status sahnya *syarikah amlāk* daripada harta keduanya. Dengan demikian maka, perkongsian pembelian rumah HDB oleh pasangan suami isteri –walaupun tidak dapat dikenal pasti kadar bahagian masing-masing daripada rumah tersebut, boleh disebut sebagai pemilikan bersama dengan asas *syarikah amlāk*.

3.2.4 Pendapat Mahkamah Syariah Berkaitan dengan Akad HDB

3.2.4(a) Pemilikan bersama; joint tenancy & tenancy in common

Kajian yang dijalankan ke atas kes-kes yang dibincangkan di Mahkamah Syariah ataupun Lembaga Rayuan memberikan indikasi bahawa rumah HDB yang dimiliki oleh pasangan suami isteri sebagai pemilikan bersama, diperlakukan hukumnya seperti *syarikah amlāk*. Isyarat itu nampak jelas kerana para hakim sangat mengambil berat ke atas sumbangan kewangan masing-masing suami isteri terhadap pembelian rumah HDB ketika membentangkan asas-asas penghakiman pembahagian harta sepencarian yang berupa rumah flat HDB.

Dalam kes *Ali lawan Seniati*,⁴² Presiden Lembaga Rayuan membuat pernyata sumbangan kewangan secara terperinci untuk mengetahui takatan sumbangan

⁴¹ *Norliah binte Tambi lawan Harris bin Awang*, MS No.18534. dalam kes ini Beliau menyatakan : "saya tidak menafikah bahawa masalah rumah adalah masalah yang sulit dan rumit dalam masalah perceraian. Walaupun demikian keputusan patut dibuat untuk menghuraikan perbalahan di antara mereka demi mencari kepuasan yang adil pada pandangan saya.

⁴² *Ali bin Mohd lawan Seniati binte Kasmuri*, LRS No. 29/2001.

kewangan masing-masing pihak ke atas rumah HDB yang dimiliki bersama suami isteri. Pembayaran rumah disumbangkan oleh kedua suami isteri. Suami menyumbang sebanyak S\$25,000.50, sedangkan pihak isteri telah menyumbang sebanyak S\$55,477.50. Daripada fakta di atas, didapati bahawa sumbangan suami sebanyak 31.28% dan sumbangan isteri sebanyak 68.72% ke atas pembelian rumah HDB yang dimilikinya bersama. Berdasarkan fakta ini dan juga fakta-fakta lain sebagai pertimbangan, Presiden menentukan besar-kecil bahagian masing-masing pihak daripada rumah tersebut.

Menarik diungkapkan juga bahawa walaupun akad antara suami isteri dengan pihak HDB adalah akad *joint tenancy*, tetapi tidak sedikit yang ternyata menyumbang kewangan kepada pembelian rumah tersebut adalah salah satu pihak sahaja. Sementara pihak yang lainnya tidak memberikan sumbangan kewangan langsung. Kes seperti ini banyak berlaku utamanya apabila pihak isteri adalah suri rumah sepenuh masa, yang tidak mempunyai pendapatan kewangan. Maka suamilah yang menyumbang kewangan dalam pembelian rumah.

Dalam kes antara *Norliah lawan Harris*,⁴³ rumah yang beralamat di Blok 320, Ubi Avenue #02-519, dibeli atas dua nama suami isteri, tetapi hanya pihak suami yang membayar pembelian rumah HDB tersebut. Begitu juga dalam kes antara *Khadijah lawan Yusoff*.⁴⁴ Rumah yang beralamat di Blk 715 Bedok Reservoir Road #07-3012 adalah diberi atas nama suami isteri dan dibayar menerusi wang

⁴³ *Norliah binte Tambi lawan Harris bin Awang*, MS No.18534; LRS No 36/2000.

⁴⁴ *Khadijah bte Omar bin Sahid Makarim lawan Mohamed Yusoff bin Seenii Rawhter*, MS No. 14765.

CPF suami dan wang tunai sebanyak S\$10,000.00 oleh suami. Pihak isteri tidak memberikan sumbangan kewangan apa-apa dalam rumah tersebut.⁴⁵

Ada juga kes rumah didaftar atas nama kedua suami isteri, tetapi hanya pihak isteri yang membayar ke atas pembeliannya. Dalam kes antara *Aminah lawan Jasni*,⁴⁶ rumah yang beralamat di Blk 114, Bedok Reservoir Road #06-134 adalah atas nama suami isteri dan hanya pihak isteri sahaja yang menyumbang terhadap pembelian rumah tersebut. Kes-kes yang melibatkan sumbangan isteri 100% terhadap pembelian rumah adalah sedikit, kerana secara prinsipnya, suami yang sepatutnya bertanggungjawab untuk menyediakan rumah yang layak untuk isteri dan anak-anaknya.

Dalam Bab I, sumbangan langsung dan tidak langsung terhadap harta sepencarian telah dijelaskan bahawa pihak Mahkamah tetap memberikan bahagian tertentu⁴⁷ kepada pihak yang tidak menyumbang dari segi kewangan. Pertimbangannya adalah bahawa pihak suami isteri telah memberikan sumbangan tidak langsung ke atas harta yang dimiliki pasangannya dan rumah tersebut dicatat atas nama bersama.

3.2.4(b) Pemilikan tunggal salah satu pasangan

⁴⁵ Kes-kes seperti ini –rumah dibeli atas nama suami isteri tetapi hanya pihak suami yang menyumbang kewangan terhadap pembelian rumah, adalah yang biasa berlaku dan banyak dijumpai dalam kes-kes yang diajukan ke Mahkamah. Utamanya jika pihak isteri tidak bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Lihat juga *Shed Husin bin Syed Ali lawan Saniah bte Amit*, MS No. 19331.

⁴⁶ *Aminah bte Mohd Tahar lawan Jasni bin Abdullah*, MS No. 21280. Presiden Mahkamah menyatakan : "Saya menolak permohonan isteri untuk mendapatkan hak flat ini 100%. Memang diakui bahawa pembayaran mengenai rumah ini ditanggung oleh isteri".

⁴⁷ Pada kebiasaananya kadar bahagian yang diberikan adalah antara 20-50%.

Jenis kedua daripada akad jual beli rumah antara suami isteri dengan pihak HDB yang dirujukkan ke Mahkamah Syariah adalah pemilikan tunggal. Dalam akad ini, salah satu pasangan membeli rumah tersebut dengan 1 nama pemilik dan 1 nama penghuni. Pembayaran dilakukan oleh pemilik nama secara 100%. Atau kedua belah pihak (penama dan penghuni) sama-sama memberikan sumbangan kewangan terhadap membayaran ansuran rumah.

Dalam kes antara *Sanimah lawan Kamal*,⁴⁸ rumah yang beralamat di Blk 504 Bedok North Street 3 #05-110 didaftar atas nama suami sahaja sedangkan pihak isteri hanya terdaftar sebagai penghuni dan bukan pemilik. Pembelian rumah dibayar sepenuhnya oleh suami dan pihak isteri tidak memberikan apa-apa sumbangan kewangan terhadap pembeliannya.

Ada juga kes dimana pihak yang tidak tercatit sebagai pemilik tetapi sebagai penghuni sahaja telah ikut menyumbang dari segi kewangan ke atas pembelian rumah HDB yang tercatit atas nama salah satu pasangan suami isteri. Dalam kes antara *Lailawati lawan Md Normaya*,⁴⁹ Rumah HDB yang dibeli pada tahun 1987 ini adalah atas nama isteri. Walau bagaimanapun pihak suami telah ikut menyumbang dengan bayaran tunai.

Dari segi undang-undang HDB, pasangan yang tercatit sebagai pemilik rumah itu sahaja yang berhak ke atas rumah tersebut. Pihak penghuni tiada hak milik. Yang dimilikinya hanya hak untuk tinggal di rumah tersebut. Kuasa putus untuk menjual atau menyewakan rumah juga berada di tangan pemilik. Walaupun

⁴⁸ *Sanimah bte Sudin lawan Mohd Kamal bin Mohd Haniba*, LRS No. 27/1993.

⁴⁹ *Lailawati bte Shahwari lawan Md Normaya bin Abdullah*, MS No. 08636.

pihak penghuni ikut menyumbang dari segi kewangan, tetapi sahaja yang dimiliki hanyalah hak untuk tinggal. Jika berlaku perceraian antara suami isteri dalam kesesedemikian, maka keuntungan daripada penjualan rumah adalah hak mutlak pihak yang tercatit sebagai pemilik. Kalaupun pihak penghuni diberi bahagian daripada keuntungan penjualan rumah tersebut, ianya hanyalah merupakan ihsan dan kebaikan daripada pemilik rumah tersebut.⁵⁰

Jika merujuk kembali kepada *syarikah amlāk*, akad jenis kedua ini tidak dapat dimasukkan secara utuh sebagai akad tersebut. Ada beberapa sifat dan hukum-hukum yang diterapkan dalam *syarikah amlāk* tidak boleh diterapkan dalam akad ini.

Dalam *syarikah amlāk*, setiap individu mempunyai kuasa mutlak ke atas harta yang menjadi milik bersama oleh pihak-pihak yang berkongsi. Setiap ahli syarikat adalah individu-individu yang tersendiri dan tidak mempunyai kuasa untuk melakukan apa-apa tindakan ke atas bahagian ahli syarikat yang lain. Setiap tindakan yang akan dilakukan mestilah mendapat keizinan daripada ahli kongsi yang lain. Sementara dalam akad ini, kuasa penentu dimiliki tunggal oleh ahli kongsi yang namanya tercatit sebagai pemilik. Pihak penghuni tidak mempunyai apa-apa suara untuk bersetuju atau membatalkan tindakan yang dilakukan oleh pemilik mana harta tersebut. Dia boleh mengambil apa juar tindakan ke atas rumah

⁵⁰ Dalam kes antara *Surayah bte Bakri lawan Ismail bin Ahmad*, MS No. 24605, rumah yang beralamat di Blk 102, Tampines Street 11 #11-121, adalah atas nama suami dan isteri adalah penghuni. Pembeliannya juga dibayar oleh suami sepenuhnya. Namun demikian suami telah rela melepaskan haknya ke atas rumah tersebut dan diberikan sepenuhnya kepada isteri setelah dikembalikan sumbangan kewangan suami kepada CPFnya bersama bunganya. Berikut pernyataan Presiden Mahkamah: "Rumah tersebut dibeli atas nama suami sahaja. Walaupun demikian, suami tersetuju supaya namanya dipotong dan rumah tersebut dipindahkan hak miliknya kepada isteri dan CPF suami dengan faedahnya dikembalikan ke CPF Board (suami)".

tersebut tanpa perlu mendapat keizinan daripada pihak yang tercatit sebagai penghuni.

Walaupun demikian ada juga segi persamaan antara *syarikah amlāk* dengan akad 1 pemilik dan 1 penghuni ini. Dalam sesetengah kes, pembayaran ke atas rumah dalam akad ini, tidak dibayar tunggal oleh pemilik, tetapi penghuni juga ikut menyumbang dari segi kewangan. Ada unsur percampuran harta antara kedua pihak. Sama ada percampuran ini dilakukan dengan sukarela ataupun dengan terpaksa kerana ada sebab-sebab tertentu yang menghalang daripada namanya dicatit sebagai pemilik bersama rumah tersebut.⁵¹ Ada percampuran harta secara nyata dalam akad ini jika kedua belah pihak –pemilik dan penghuni, sama-sama menyumbang ke atas pembelian rumah.

Saya cenderung mengatakan bahawa jenis akad "pemilik-penghuni" ini boleh dimasukkan dalam akad *syarikah amwāl* dengan syarat bahawa keduanya sama-sama menyumbang dari segi kewangan terhadap pembelian rumah. Sebab tidak dapat dinafikan bahawa harta keduanya telah bercampur. Pemilik dan penghuni sama-sama mempunyai hak ke atas rumah tersebut. Adapun jika pihak penghuni tidak menyumbang dari segi kewangan maka ianya adalah harta milik mutlak penama seorang.

⁵¹ Dalam kes antara *Lailawati bte Shahwari lawan Md Normaya bin Abdullah*, MS No. 08636, pihak suami tidak mencatitkan namanya sebagai pemilik disebabkan kasus muflis yang dikenakan kepadanya oleh Otoriti Kewangan Singapura. Selagi namanya tercatit sebagai muflis, dia tidak diizinkan untuk melakukan transaksi jual beli tanpa keizinan daripada Otiriti Kewangan tersebut. Dalam kes antara *Sanimah bte Sudin lawan Mohd Kamal bin Mohd Haniba*, LRS No. 27/1993, pihak isteri mendakwa bahawa rahsia disebalik tidak tercatitnya namanya sebagai pemilik dan hanya sebagai penghuni adalah kerana ketika ingin mendaftarkan pembelian rumahnya, kad pengenalannya tertinggal sehingga namanya tidak boleh didaftar sebagai pemilik.

Penilaian ini ada kesamaan dengan keputusan yang diambil oleh Presiden Mahkamah ketika didapati bahawa pihak penghuni menyumbang dari segi kewangan terhadap pembelian rumah. Dalam kes antara *Lailawati lawan Md Normaya*, Presiden memberikan bahagian kepada pihak suami yang hanya tercatit sebagai penghuni. Di antara sebab utamanya adalah bahawa pihak suami ada menyumbang dari segi kewangan walaupun rumah tersebut tercatit sebagai milik tunggal isteri.⁵²

⁵² *Lailawati bte Shahwari dan Md Normaya bin Abdullah*, MS No. 08636. Dalam penghakimannya Presiden menyatakan : "Mahkamah dipahamkan bahawa suami dihukum "muflis". Justeru itu beliau tidak boleh berjual beli tanpa izin "Official Assignee", sehingga beliau dibebaskan dari "bankruptcy". Dengan fakta ini, tidaklah hairan jika rumah tersebut hanya menggunakan nama isteri sahaja. Walaupun demikian, tidaklah bermakna suami tidak ada hak langsung kerana suami ada menyumbang dengan "cash" dan wang pampasan yang telah digunakan untuk ubah-elog rumah tersebut adalah hasil perkongsian mereka bersama semasa di rumah kampung dan mereka sejak 1976 lagi telah duduk bersama sebagai suami/isteri (kenyataan ini tidak dapat dibantah oleh isteri). Oleh yang demikian Mahkamah membuat keputusan tidak membenarkan isteri memiliki sepenuhnya, tanpa memberi hak kepada suaminya. Dalam pemikiran Mahkamah, seandainya seorang isteri yang tidak menyumbang sedikitpun terhadap harta suaminya (rumah umpamanya), berhak juga mendapat haknya. Jadi bagaimana pula tentang suami? Apakah beliau tidak berhak menuntut harta isteri? Jawabannya tidak, jika isteri memiliki hartanya itu secara mutlak, bukan dari hasil perkongsian hidup dengan suminya, seperti harta warisan. Tetapi dalam kes ini, tanpa suami dan anak-anak, kemungkinan besar isteri tidak dapat membeli rumah. Tambahan pula dalam kes ini suami ada menyumbang sama ada dari segi pembayaran rumah ubahsuai dan penjagaan rumah dari hari ke hari. Atas dasar inilah Mahkamah memutuskan supaya rumah ini dijual di pasaran terbuka.

3.3 Fakta Kes Melibatkan Tabung Simpanan Pekerja (CPF)

CPF adalah salah satu lembaga kewangan kerajaan Singapura yang mengatur keperluan kewangan rakyatnya dalam beberapa urusan yang melibatkan kewangan. Di antaranya adalah keperluan pembelian rumah dan wang sara hidup ketika seseorang telah tidak bekerja lagi.

Kerajaan Singapura mewajibkan rakyatnya untuk memberikan sumbangan ke atas akaun CPF dengan cara pemotongan antara 5-10% gaji bulanan. Pihak majikan juga diwajibkan menyumbang kepada akaun CPF pekerjanya dalam kisaran yang sama 5-10%. Beras-kecilnya sumbangan ini bergantung kepada ketentuan kerajaan setelah melihat kepada keadaan ekonomi negara dan juga keadaan syarikat majikan pekerja tersebut.

Akaun CPF dibahagikan kepada empat bahagian⁵³: Akaun Kesihatan (*medisave*), Akaun Khas, Akaun *Ordinary* dan Akaun Persaraan (apabila mencecah umur 55 tahun). Pertama: akaun kesihatan hanya boleh dikeluarkan untuk keperluan kesihatan pemilik akaun tersebut dan ahli keluarga terdekatnya seperti suami isteri, ibu bapa, anak-anak dan juga adik-beradik. Kedua: akaun khas adalah akaun simpanan yang hanya boleh digunakan pada masa-masa kecemasan yang diluluskan oleh lembaga CPF dan untuk pelaburan yang mempunyai risiko yang sangat kecil. Akaun ini dikhaskan untuk keperluan golongan lanjut usia. Ketiga Akaun ordinari. Akaun inilah yang sepenuhnya dimiliki oleh pencarum dan boleh digunakan untuk membeli rumah; melabur pada saham-saham tertentu yang dibenarkah oleh pihak Lembaga CPF. Akaun ini boleh diambil ketika usia sudah mencecah 55 tahun

⁵³ http://www.finatiq.com/helpcentre/Hcr_Basics_CPF.shtml. (11/12/2007).

dengan beberapa syarat tertentu yang di antaranya mestilah pencarum mempunyai wang minima sebanyak S\$80,000.00 (tahun 2003) yang perlu ada dalam CPF. Wang yang tersimpan inilah yang akan dijadikan Akaun Persaraan setelah pencarum mencecah usia 55 tahun.⁵⁴

Besar-kecilnya jumlah wang yang ada dalam akaun CPF seseorang bergantung kepada besar-kecilnya gaji yang diterima oleh pemilik akaun tersebut; lamanya tempoh seseorang bekerja; pelaburan melalui wang CPF yang menguntungkan atau perkara-perkara lain yang boleh menyumbang kepada CPF.

Jika diandaikan bahawa seseorang bergaji S\$2,000.00 sebulan dan bekerja selama 30 tahun, maka dianggarkan wang yang ada dalam akaun CPFnya adalah $2000 \times 20\% (10\% \text{ daripada sumbangan pemilik akaun dan } 10\% \text{ daripada sumbangan majikan}) = S\$400 \times 12 \times 30 = S\$144,000.00$. Dari jumlah ini $60\% = S\$86,400.00$ dimasukkan ke dalam akaun ordinary yang menjadi milik mutlak pemilik akaun dan boleh diambil ketika memasuki usia bersara.

Jika berlaku perceraian, wang CPF dalam akaun ordinari –dalam contoh di atas adalah S\$86,400.00, adalah antara yang dituntut oleh pasangan sebagai harta sepencarian dan minta dibahagikan antara suami dengan isteri. Ada juga yang menuntut ketiga-tiga akaun CPF sebagai harta sepencarian yang perlu dibahagi ketika berlaku perceraian.⁵⁵ Adakah harta CPF termasuk harta sepencarian, ataukah

⁵⁴ Berikut pernyataan lengkap Lembaga CPF: “**How much is the Minimum Sum?** Setting aside the Minimum Sum when you reach 55 ensures that you have some regular income from age 62 (current draw-down age) to live on in your retirement. The Minimum Sum was set at \$80,000 in 2003 and will be raised gradually until it reaches \$120,000 (in 2003 dollars) in 2013, and will be adjusted yearly for inflation. If you are unable to set aside your full Minimum Sum in cash, your property, bought with your CPF savings, will be automatically pledged for up to half Minimum Sum. <http://mycpf.cpf.gov.sg/CPF/my-cpf/reach-55/Reach55-2.htm>. (11/12/2007).

⁵⁵ Mohamed Saleh bin Mohamed Shah lawan Zainun, LRS No. 17/2001.

ianya adalah hak mutlak kepada pemilik akaun sebagai jaminan masa tuanya? Berikut adalah kajiannya.

3.3.1 Lembaga Rayuan Syariah Mengiktiraf Wang CPF Sebagai Harta Sepencarian

Dalam salah satu takrif terhadap harta sepencarian, AMLA (1999) menafsirkannya sebagai harta yang dimiliki oleh salah satu pasangan suami isteri atau dimiliki bersama oleh keduanya selama tempoh perkahwinan.⁵⁶

Daripada takrif tersebut dapat difahami bahawa CPF suami isteri adalah salah satu daripada harta yang boleh dikategorikan sebagai harta sepencarian. Sebab CPF adalah wang simpanan yang diambil daripada gaji bulanan pekerja dan disimpan dalam akaun tersendiri dan dimiliki sepenuhnya oleh penama akaun tersebut untuk keperluan hari tua; membeli rumah atau keperluan lain yang dibenarkan oleh lembaga CPF. Jadi semua simpanan CPF yang dikumpulkan oleh kedua belah pihak selama dalam tempoh perkahwinan adalah merupakan harta sepencarian.

Lembaga Rayuan telah memasukkan wang CPF sebagai bagian daripada harta sepencarian suami isteri. Lembaga melihat bahawa Mahkamah mempunyai kuasa untuk membahagikan wang CPF sepertimana termaktub dalam seksyen 52(3)(d):

"the Court may, at any stage of the proceedings for divorce or nullity of marriage or after making a decree or order for divorce or nullity of marriage, or after any divorce has been registered whether before or after 1st August 1999 under section 102, on the

⁵⁶ AMLA seksyen 52 (14) Tertakluk dalam pengertian '*Property*' yang ada dalam seksyen ini adalah: (b) Harta yang dimiliki oleh salah satu pasangan suami isteri atau dimiliki bersama oleh keduanya selama tempoh perkahwinan.

application of any party, make such orders as it thinks fit with respect to-(d) the disposition or division of property on divorce or nullification of marriage".

Perkataan "property" dalam seksyen tersebut ditakrifkan dalam seksyen 52(14)(b) dalam seksyen yang sama dengan "*any other asset of any nature acquired during the marriage by one party of both parties to the marriage*". Ertinya; mana-mana harta benda yang dimiliki oleh salah satu pasangan atau dimiliki bersama adalah merupakan harta sepencarian selagimana ianya diperolehi dalam tempoh perkahwinan.

Dalam kes antara *Khadijah lawan Yusoff*,⁵⁷ Lembaga Rayuan telah menegaskan status wang CPF sebagai harta sepencarian dengan mengatakan : "oleh kerana wang CPF telah diperolehi selama dalam tempoh perkahwinan maka ianya tertakluk dalam butir (b) seksyen 52(14) daripada AMLA. Dan oleh kerana wang CPF adalah merupakan harta benda, maka Mahkamah mempunyai kuasa untuk membahagikan wang tersebut sebagaimana tertakluk dalam seksyen 52(3)(d) di atas".

Pembuktian bahawa wang CPF adalah merupakan bagian daripada takrif harta sepencarian yang dimaksudkan oleh AMLA dalam seksyen 52(14)(b) dianggap penting oleh Lembaga Rayuan. Di antaranya disebabkan kerana Mahkamah Syariah dalam beberapa keputusannya telah menolak memasukkan wang CPF ke dalam harta sepencarian. Perkara ini dapat dilihat daripada beberapa kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah.⁵⁸

⁵⁷ *Khadijah bte Omar lawan Mohamed Yusoff bin Seeni Rawther*, LRS No. 24/2001.

⁵⁸ Lihat juga kes antara *Azizah bte Daud lawan Mohammad Johari bin Salleh*, MS No. 18200; *Fatimah bte Umar Abdat lawan Hussain bin Salim Mubarak Abdat*, MS No. 21066; *Norlia bte*

3.3.2 Beberapa Sebab Penolakan Mahkamah Syariah ke Atas Tuntutan Harta Sepencarian Daripada Wang CPF

Mahkamah Syariah mempunyai sebab-sebanya tersendiri ketika menolak beberapa tuntutan pihak isteri ke atas wang CPF suaminya. Di antaranya adalah bahawa kewujudan isteri tiada memberikan kesan ke atas wang CPF yang berjaya dikumpulkan oleh pihak suami selama dalam ikatan perkahwinan. Usia perkahwinan juga dianggap sebagai faktor penting dalam pengumpulan wang CPF, sehingga Mahkamah melihat bahawa usia perkahwinan yang pendek adalah sebab yang munasabah bagi penolakan tuntutan wang CPF pihak suami. Berikut adalah kes-kes yang berkaitan dengannya.

Di antaranya kes *Syed Husin lawan Saniah*,⁵⁹ Dalam kes ini Mahkamah Syariah telah menolak tuntutan plaintiff 50% daripada wang CPF defendant. Antara alasan penolakannya adalah bahawa pihak isteri tidak mempunyai pengaruh apapun terhadap adanya wang CPF suami. Tanpa kewujudan isteri sekalipun, pihak suami tetap akan mendapatkan wang CPF selagi mana ia bekerja dan mendapat gaji dari pekerjaannya itu. Dalam kes ini juga, isteri dianggap tidak memberikan apa-apa sumbangaan terhadap pekerjaan suami sebagai seorang guru. Seperti menyiapkan perancangan pengajaran; menyemak kertas kerja dan latihan murid-muridnya. Oleh yang demikian maka wang CPF adalah hak individu dan diperolehi hasil jerih payah suami sendiri tanpa ada pengaruh positif apapun daripada pihak isteri.⁶⁰

Tambi lawan Harris bin Awang, MS No. 18534; *Rosnah bte Perman lawan Shak Ban bin Md Ludin*, MS No. 14366.

⁵⁹ *Syed Husin bin Syed Ali dan Saniah bte Amit*, MS No. 19331.

⁶⁰ Alasan yang sama juga dikemukakan oleh Mahkamah terhadap penolakan tuntutan isteri ke atas wang CPF suami dalam kes-kes berikut ini: Kes antara *Norlia bte Tambi lawan Harris bin Awang*, MS No. 18534, Mahkamah menyatakan : "saya menolak permohonan ini kerana saya berpendapat bahawa wang CPF bukanlah wang perkongsian di mana suami dan isteri sama-sama menghasilkannya, tetapi ia adalah hasil suami semata-mata. Ini jelas kerana jika suami bernikah dengan wanita lain sekalipun, tetap suami akan mendapat CPF yang sepatutnya. Ertinya isteri tidak

Usia perkahwinan yang pendek juga menjadi pertimbangan Mahkamah Syariah ketika menolak tuntutan isteri ke atas wang CPF suami. Ertinya jika perkahwinan tersebut lebih daripada 10 tahun atau bahkan mencecah 20 tahun lebih, maka pihak Mahkamah Syariah mempertimbangkan tuntutan ke atas wang CPF suami. Tetapi jika usia perkahwinan keduanya kurang daripada 10 tahun maka biasanya pihak Mahkamah Syariah menolak tuntutan wang CPF suami. Perkara ini pernah diutarakan oleh Presiden Mahkamah Syariah yang lepas Ust Sallim Jasman ketika ditanya berkaitan dengan tuntutan ke atas wang CPF.⁶¹

Perkara ini juga didapati dalam beberapa kes yang melibatkan tuntutan wang CPF suami di Mahkamah Syariah. Dalam kes antara *Irwan lawan Noorhani*,⁶² Mahkamah membentangkan alasan penolakannya sebagai berkata: "Mahkamah juga mendapati pernikahan yang didirikan oleh pasangan ini merupakan pernikahan yang tidak begitu lama dan kurang daripada sepuluh tahun".⁶³

Dalam kes lain antara *Iryati lawan Noh*,⁶⁴ Mahkamah menjadikan pendeknya usia perkahwinan antara keduanya sebagai salah satu sebab penolakan tuntutan isteri ke atas wang CPF suami. Mahkamah menyatakan : "Saya perhatikan

memberi kesan kewujudan atau ketiadaan wang CPF suami. Maksud saya sama ada suami beristerikan orang lain atau beristerikan isteri ini atau mempunyai isteri lain. Isterinya atau isterinya tidak terlibat dengan sedikit atau banyaknya wang CPFnya. Bahkan jika suami tidak beristeri sekalipun, dia tetap akan dapat CPF-nya jika dia terus bekerja. Oleh itu tuntutan ini tidak patut diberi pertimbangan". Kes antara *Rahmat bin Muin lawan Maryani Abdullah Seah@ Seah Chay Huang*, MS No. 14576, Mahkamah menyatakan : "Saya juga tidak menimbangkan tentang CPF, kerana masalah CPF ialah wang peribadi seseorang pekerja yang mana setiap pekerja diberi atau dipaksa menyimpan kadar-kadar tertentu yang ditetapkan. Jadi hak CPF adalah hak individu".

⁶¹ Temubual antara Presiden Mahkamah yang lalu, Ust Sallim Jasman dengan penulis yang dijalankan di pejabat Beliau di Mahkamah Syariah pada awal tahun 2005.

⁶² *Irwan bin Mansor lawan Noorhani bte Mohd Noor*, MS No. 26800.

⁶³ *Irwan bin Mansor lawan Noorhani bte Mohd Noor*, MS No. 26800.

⁶⁴ *Iryati bte Madban lawan Mohamed Noh bin Asmoni*, MS No. 24637.

juga bahawa perkahwinan mereka tidaklah terlalu lama ialah hanya lebih kurang 8 tahun"

3.3.3 Bentuk Sumbangan Tidak Langsung ke Atas Wang CPF

Dalam asas-asas penghakimannya terhadap kes di atas,⁶⁵ Lembaga Rayuan mengatakan bahawa walaupun tiada bukti bahawa pihak isteri telah secara langsung membantu pekerjaan suaminya, tetapi sumbangan itu boleh nampak dalam bentuk lain. Seperti menjaga dan mengambil berat segala urusan dan keperluan keluarga; menjaga kebajikan anak-anak ketika suami keluar bekerja. Perkara ini semua boleh membantu suami memberikan penumpuan sepenuhnya kepada kerjayanya sehingga ia berjaya. Tanpa bantuan dan sokongan daripada isterinya, pihak suami tidak akan dapat menjalankan tugas-tugas di tempat kerjanya dengan efektif dan berkesan. Maka akan menjadi perkara yang sangat menyediakan jika semua penat lelah isteri sebagai suri rumah sepanjang 29 tahun perkahwinan mereka, tidak diberikan apa-apa bahagian daripada wang CPF yang dikumpulkan oleh suaminya.⁶⁶

Hatta sebelum adanya pindaan akta AMLA tahun 1999 –yang di dalamnya ada diperuntukkan seksyen 52 tentang harta benda suami isteri dalam perkahwinan, Lembaga Rayuan telah mengiktiraf kewujudan hak isteri terhadap wang CPF yang dimiliki oleh suaminya. Dalam kes *Asmah Bee lawan Selamat*,⁶⁷ Lembaga Rayuan telah mengakui peranan dan sumbangan tidak langsung isteri terhadap rumah tangga dengan menjaga dan memenuhi keperluan keluarga. Sumbangan inilah yang

⁶⁵ Kes Saniah bte Amit lawan Syed Husin bin Syed Ali, MS No. 19331.

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ Asmah Bee bte Mohd Din lawan Selamat bin Sarkawi, LRS No. 11/1995.

dijadikan sebab utama oleh Lembaga Rayuan dalam memberi pihak isteri bahagian 50% daripada wang CPF suaminya.⁶⁸

Rujukan yang digunakan oleh Lembaga Rayuan ketika itu –sebelum pindaan akta AMLA (1999), adalah adanya persamaan antara harta perkahwinan dalam seksyen 112 Akta Perlindungan Wanita.⁶⁹ Rujukan juga diambil daripada keputusan Mahkamah Sivil antara *Lam Chih lawan Ong Chin Ngoh*⁷⁰ yang memasukkan wang CPF dalam harta perkahwinan yang diperolehi oleh pasangan selama dalam tempoh perkahwinan.

Dalam kes tersebut,⁷¹ sumbangan tidak langsung isteri sebagai suri rumah dan peranannya dalam menjaga dan menguruskan semua keperluan anggota

⁶⁸ Pemberian 50% daripada wang CPF suami bukanlah sebagai panduan ke atas kes-kes yang melibatkan tuntutan wang CPF suami. Dalam asas-asas penghakimannya Lembaga menegaskan : "This in however not to be taken as a precedent that a 50% of CPF as part of harta sepencarian is the rule. Each case will have to be considered separately".

⁶⁹ Akta lengkap seksyen 112.

Power of court to order division of matrimonial assets. 112. —(1) The court shall have power, when granting or subsequent to the grant of a judgment of divorce, judicial separation or nullity of marriage, to order the division between the parties of any matrimonial asset or the sale of any such asset and the division between the parties of the proceeds of the sale of any such asset in such proportions as the court thinks just and equitable.

(2) It shall be the duty of the court in deciding whether to exercise its powers under subsection (1) and, if so, in what manner, to have regard to all the circumstances of the case, including the following matters:

(a) the extent of the contributions made by each party in money, property or work towards acquiring, improving or maintaining the matrimonial assets;

(b) any debt owing or obligation incurred or undertaken by either party for their joint benefit or for the benefit of any child of the marriage;

(c) the needs of the children (if any) of the marriage;

(d) the extent of the contributions made by each party to the welfare of the family, including looking after the home or caring for the family or any aged or infirm relative or dependant of either party;

(e) any agreement between the parties with respect to the ownership and division of the matrimonial assets made in contemplation of divorce;

(f) any period of rent-free occupation or other benefit enjoyed by one party in the matrimonial home to the exclusion of the other party;

(g) the giving of assistance or support by one party to the other party (whether or not of a material kind), including the giving of assistance or support which aids the other party in the carrying on of his or her occupation or business; and

(h) the matters referred to in section 114 (1) so far as they are relevant.

⁷⁰ [1993] 2 SLR 253.

⁷¹ *Lam Chih lawan Ong Chin Ngoh*.

keluarga; membuat kerja-kerja rumah, adalah munasabah bagi isteri untuk mendapatkan bahagian daripada wang CPF yang dimiliki oleh suaminya. Bahkan sumbangan tidak langsung isteri kekal berterusan selepas perceraian, kerana anak-anak masih berada dalam jagaan dan perhatian pihak isteri.

Segala pengorbanan pihak isteri dalam mengurus dan mengambil berat terhadap keluarga sangat wajar untuk dipertimbangkan. Utamanya jika pihak isteri menjadi suri rumah sepenuh masa dan tidak mempunyai simpanan wang CPF yang secukupnya untuk menyara hidupnya di masa tua. Sementara itu pihak suami menikmati wang CPF yang dikumpulkannya selama dalam tempoh perkahwinan dengan isterinya secara sendirian. Padahal wang CPF itu terkumpul kerana adanya sumbangan tenaga dan fikiran daripada pihak isteri yang telah menemaninya selama berpuluhan tahun. Akhirnya isteri pulang dengan tangan hampa dan kosong tanpa mendapatkan apa-apa pengiktirafan daripada penat lelahnya selama menjalani hidup dengan suaminya.

Keprihatinan ini juga ditunjukkan oleh Lembaga Rayuan dalam kes antara *Mohamed Saleh lawan Zainun*.⁷² Sedikitnya wang CPF yang dimiliki oleh pihak isteri ketika berlaku perceraian menjadi salah satu perhatian Lembaga. Apalagi ternyata wang CPF suami mencecah angka seratus ribu Dollar.⁷³

⁷² *Mohamed Saleh bin Mohamed Shah lawan Zainun*, LRS No. 17/2001.

⁷³ Berikut pernyataan Lembaga Rayuan dalam kes antara *Mohamed Saleh bin Mohamed Shah lawan Zainun*: "Apparently the wife had little in her CPF saving. She had S\$548.18 in her Ordinary Account and S\$248.31 in her Medisave Account. Considering the paltry amount, I decided that she should be allowed to retain the entire sum. The substantial savings were the monies of the husband in his CPF account. As at 9 May 2001, the husband had S\$128,206.86 in his Ordinary Account, S\$23,437.27 in his Special Account and S\$24,000.00 in his Medisave Account".

Keadaan kewangan isteri juga menjadi perhatian pihak Lembaga dalam memutuskan besarnya bahagian yang akan diperolah daripada CPF suaminya. Dalam kes antara *Khadijah lawan Yusoff*,⁷⁴ Lembaga Rayuan memberikan kepada isteri 35% sahaja daripada wang CPF suaminya. Pihak isteri dianggap mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Lembaga Rayuan mengatakan : "Pihak isteri bukanlah orang yang tidak mempunyai harta benda atau sumber kewangan lain. Dia memiliki harta benda yang tidak sedikit. Dia mengaku bahawa dia adalah anak kepada seorang ibu yang kaya dan perkahwinan dengan suaminya juga disebabkan kekayaan yang dimiliki oleh pihak isteri. Dia juga memiliki 3 akaun tetap bersama saudara perempuannya di bank Islam Johor".

Daripada empat kes yang dikaji yang di rujukkan ke Lembaga Rayuan berkaitan dengan tuntutan pihak isteri ke atas wang CPF suami, Lembaga Rayuan mengabulkan kesemua ke empat-empat tuntutan pihak isteri dan mengubah keputusan Mahkamah Syariah yang menolaknya. Lembaga Rayuan berpendapat bahawa wang CPF termasuk dalam tafsiran harta sepencarian yang termaktub dalam seksyen 52 (14)(b).⁷⁵

Konsistensi ini telah secara tidak langsung mengukuhkan penafsiran harta sepencarian yang telah mengalami perluasan maknanya daripada sekadar harta yang dimiliki oleh kedua suami isteri atas usaha bersama, kepada harta yang dimiliki

⁷⁴ *Khadijah bte Omar bin Sahid Makarim lawan Mohamed Yusoff bin Seeni Rawhter*, MS No. 14765.

⁷⁵ Seksyen 52(14) For the purposes of this section, "property" means —
(b) any other asset of any nature acquired during the marriage by one party or both parties to the marriage, but does not include any asset (not being a matrimonial home) that has been acquired by one party at any time by gift or inheritance and that has not been substantially improved during the marriage by the other party or by both parties to the marriage.

salah satu pasangan walaupun pihak yang satu lagi tidak memberikan apa-apa sumbangan langsung ke atas diperolehinya harta tersebut. Hakikatnya bahawa wang CPF adalah usaha mutlak penama akaun tersebut yang dipotong daripada gaji bulanannya yang diperolehi selama dalam tempoh perkahwinan.

3.3.4 Hak Suami Dalam Wang CPF Isteri

Perlu diungkapkan bahawa Lembaga Rayuan tidak menjadikan keadaan kewangan CPF isteri sebab utama dikabulkannya tuntutan isteri ke atas wang CPF suami. Lembaga lebih berpegang kepada prinsip bahawa wang CPF tertakluk dalam takrif harta sepencarian. Bermakna bahawa pihak isteri berhak ke atas wang CPF yang dimiliki oleh suaminya. Pihak suami tentunya juga berhak ke atas wang CPF yang dimiliki oleh pihak isteri, tetapi perkara ini –iaitu suami juga berhak ke atas wang CPF yang dimiliki oleh pihak isteri, tidak dinyatakan secara jelas oleh Lembaga Rayuan dalam asas-asas penghakimannya ke atas tuntutan wang CPF. Hal ini mungkin disebabkan kerana tiada kes yang dirujukkan ke Lembaga tersebut yang melibatkan tuntutan pihak suami ke atas wang CPF yang dimiliki oleh isterinya.

Namun demikian ianya boleh difahami daripada huraihan lanjut Lembaga Rayuan dalam kes antara *Mohamed Saleh lawan Zainun*.⁷⁶ Dalam kes tersebut pihak isteri menafikan bahawa wang yang ia simpan dalam bentuk simpanan tetap (fixed deposit) di bank Overseas Union Bank (OUB) adalah miliknya sendiri dan bukan harta sepencarian. Pihak isteri beralasan bahawa wang tersebut adalah terkumpul daripada lebihan belanja harian yang diberikan oleh suami kepadanya sepanjang tempoh perkahwinan mereka.

⁷⁶ *Mohamed Saleh bin Mohamed Shah lawan Zainun*, LRS No. 17/2001.

Lembaga Rayuan menafikan anggapan sedemikian dengan mengatakan: "walaupun benar bahawa wang itu adalah murni hasil simpanan pihak isteri daripada lebihan wang belanja, tetap sahaja ianya merupakan harta sepencarian". Lembaga lebih lanjut menafikan anggapan sesetengah orang yang menganggap bahawa wang milik isteri daripada hasil kerjanya sendiri adalah terkeluar daripada tafsiran harta sepencarian. Selagi wang tersebut diperolehi oleh isteri selama dalam tempoh perkahwinan dengan suaminya maka wang tersebut tertakluk dalam makna dan tafsiran harta sepencarian.⁷⁷

Wang CPF isteri adalah wang yang dikumpul dan dihasilkan olehnya selama dalam ikatan perkahwinan, berarti ianya adalah termasuk dalam takrif harta sepencarian. Maka menjadi bidangkuasa Mahkamah untuk membahagikan harta tersebut ketika berlaku perceraian. Bidang kuasa ini tertera dalam seksyen 52 (3)(d) AMLA.⁷⁸

3.3.5 Status Wang CPF yang Diperoleh Sebelum Perkahwinan

Menarik untuk diketengahkan bahawa wang CPF telah dimasukkan dalam harta sepencarian kerana ianya diperoleh oleh pasangan suami isteri semasa dalam tempoh perkahwinan walaupun dengan usaha tunggal salah satu pasangan. Tetapi Lembaga Rayuan tidak membincangkan kemungkinan adanya sejumlah wang yang terkumpul dalam wang CPF suami yang diperolehnya sebelum perkahwinan.

⁷⁷ AMLA Seksyen 52(14)(b).

⁷⁸ Berikut ungkapan Lembaga: "In any case, the wife's position that the monies were not matrimonial assets was not correct. The determining factor is not the source of the funds. The funds would be considered as matrimonial property once it is acquired by either party during the marriage. These monies are in essence an asset acquired by the wife during the marriage and accordingly would fall the category in section 52(3)(d). Lihat kes *Mohamed Saleh lawan Zaitun*, LRS No. 17/2001.

Hanya dalam kes antara *Mohamed Saleh lawan Zaitun*,⁷⁹ Lembaga memberikan perhatian terhadap masalah ini. Lembaga bersetuju dengan peguam pihak suami yang menyatakan bahawa sepatutnya wang CPF yang perlu dimasukkan dalam harta sepencarian hanyalah wang CPF yang terkumpul ketika berlakunya perkahwinan. Walaupun Lembaga menyetujui perkara ini tetapi dalam kes tersebut Lembaga tidak memberikan pertimbangan yang sewajarnya memandangkan bahawa pihak suami tidak dapat membuktikan bahawa sebelum berkahwin dengan pihak isteri, dia telah bekerja dan menyumbang dalam jumlah yang nyata ke atas wang CPFnya. Pihak suami juga gagal menunjukkan kadar wang CPF yang terkumpul sebelum berkahwin.

Pemisahan ini juga pernah ditimbulkan pihak suami di Mahkamah Sivil dalam kes antara *Ng Hwee Keng dan Chia Soon Hin Willian* (1995) 2 SLR 231. Walau bagaimanapun Lembaga Rayuan tidak mempertimbangkan faktor ini kerana sumbangan kewangan suami sebelum berkahwin adalah sangat sedikit. Sebahagian besar sumbangan kewangannya kepada wang CPF datang dalam masa perkahwinan mereka.⁸⁰

⁷⁹ *Mohamed Saleh lawan Zaitun*, LRS No. 17/2001.

⁸⁰ Berikut keterangan lengkap Mahkamah Rayuan Sivil. marriage. We are therefore not disposed to make any adjustment for the funds in his CPF account accumulated before the marriage. "it is now settled law that the CPF funds of a spouse acquired during the marriage are subject to division under s 106: *Lam Chih Kian v Ong Cin Ngoh*. However, following the approach taken by this court in that case, the husband argued that the balance of his CPF should only be equivalent to 19/24 of that total amount, which worked out to be S\$315,865.48. This, he argued, was to take into account the fact that the marriage only subsisted for 19 out the 24 years in which his CPF funds were accumulated. We are unable to accept this argument. We do not think that in this case it is fair to prorate his CPF contributions on this basis. The husband must have been earning a much lower income when he first stated working and the CPF contributions during the period prior to his marriage could not have been considerable. The larger bulk of his funds in the CPF account must have come from earnings after marriage.

Pemisahan ini menjadi penting untuk memastikan bahawa tiada unsur pengambilan harta orang lain secara batil (dengan tanpa kebenaran) berlaku sebagaimana yang digariskan oleh Allah swt. dalam Al-Qur'an. Firman Allah:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah engkau memakan harta sesama Muslim secara batil (tiada kebenaran), kecuali dengan cara perniagaan yang berasaskan kepada keredaan antara kamu".

Sūrah Al-Nisā' (5) : 29

Mungkin dalam kes di atas pemisahan wang CPF yang diperoleh sebelum perkahwinan dan ketika perkahwinan tidak begitu penting kerana hampir keseluruhan wang CPF yang dikumpulkannya berlaku ketika perkahwinan. Tetapi jika berlaku yang sebaliknya, maka pemisahan ini perlu dan wajar dilakukan.

Keadaan sedemikian boleh berlaku jika seseorang lelaki lambat berkahwin.

Cuba kita bayangkan senario berikut ini. Seseorang baru berkahwin pada usia 40 tahun dan telah bekerja semenjak usia 25 tahun. Perkahwinan antara keduanya terpaksa berakhir dengan perceraian setelah mengharungi kehidupan rumah tangga bersama isterinya selama 15 tahun. Ini bermakna bahawa separoh daripada wang CPF suami adalah terkumpul daripada hasil kerjanya sebelum berlangsungnya perkahwinan.

Dengan adanya pemisahan secara jelas antara wang CPF yang diperoleh oleh pasangan suami isteri sebelum berkahwin dan setelah berkahwin, unsur memakan harta orang lain secara batil boleh dielakkan. Pasangan suami isteri juga akan lebih mudah menerima dan rela dengan hakikat bahawa di dalam wang CPFnya ada hak yang perlu dikongsi dengan pasangannya ketika berlakunya perceraian.

Jika masing-masing pasangan suami isteri bekerja dan mempunyai wang CPF tersendiri, alasan penolakan daripada Mahkamah Syariah untuk memberikan pihak isteri bahagian daripada wang CPF suami, sementara itu pihak suami tidak diberi bahagian daripada wang CPF isteri adalah munasabah. Kalau pihak isteri diberi bahagian daripada wang CPF suami maka sepatutnya pihak suami juga diberi hak ke atas wang CPF isterinya.

Kalau diperhatikan dengan lebih cermat, hakikat bahawa pihak isteri juga mempunyai wang CPFnya tersendiri –yang juga diperoleh selama dalam tempoh perkahwinan dengan suaminya, menjadi salah satu sebab utama disebalik penolakan Mahkamah Syariah ke atas tuntutan pihak isteri terhadap wang CPF suami. Jika pihak isteri berhak ke atas wang CPF suaminya, maka suami juga berhak ke atas wang CPF isterinya. Maka akan terjadi tuntut menuntut antara suami dan isteri terhadap wang CPF masing-masing. Perkara ini akan menjadi rumit dan bebanan tersendiri yang ditanggung oleh pihak lembaga kewangan CPF.⁸¹

Dalam kes yang lain antara *Irwan lawan Noorhani*,⁸² Presiden Mahkamah menolak tuntutan pihak isteri ke atas wang CPF suaminya kerana pihak isteri juga mempunyai wang CPF yang tersendiri. Jika diterima tuntutannya, bererti wang CPF isteri juga mesti dikongsi dengan suaminya sebagai bahagian daripada harta sepencarian suami isteri. Mahkamah perlu menggabungkan wang CPF isteri ke dalam wang CPF suami untuk kemudiannya dibahagi sama rata antara kedua belah pihak.

⁸¹ *Syed Husin bin Syed Ali lawan Saniah bte Amit*, MS No. 19331.

⁸² *Irwan bin Mansor lawan Noorhani bte Mohd Noor*, MS No. 26800.

Alasan penolakan serupa juga dikemukakan oleh Mahkamah Syariah dalam beberapa kes yang melibatkan tuntutan isteri ke atas wang CPF suaminya. Dalam kes *Aminah dan Jasni*,⁸³ Mahkamah mengatakan : "Saya menolak tuntutan isteri untuk mendapatkan CPF suami, kerana saya percaya bahawa CPF ialah hak masing-masing sebagai pekerja di mana isteri juga mempunyai CPFnya sendiri... oleh itu saya berpendapat biarlah masing-masing penyimpan CPFnya masing-masing". Dalam kes *Iryati dan Mohamaed Noh*,⁸⁴ Mahkamah menjelaskan : "Saya tidak menimbangkan tuntutan ini (isteri menuntut 50% daripada CPF suaminya). Saya melihat bahawa isteri juga mempunyai CPFnya sendiri".

Pada hemat saya, jika wang CPF kedua suami isteri perlu digabungkan untuk mendapatkan fakta yang jelas ke atas kedudukan kewangan pasangan masing-masing daripada wang CPF yang dimilikinya, maka hal ini perlu dilakukan walaupun ianya boleh menimbulkan sedikit banyak kerumitan dalam pengurusan dan penghitungannya. Apalagi jika undang-undang lembaga CPF mengizinkan penggabungan dan penghitungan wang CPF kedua suami isteri. Setelah diketahui secara pasti kedudukan wang CPF masing-masing, barulah dibahagikan antara keduanya mengikut pertimbangan-pertimbangan yang dianggap wajar oleh Hakim. Inilah cara yang lebih baik untuk hak yang adil kepada masing-masing pihak.

Hakikat lain bahawa pihak suami tidak pernah menuntut wang CPF yang dimiliki oleh isterinya menjadi pertimbangan tersendiri oleh Mahkamah Syariah.

⁸³ *Aminah bte Mohd Tahar dan Jasni bin Abdullah*, MS No. 21280.

⁸⁴ *Iryati bte Madban dan Mohamaed Noh bin Asmoni*, MS No. 24637.

Dalam kes antara *Rahmat lawan Maryani*,⁸⁵ Mahkamah memberikan analogi bahawa jika wang CPF adalah harta sepencarian yang boleh dituntut oleh salah satu pihak suami isteri, maka sepatutnya ada kes-kes tuntutan ke atas wang CPF yang melibatkan tuntutan daripada pihak suami ke atas wang CPF isterinya. Hakikat bahawa tidak pernah berlaku dalam tuntutan kes harta sepencarian yang dirujukkan ke Mahkamah Syariah atau Lembaga Rayuan pihak suami menuntut wang CPF isteri, mengukuhkan anggapan bahawa wang CPF bukan harta sepencarian. Sebab jika ianya adalah harta sepencarian maka sudah tentu pihak suami juga akan menuntut wang CPF isterinya.⁸⁶

Bukti lain bahawa Mahkamah Syariah tidak menolak 100% hakikat wang CPF sebagai bahagian daripada harta sepencarian adalah dikabulkannya beberapa kes tuntutan harta wang CPF suami daripada pihak isteri. Dalam kes antara *Abdurrachman lawan Siti Zainab*,⁸⁷ Mahkamah memberikan isteri S\$20.000 daripada wang CPF suami. Dalam kes ini, Mahkamah menyifatkan pemberian ini sebagai penerapan sifat 'ihsan' dan bonus untuk pihak isteri. Mahkamah juga memberikan pengiktirafan kepada sumbangan dan perkongsian hidup antara keduanya yang berlangsung selama 22 tahun. Mahkamah menyatakan : "Pada saya, sebagai ihsan dan bonus melewati tuntutan syara', isteri berhak mendapat

⁸⁵ *Rahmat bin Muin lawan Maryani Abdulla Seah@ Seah Shay Huang*, MS No. 14567.

⁸⁶ Ada kemungkinan ada kes-kes lain yang tidak dapat diungkap dalam penelitian saya, berkaitan dengan tuntutan suami ke atas wang CPF isterinya. Utamanya bahawa sekarang ini pihak isteri juga bekerja dan ikut terlibat dalam pembentukan kehidupan rumah tangga. Dan tidak sedikit juga yang mana pendapatan isteri lebih banyak daripada suami. Walaupun demikian, mungkin kes tuntutan suami ke atas wang CPF isteri –kalaupun ada, ia hanyalah segelintir sahaja.

⁸⁷ *Abdurrachman Ghazie Abdat lawan Siti Zainab bte Shikh Mohamed*, MS No. 25078.

S\$1,000.00 dari wang CPF suami setiap tahun. Dalam 22 tahun jumlahnya S\$22,000.00".⁸⁸

Dalam kes yang lain antara *Yusuff lawan Hapsah*,⁸⁹ Mahkamah mengabulkan tuntutan isteri ke atas wang CPF suami dengan perhitungan yang agak unik dan berlainan daripada kes-kes tuntutan wang CPF yang lain. Dalam kes ini Mahkamah mengambil kira hakikat bahawa wang CPF seseorang tidak boleh diambil sepenuhnya ketika mencapai usia persaraan 55 tahun. Wang yang boleh diambil hanyalah wang lebih daripada kadar minima yang perlu kekal ada dalam akaun CPF.⁹⁰ Daripada wang yang dianggarkan boleh diambil pada usia persaraan itulah Mahkamah mengambil keputusan dengan memberikan pihak isteri 20% daripada 100,000.00 yang dianggarkan boleh diambil oleh pihak suami ketika mencapai usia persaraan.

Ketika perkara ini dirujukkan ke Lembaga Rayuan,⁹¹ pihak Lembaga mempertimbangkan pendekatan ini, walaupun jumlah peratusan yang diperolehi oleh pihak isteri dinaikkan menjadi 60% daripada S\$100,000.00. Tiada butiran lanjut yang boleh dianalisa daripada asas-asas penghakiman Lembaga ke atas kes ini.⁹² Ada kemungkinan pihak Lembaga mempertimbangkan bahawa, walaupun

⁸⁸ *Ibid.* Lihat juga kes antara *Faiza bte Mahbob lawan Ahmad Khalid bin Abdullah*, MS No. 24495, Dalam kes ini , Mahkamah menolak tuntutan 50% isteri ke atas wang CPF suami, tetapi memberikan wang 'ihsan' sebanyak S\$17,000.00. Mahkamah mengatakan : "... saya membenarkan supaya sebahagian wang CPF suami diberi kepada isteri sebabai 'ihsan' sahaja, kerana mengambil kira bahawa perkahwinan mereka agak panjang masanya iaitu 17 tahun.

⁸⁹ *Yusuff bin Abdul Rahman lawan Hapsah bte Ali*, MS No. 26823.

⁹⁰ Kadar minima tersebut adalah SGD\$80,000.00 pada tahun 2003 dan akan terus meningkat hingga mencecah angka \$120,000.00 pada tahun 2013.

⁹¹ Kes Lembaga Rayuan no. 07/2005.

⁹² Dalam Perintah Lembaga Rayuan hanya tertulis pada butir (4): "Paragraph 11 of the Decree of Court is varied by replacing the amount of S\$20,000.00 to be charged and subsequently paid out to the Defendant with the amount S\$60,000.00.

sejumlah wang CPF pihak suami tidak boleh dikeluarkan ketika memasuki usia persaraan, tetapi hakikatnya wang tersebut tetap ada dan diberikan kepada pihak suami secara bulanan.

Ada beberapa kesimpulan yang dapat diambil daripada kajian-kajian berkaitan dengan tuntutan isteri ke atas wang CPF suami yang diputuskan di Mahkamah Syariah dan Lembaga Rayuan.

Pertama: wang CPF adalah termasuk harta sepencarian suami isteri yang boleh dituntut oleh pasangan suami isteri ketika berlaku perceraian. Ini sesuai dengan seksyen 52(14)(b) yang mentakrifkan '*property*' dalam seksyen ini sebagai semua harta benda yang dimiliki oleh salah satu pasangan atau dimiliki bersama selama dalam tempoh perkahwinan. Oleh yang demikian maka Mahkamah mempunyai kuasa untuk membahagikannya sesuai dengan budi bicara pihak Mahkamah setelah menimbangkan kebijikan kedua belah pihak dan menepati roh keadilan yang menjadi teras kepada syariat Islam.

Ketiadaan tuntutan pihak suami ke atas wang CPF isteri tidak menafikan hakikat bahawa wang CPF isteri juga termasuk dalam harta sepencarian yang boleh dituntut oleh pihak suami. Ada kemungkinan bahawa pihak suami tidak sedar akan haknya dalam wang CPF isterinya, atau pihak suami tidak menuntut wang CPF isterinya kerana jumlahnya yang sedikit atau keyakinan suami bahawa isteri adalah kaum wanita yang patut dibela dan diberikan perlindungan.

Kedua: Mahkamah Syariah menyedari hakikat bahawa wang CPF tertakluk dalam tafsiran harta sepencarian yang terdapat dalam seksyen 52 (14(b). Kenyataan bahawa hukum harta sepencarian yang masih dipertikai oleh beberapa sarjana Islam⁹³ ketika mengaitkan harta sepencarian dengan undang-undang Islam, menjadi pertimbangan yang tidak kalah penting bagi Mahkamah utamanya bahawa Mahkamah Syariah adalah berlandaskan kepada undang-undang Islam.⁹⁴ Apatah lagi bahawa wang CPF adalah hasil kerja murni individu yang diambil daripada potongan gaji bulanan pekerja untuk keperluan masa tua dan hari persaraan pekerja tersebut. Bermakna bahawa masing-masing pihak tidak mempunyai sumbangan secara langsung dalam bentuk apapun ke atas perolehan wang yang tersimpan dalam CPF.

Keprihatinan ini diutarakan oleh Mahkamah Syariah dalam beberapa alasan penolakan ke atas tuntutan isteri ke atas wang CPF suami. Dalam kes antara *Khadijah lawan Yusoff*, Mahkamah mengatakan : "Sebagaimana yang diketahui umum bahawa salah satu tujuan wang CPF yang disimpan oleh Lembaga CPF adalah bertujuan untuk kegunaan seorang pekerja setelah bersara. Dalam kes antara

⁹³ Di antaranya: Md. Akhir Hj. Yaacob dan DR. Siti Zalikhah Md. Noor. Beliau mengatakan : "Oleh demikian jelaslah bahawa peruntukan berkenaan dengan ini (harta sepencarian) hanya diberikan oleh adat melayu dan soal yang timbul ialah apakah adat seperti ini dapat diakui oleh Islam atau tidak? Jawapan kepada soalan ini tidaklah mudah walaupun Islam mengiktirafkan bahawa adat adalah menjadi salah satu dari sumber perundangannya". Kemudian beliau penyeru kepada ulama Nusantara untuk mengeluarkan fatwa berkaitan dengan perkara ini. Beliau mengatakan : "Nampaknya soalan ini memerlukan suatu keputusan oleh para alim ulamak di rantau ini atau sekurang-kurangnya oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan Indonesia yang dibuat setelah dikaji secara mendalam". Lihat Md. Akhir Hj. Yaacob dan DR. Siti Zalikhah Md. Noor (1989), *op.cit.*, h.76.

⁹⁴ Sentimen tersebut terungkap dalam ungkapan Mahkamah berikut ini: "Sebagai hakim syarīt saya akan mengelakkan diri saya daripada mengambil harta seseorang muslim, atau melucutkan hak suami itu. Di sini, CPF suami adalah hak suami, oleh itu tidaklah halal bagi saya dengan sesuka hati melucutkan hak suami itu. Rasulullah saw. bersabda "Darah-darah kamu dan harta-benda kamu haram atas kamu" dan sabdanya: "Setiap muslim haram darahnya, hartanya dan kehormatannya". Oleh kerana CPF itu hak mutlak suami, jadi (dalam syara') lebih baik bagi saya mengelakkan diri dari membuat ketetapan dan hukum yang tidak pasti dan tidak ada dalil *ṣarīh* (jelas) dalam syara'. Oleh yang demikian saya ketepikan tuntutan isteri ini. Lihat kes MS No. 19331.

Azizah lawan Johari,⁹⁵ Mahkamah menyatakan : "Saya tidak boleh menimbangkan tuntutan 1/2 dari CPF suami...kerana tujuan wang CPF ialah untuk menolong atau menjaga masalah pekerja yang berkenaan supaya dapat menyimpan wang yang secukupnya untuk kegunaan di hari tuanya".

Untuk mengelakkan daripada keraguan dalam diri para hakim di Mahkamah Syariah tentang status hukum harta sepencarian mengikut hukum syara', perlu kiranya Majlis Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura turut campur dengan mengeluarkan fatwa berkaitan dengan perkara ini, khasnya hukum wang CPF suami isteri sebagai harta sepencarian.

Menurut Naib Mufti Singapura Ust Mohamed Fatri Bakaram, Majlis Fatwa memang tidak pernah mengeluarkan fatwa berkaitan dengan harta sepencarian secara amnya, termasuklah di dalamnya status wang CPF pasangan suami isteri sebagai harta sepencarian yang patut dibahagi ketika berlaku perceraian antara suami isteri. Mungkin ini dikeranakan tiada individu atau lembaga yang meminta fatwa berkaitan dengan perkara sedemikian.⁹⁶

3.4 Fakta Kes Melibatkan Tuntutan Harta Sepencarian Daripada Harta Alih dan Sebagainya

Harta alih adalah semua harta benda yang boleh dipindahkan tempatnya dari satu tempat ke tempat lain. Ianya meliputi wang ringgit; perabot rumah; perhiasan emas; alat-alat electronic; kenderaan dan lain sebagainya yang mempunyai nilai dan

⁹⁵ *Azizah bte Daud lawan Mohammad Johari bin Salleh*, MS No. 18200.

⁹⁶ Mohamed Fatri Bakaram, Naib Mufti Singapura. Temubual pada 7 Januari 2008.

berharga. Ertinya semua harta benda yang boleh dialihkan dan yang diperoleh serta dimiliki oleh salah satu pasangan atau dimiliki bersama dalam tempoh perkahwinan adalah harta alih.

Bahagian pertama daripada pembahasan ini akan difokuskan kepada bahagian kewangan selain daripada wang CPF yang telah dibincangkan dalam sub tajuk yang lepas. Bahagian ini akan meliputi wang simpanan sama ada yang ada dalam tangan pemiliknya atau yang di simpan di dalam akaun bank; wang pelaburan yang dilaburkan dalam bentuk simpanan tetap (fix deposit); insuran; saham dan bentuk-bentuk lain daripada pelaburan yang sah dan diiktiraf oleh lembaga kewangan sesebuah negara.

Bahagian kedua adalah semua jenis kenderaan yang dimiliki salah satu pasangan atau dimiliki bersama oleh keduanya. Kenderaan tersebut meliputi kenderaan peribadi atau kenderaan untuk tujuan pekerjaan dan mencari rezeki.

Bahagian ketiga akan difokuskan pada perabot rumah yang dimiliki oleh pasangan suami isteri. Ianya meliputi perabot dapur; sofa; peralatan elektronik seperti televisyen, set alat ceraka padat (VCD & HiFi), computer dan peralatan elektronik lain yang dituntut oleh salah satu pasangan suami isteri.

3.4.1 Tuntutan ke Atas Aset Kewangan

Pada tajuk yang kedua, telah dibincangkan tentang kedudukan wang CPF daripada harta sepencarian pasangan suami isteri. Pada tajuk ini akan difokuskan kepada bahagian lain daripada aset kewangan masing-masing pihak yang

dimilikinya selama dalam akad perkahwinan. Aset kewangan selain wang CPF sengaja dipisahkan memandangkan bahawa wang CPF berlainan daripada aset kewangan lain.

Dalam wang CPF, wang yang ada dalam akaun tidak boleh dikeluarkan daripada akaunnya sebelum pemiliknya mencapai usia 55 tahun. Itupun jika wang CPF pencarum melebihi kadar minima yang ditetapkan oleh Lembaga CPF iaitu S\$80,000.00.⁹⁷ Jika kurang daripada jumlah tersebut, pemiliknya tidak boleh mengambilnya walau satu sen sekalipun. Sementara dalam aset kewangan lain, pemiliknya boleh dengan bebas mengeluarkan dan menggunakan wangnya bila-bila masa yang diinginkan. Dalam erti lain, wang CPF adalah pemilikan terhad, sementara dalam aset kewangan lain ianya adalah pemilikan mutlak.

Jika dalam pemilikan yang terbatas seperti wang CPF, pihak Mahkamah telah memasukkannya ke dalam tafsiran harta sepencarian, begitulah sepatutnya lebih utama bagi wang yang dimiliki secara mutlak oleh salah satu pasangan atau dimiliki oleh keduanya selama dalam tempoh perkahwinan.

Di antara kes-kes harta sepencarian yang banyak melibatkan tuntutan kewangan dalam pelbagai bentuknya adalah kes antara *Aernie lawan Abdul Fadzil*.⁹⁸ Pihak plaintif telah menuntut beberapa bentuk aset harta sepencarian daripada bekas suaminya yang telah menceraikannya pada 14 Mac 2004. Sepanjang perkahwinan mereka, pihak plaintif telah bekerja sebagai seorang guru di Singapura

⁹⁷ Lelaman Rasmi Simpanan Tabung Pekerja Singapura (CPF). <http://mycpf cpf.gov.sg/CPF/my-cpf/reach-55/Reach55-2.htm>. (11/12/2007).

⁹⁸ *Aernie bte Sulaiman lawan Abdul Fadzil bin Abdul Kadir*, MS No 25809.

dengan gaji S\$2,2200.00 sebulan pada tahun 1996-1997 dan S\$4737 pada Ogos 2004. Defendan telah mengaku sebagai penyelia operasi dalam Hashim Industries & Holdings Sdn Bhd (HIH) di Johor Baharu dengan pendapatan sebulan sekitar S\$3,300.00.

Pihak plaintif telah menuntut beberapa harta kewangan milik defendant. Besarnya peratusan bahagian yang dituntutnya diserahkan kepada budi bicara Mahkamah. Antara tuntutannya adalah: Saham *time share* dalam Tanco Resorts; 2 unit saham amanah yang ada pada Public Mutual Berhad dan Commerce Trust; keanggotaan dalam Octville Golf and Country Club; akaun simpanan di Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Malayan Banking Berhad dan akaun simpanan tetap dalam Bank Simpanan Malaysia; 150,000 saham dalam Hashim Manufacturing Sdn. Bhd. dan terakhir sekali, skim insuran dan pelaburan dalam Commerce Trust.

3.4.1(a) Tuntutan ke atas saham amanah

Saham *time shares* dimiliki bersama oleh pasangan plaintif dan defendant. Mengikut pengakuan pihak defendant, ada tiga akad saham pada syarikat tersebut. Akad pertama bernilai RM19,872.00 atas nama keduanya tetapi dibayar oleh pihak suami. Akad kedua bernilai RM 15,300.00 atas nama keduanya dan dibayar oleh kedua pihak secara sama banyak. Akad yang ketiga bernilai RM22,950.00 atas nama pihak defendant tetapi dibayar sepenuhnya oleh plaintif. Total keseluruhan daripada ke tiga-tiga transaksi tersebut bernilai RM58,122.00. Dokumen ke atas ketiga-tiga akad tersebut telah dihadirkan ke Mahkamah atas permintaan pihak plaintif. Pihak defendant mengakui kemungkinan bahawa *time shares* ini adalah

harta sepencarian suami isteri kerana kedua-dua pihak telah menyumbang dari segi kewangan ke atas pembelian saham tersebut.

Pihak plaintiff menafikan dakwaan defendant berkaitan dengan jumlah wang dalam *time shares* tersebut. Nilai pasarannya mengikut plaintiff dianggarkan bernilai RM80,000.00. Pihak plaintiff kemudian mengatakan bahawa 50% daripada pembayaran saham *time shares* di Tanco Resort tersebut dibayar oleh beliau.

Dalam penghakimannya, Mahkamah mengatakan bahawa *time shares* yang dimiliki oleh keduanya adalah termasuk harta sepencarian kerana ianya diperolehi semasa tempoh perkahwinan sesuai dengan seksyen 52(14)(b). Bahkan ianya merupakan pemilikan bersama yang ditandai dengan sumbangan langsung masing-masing pihak berupa sumbangan kewangan ke atas pembelian *time shares* tersebut. Mahkamah memandang perlunya mengutamakan pertimbangan besaran sumbangan kewangan masing-masing pihak. Oleh yang demikian, Mahkamah memerintahkan pihak defendant untuk memberikan sejumlah wang RM30,600.00 atau sekitar S\$13,909.00 kepada pihak plaintiff untuk memastikan bahawa sumbangan kewangan masing-masing pihak dikembalikan kepada pihak yang menyumbang. Dengan pengembalian sumbangan kewangan pihak plaintiff maka pemilikan *time shares* tersebut berpindah sepenuhnya kepada pihak defendant.

Tuntutan kedua pihak plaintiff adalah 2 unit akaun *trust* (amanah saham) yang dimiliki oleh defendant dalam Public Mutual Berhad sebanyak RM143,180.57 dan 3 lagi unit amanah saham dalam Commence Trusts yang bernilai sekitar RM139,043.68. Kekayaan ini tidak disebutkan oleh pihak defendant ketika

membentangkan harta-harta yang terdaftar di bawah namanya. Setelah pihak plaintif membawa beberapa dokumen pembuktian, barulah pihak defendan memberikan keterangannya. Mahkamah menegaskan bahawa menjadi tanggungjawab defendan menyatakan semua aset yang dicatitkan di bawah namanya. Setelah mempertimbangkan bahawa pelaburan tersebut dilakukan atas nama HIH dan ibunya, Mahkamah memutuskan untuk memberikan 25% nilai daripada 2 unit saham amanah di Public Mutual Berhad dan dalam Commerce Trust yang totalnya mencapai RM257,722.00 kepada pihak plaintif dengan jumlah RM64,430.00 atau sekitar S\$29,286.00.

Kadar peratusan sebanyak 25% ini adalah anggaran asas daripada pihak Mahkamah ke atas sumbangan tidak langsung yang telah dicurahkan oleh pihak isteri kepada suami dan keluarganya selama dalam tempoh perkahwinan mereka. Melalui asas 25% sumbangan tidak langsung inilah pihak Mahkamah membahagikan semua harta yang dimiliki oleh pihak defendan atau dimiliki bersama oleh keduanya sebagai bahagian daripada harta sepencarian.

Dimasukkan dalam tuntutan pihak plaintif adalah 2 unit saham amanah yang telah dinyatakan oleh pihak defendan sebanyak RM845.12 dan RM3,232.79. Bahagian plaintif dalam 2 unit saham amanah tersebut berjumlah RM1,019.00 atau S\$463.00. Total keseluruhan daripada bahagian plaintif yang diperoleh daripada saham amanah yang dimiliki oleh defendan sebanyak S\$29,749.00. Pihak Mahkamah memberikan pihak plaintif bahagian daripada saham amanah yang dimiliki sepenuhnya oleh suaminya kerana ianya tertakluk dalam makna harta sepencarian yang ada dalam seksyen 52(14(b)). Walaupun pihak plaintif tidak secara

langsung menyumbang ke atas pembelian unit saham amanah itu, tetapi sumbangan tidak langsung pihak plaintif dengan mengambil berat dan menjaga keluarga menjadi pertimbangan Mahkamah.

Dalam rayuannya di Lembaga Rayuan, pihak suami (defendant) menegaskan sekali lagi bahawa 2 unit saham amanah di Publik Mutual Berhad dan Commerce Trust bukan miliknya walaupun atas namanya. Kedua saham amanah tersebut adalah milik HIH dan ibu kandungnya. Oleh yang demikian ianya bukanlah harta sepencarian yang tertakluk dalam seksyen 52(14)(b) AMLA. Dalam jawabannya, pihak Lembaga melihat bahawa penilaian yang dilakukan oleh Mahkamah Syariah sebelum ini adalah benar dan semua dokumen yang diserahkan telah diteliti dengan cermat. Oleh yang demikian saham amanah tersebut adalah harta sepencarian dan patut dibahagikan.

3.4.1(b) Tuntutan ke atas keanggotaan dalam sesebuah kelab

Tuntutan ketiga pihak plaintif adalah keanggotaan (*membership*) dalam Octville Golf dan Country Club. Plaintiff mendakwa bahawa keanggotaan tersebut telah dibeli dengan harga RM20,000.00 tetapi pihak defendant telah menafikan harga yang disebutkan oleh pihak plaintif. Beliau berkata bahawa harga pembeliannya hanya RM5,000.00. Lebih lanjut pihak defendant menafikan bahawa keanggotaannya di kedua kelab tersebut adalah termasuk dalam harta sepencarian, sebab ianya telah dibeli oleh majikannya (HIH) untuk memuaskan pelanggan syarikat dan melancarkan tugas-tugas kerjanya. Keanggotaan tersebut juga tidak boleh dipindah milik. Dakwaan tersebut didapati tidak benar setelah pihak

Mahkamah memperoleh bukti bahawa keanggotaan pihak defendant dalam dua kelab tersebut boleh dipidah milik.

Pihak Mahkamah mendapati adanya pembayaran bulanan daripada pihak HIH ke atas keanggotaan pihak defendant dalam kedua kelab tersebut. Mahkamah juga lebih memilih untuk mengesahkan jumlah pembeliannya dengan harga RM5,000.00 sebagaimana yang dikemukakan oleh pihak defendant. Berdasarkan kepada fakta-fakta di atas, Mahkamah memberikan RM1250 atau S\$568. Ini adalah 25% nilai keanggotaan pihak defendant kepada pihak plaintiff berdasarkan harga RM5,000.00.

3.4.1(c) Tuntutan ke atas wang simpanan di bank

Tuntutan keempat adalah wang simpanan di 3 buah bank. Bank Bumiputra, Malayan Banking dan Bank Simpanan Nasional. Satu lagi berupa simpanan tetap di Bank Simpanan Nasional. Jumlah total keseluruhan simpanan biasa dan tepatnya RM35,295.15. Defendant mengakui adanya ke empat akaun simpanan tersebut, tetapi menafikan bahawa ianya adalah harta sepencarian. Pihak defendant mengaku bahawa akaun tersebut dibukanya pada bank-bank tersebut sebelum tempoh perkahwinan. Akaun tersebut tidak bertambah nilainya atau berkembang selama tempoh perkahwinan sebagaimana yang dimaksudkan dalam seksyen 52(14)(a):

"For the purposes of this section, "property" means — (a) any asset acquired before the marriage by one party or both parties to the marriage which has been substantially improved during the marriage by the other party or by both parties to the marriage".

Jadi harta benda yang dimiliki oleh salah satu pasangan sebelum perkahwinan dan tidak mengalami peningkatan selama tempoh perkahwinan, maka harta tersebut tidak termasuk dalam harta sepencarian yang perlu bahagikan.

Mahkamah tidak menafikan kemungkinan fakta tersebut benar, tetapi yang tidak dapat ditolak bahawa akaun-akaun tersebut tetap ada selama tempoh perkahwinan dan pastinya telah mengalami penambahan nilai. Lagipun, pihak plaintif telah memberikan sumbangan kewangan untuk keperluan keluarga. Sepatutnya kewajiban ini adalah tanggungjawab suami dan bapa, sesuai dengan apa yang diamanatkan oleh Allah kepada suami untuk menyediakan nafkah yang secukupnya kepada isteri dan anak-anak. Allah telah memberikan beberapa kelebihan kepada kaum lelaki berbanding kaum wanita. Kelebihan ini meliputi kelebihan dalam kekuatan akal, keupayaan mentadbir, kekuatan badan dan berbagai kekuatan lainnya. oleh itulah ianya layak diberi tanggungjawab sebagai pemimpin keluarga.⁹⁹

Allah berfirmah:

قال الله تعالى : {الرّجَالُ قَوْمٌ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللّٰهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ}

Ertinya: "Lelaki adalah pemimpin ke atas perempuan dengan apa yang Allah telah lebukkan satu pihak ke atas pihak yang lain dan dengan apa yang telah dinafkahkan oleh suami ke atas keluarganya".

Surah Al-Nisā' (4) : 34.

Begitu juga dengan sumbangan bukan kewangannya dengan menjadi suri rumah kepada keluarganya selama 7 tahun perkahwinan mereka. Berasaskan kepada

⁹⁹ Al-Baiḍawī (1996), Tafsīr al-Baiḍawī. Bayrūt: Dār al-Fikr, j. 2, h. 184.

alasan-alasan tersebut maka Mahkamah memberikan hak 25% daripada RM35,295.44 simpanan defendant di ke 4 bank tersebut yang berjumlah RM8,823.00 atau senilai S\$4,010.00.

3.4.1(d) Tuntutan ke atas saham syarikat

Tuntutan plaintif yang kelima adalah 150,000 saham defendant di Hashim Manufacturing Sdn. Bhd. Defendant mengakui pemilikan ke atas 150,000 di syarikat tersebut. 50,000 sahamnya diberikan oleh ibunya dan 100,000 lagi dibelinya dari sumber kewangan ibunya. Tetapi kemudian mengatakan bahawa syarikat tersebut sudah tidak aktif lagi dan mengalami kemunduran sejak 2003. Pihak Mahkamah menerangkan bahawa walaupun syarikat tersebut sudah tidak aktif tetapi tetap mempunyai nilai.

Mempertimbangkan setengah daripada nilai saham defendant di syarikat tersebut iaitu RM75,000.00 –kerana telah mengalami kemunduran, maka plaintif berhak mendapatkan 25% senilai RM18,750.00 atau S\$8,522.00. Tiada sebab bagi Mahkamah untuk tidak memasukkan saham defendant dalam syarikat ini ke dalam harta sepencarian selagi mana ianya ada dan diperolehi dalam tempoh perkahwinan.

Di Lembaga Rayuan,¹⁰⁰ pihak defendant mempersoalkan keputusan Mahkamah Syariah memasukkan harta ini ke dalam harta sepencarian disebabkan ianya adalah pemberian ibunya dan tidak mengalami peningkatan nilai selama dalam tempoh perkahwinan dengan pihak plaintif. Yang berlaku malah sebaliknya, syarikat tersebut tidak aktif dan sahamnya juga menurun. Tiada jawaban terperinci

¹⁰⁰ Aernie bte Sulaiman lawan Abdul Fadzil bin Abdul Kadir, LRS No. 01&02/2005.

dijumpai dalam asas-asas penghakiman Lembaga Rayuan, tetapi daripada jawaban amnya berkaitan dengan aset harta sepencarian, Lembaga menegaskan bahawa pendekatan menyeluruh dan penelitian yang dibuat oleh Mahkamah Syariah tidak perlu diragui, maka tiada sebab bagi Lembaga untuk mengubah keputusan tersebut.

3.4.1(e) Tuntutan ke atas Insuran

Tuntutan keenam adalah beberapa skim insuran yang dimiliki oleh defendant dalam beberapa syarikat insuran. Di antaranya dalam Aenta Universal Insurance Bhd. untuk defendant dan satu lagi skim di syarikat yang sama untuk anaknya Abdul Fakhri dan satu lagi untuk anak perempuannya Nor Ain; insuran dalam syarikat AIA untuk keluarganya.

Menjawab tuntutan pihak plaintiff, pihak defendant menyinggung soal status hukum daripada insuran-insuran yang diikutinya. Dalam pandangannya, insuran ini adalah bukan jenis insuran "takaful" yang dibenarkan oleh syariat Islam. Insuran ini tidak diiktiraf oleh syariat Islam. Oleh kerananya maka ianya tidak tertakluk dalam seksyen 52 AMLA yang berasaskan kepada syariat Islam, dan tidak boleh dituntut oleh pihak plaintiff. Selanjutnya defendant mengatakan bahawa skim insuran yang kurang daripada 5 tahun tiada nilai dari segi ekonomi. Daripada dokumen yang ada, skim insuran Aetna Universal yang bermula pada 10.08.1999 dengan premi RM500,000.00 telah mencapai 5 tahun. Oleh yang demikian maka skim insuran tersebut telah mempunyai nilai tambah dan menjadi bahagian daripada harta sepencarian suami isteri.

Mahkamah melihat bahawa dakwaan defendant yang mengaitkan insuran dengan undang-undang Islam, tidak disertai dengan dokumen atau pendapat

daripada Lembaga Institusi Islam yang bertauliah. Pihak defendant tidak dapat membuktikan bahawa insuran yang tersebut di atas tidak diperbolehkan mengikut undang-undang Islam. Dalam hal ini, Mahkamah Syariah merujuk kepada keputusan Lembaga Rayuan yang membenarkan tuntutan ke atas skim insuran sedemikian tanpa melihat kepada status hukumnya daripada segi undang-undang Islam.¹⁰¹ Oleh yang demikian maka pihak plaintiff berhak 25% ke atas nilai skim insuran pihak defendant yang telah mencapai usia 5 tahun bernilai RM108,000.00 yang dimiliki oleh pihak defendant sebanyak RM27,025.00 atau S\$12,288.00.

Logika yang digunakan oleh pihak defendant mengelirukan. Defendant ambil berat ke atas halal haramnya harta yang boleh dimiliki oleh pihak plaintiff, tetapi tidak mengambil berat perkara ini ke atas hartanya sendiri yang telah nyata-nyata dilaburkan secara tidak sah dan haram mengikut keyakinannya sendiri. Sepatutnya pihak defendant perlu membatalkan skim ansurannya dan mendermakan keuntungannya kepada golongan fakir miskin untuk kegunaan mereka. Kemudian modal awal yang digunakan untuk pelaburan tersebut bolehlah dibahagikan sebahagiannya kepada pihak plaintiff sebagai haknya dalam harta sepencarian bersama.

¹⁰¹ Berikut pernyataan lengkapnya : "coming back to the defendant's argument that the value of these insurance policies was not permissible under Islamic Law and should not be considered at all for distribution, there have been past orders for distribution of surrender values of policies made by the Syariah Court and upheld by the Appeal Board. I need only cite the case of *Mohamed Saleh bin Mohamed Shah lawan Zainun* where the honorable President, Mr. Rahim Jalil, in Syariah Court Summons no. 18348, divided the surrender values of 2 insurance policies taken out by the husband ini his name using the CPF investment schemes to pay the premiums. The question as to whether the two insurance policies with the AIA and Prudential were "takaful" or permissible under Islamic law din not arises at all in that case." Lihat kes *Mohamed Saleh bin Mohamed Shah lawan Zainun*, LRS No. 17/2001.

3.4.1(f) Tuntutan ke atas harta yang dilaburkan secara haram

Menarik untuk dikaji lebih lanjut berkaitan dengan status harta benda seseorang Muslim yang diperoleh atau dilaburkan tidak mengikut syariat Islam. Adakah harta yang dilaburkan dalam syarikat yang tidak selari dengan undang-undang Islam masih boleh dianggap sebagai harta yang bernilai yang boleh dituntut dan dibahagi kepada orang lain?

Prinsip asalnya bahawa seorang Muslim tidak dibenarkan oleh Islam untuk mencari dan melaburkan hartanya pada jalan yang haram. Sebab harta yang diperoleh secara haram adalah haram hukumnya. Harta yang haram tidak boleh dimanfaatkan dalam bentuk apapun, kerana harta yang haram adalah kotor dan Allah bersih dan tidak menerima kecuali yang bersih dan halal.

Insuran konvensional telah dihukumkan tidak sah dan haram oleh kebanyakan ulama'. Ianya bertentangan dengan konsep pemilikan harta dan cara pelaburan dalam Islam. Ada konsep wang hangus dalam insuran konvensional, yaitu apabila peserta insuran menghentikan pembayarannya maka dana premium yang telah dibayarnya akan hilang, ini sangat bertentangan dengan asas mu'amalah Islam. Unsur-unsur riba yang selalunya mengiringi operasi dan sistem insuran konvensional juga menjadi sebab utama kenapa insuran jenis ini diharamkan.¹⁰²

¹⁰² Banyak fatwa-fatwa ulama yang mengatakan haram insuran konvensional ini, seperti fatwa ulama Azhar, Mesir Januari 1919 dan Desember 1925, fatwa Konferensi Ekonomi Islam Pertama tahun 1976 di Mekah dan Fatwa Majma' Fiqh, Jeddah tahun 1985. Lihat wabesite Pusat Konsultasi Syariah Indonesia: http://www.syariahonline.com/new_index.php?id/4/cn/26722, 27/01/2008. Lihat juga DR. Wahbah al-Zuhaylī (1996), *op.cit.*, h. 487-488.

Seorang Muslim akan ditanya di akhirat kelak tentang hartanya: Dari mana ia didapatkan dan untuk apa hartanya dihabiskan? Dari sini nampak bahawa alangkah pentingnya status hukum setiap harta yang dimiliki oleh setiap Muslim. Oleh yang demikian sepatutnya setiap Muslim perlu memastikan bahawa pelaburan dan perniagaan yang dijalankan untuk mendapatkan harta adalah dilakukan dengan cara yang dibenarkan oleh Islam.

Tetapi adakah hak pemilikan seseorang ke atas harta yang haram dihukumkan gugur? Dan adakah orang lain tidak boleh menuntut harta yang dianggap haram ini? Inilah isu yang diketengahkan oleh pihak defendant ketika membentangkan hujahnya berkaitan dengan tuntutan pihak plaintiff ke atas skim insuran yang diikuti oleh pihak defendant. Menurut hujah defendant, jika insuran tidak dibolehkan dalam syariat Islam, berarti keuntungan yang dihasilkan daripadanya juga adalah haram dan tidak patut bagi pihak plaintiff menuntut harta yang haram, kerana harta yang haram tidak boleh dimanfaatkan dalam bentuk apapun.

Jika disepakati bahawa insuran konvensional adalah haram, kenyataan defendant adalah benar dari segi keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan tersebut. Ertinya pihak plaintiff tidak perlu menuntut wang haram dari keuntungan pelaburan di bidang insuran ini. Begitu juga sepatutnya bagi pihak defendant, dia juga tidak boleh mengambil apa-apa faedah daripada hasil keuntungan insuran yang diikutinya. Jika dia mengaku bahawa insuran konfisional itu tidak sesuai dengan hukum-hukum Islam, maka sepatutnya dia membatalkan insuran tersebut dan mengambil kembali wang pelburannya.

Tetapi perlu ditegaskan bahawa asal-usul wang yang dilaburkan oleh pihak defendant kepada badan kewangan insuran adalah halal –jika kita bersetuju mengatakan bahawa pihak defendant mendapatkan wang yang dilaburkan dalam insuran itu secara halal. Oleh kerana itu, maka pihak plaintiff masih tetap berhak menuntut dan mendapatkan haknya daripada wang asal pelaburan pihak defendant. Kerana wang yang berasal daripada sumber halal adalah tetap halal, walaupun telah dilaburkan dalam bentuk yang tidak sesuai dengan syariat Islam. Hanya hasil dan keuntungan daripada pelaburan yang tidak bersesuaian dengan syariat Islam sahaja yang haram dan tidak boleh dimilikinya. Sebaiknya bunga atau keuntungan daripada pelaburan tersebut didermakan kepada fakir miskin atau lembaga dakwah untuk manfaat dakwah Islam. Inilah pilihan terbaik memandangkan wang tersebut tidak boleh digunakan untuk kepentingan diri sendiri.

Ketika bangsa Rom dikalahkan oleh bangsa Parsi, kaum muslimin bersedih sebab bangsa yang diturunkan kepada mereka kitab daripada langit --iaitu Rom, telah dikalahkan oleh bangsa yang menyembah api. Sebaliknya kaum kafir quraisy berasa gembira dengan kemenangan Parsi kerana meraka sama-sama penyembah berhala.¹⁰³ Maka Allah menurunkan firmannya:

الْمَ (1) غُلِبَتِ الرُّومُ (2) فِي أَدْنَى الْأَرْضِ وَهُمْ مِنْ بَعْدِ غَلَبِهِمْ سَيُغْلَبُونَ (3) فِي بِضْعِ سِينِينَ (4)

Maksudnya: "Alif, Lām, Mīm. Orang-orang Rom telah dikalahkan. Di negeri yang dekat sekali dan mereka sesudah kekalahan itu akan mengalahkan lawannya. Dalam beberapa tahun lagi."

Surah Al-Rūm (30) : 1-4.

¹⁰³ Qurṭubī Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr bin Farh al- (1372H), *Al-Jāmi‘ li aḥkām al-Qur’ān*, j. 14. Kaherah: Dār al-Sya'ab, h. 1-2.

Ketika diturunkan firman Allah swt. di atas, musyrikin Mekkah mendustakannya dan berkata kepada para sahabat Rasulullah: "Tidakkah kamu dengar apa yang dikatakan oleh sahabat kamu itu, dia mendakwa Rom akan menang." Maka Abu Bakar ra. pun bertaruh dengan para musyrikin dengan izin Rasulullah saw. Apabila Allah membuktikan kebenaran berita tersebut, datanglah Abu Bakar dengan hasil pertaruhan yang diperolehnya lalu Rasulullah bersabda: "Ini adalah hasil yang tidak baik, maka hendaklah kamu bersedekah dengannya", lalu Abu Bakar bersedekah dengan hasil pertaruhan itu dan muslimin bergembira dengan kemenangan itu. Ayat pengharaman judi turun selepas Rasulullah saw. mengizinkan Abu Bakar untuk melakukan pertaruhan dengan pihak musyrikin.¹⁰⁴

Daripada peristiwa ini, dapat difahami bahawa hasil daripada usaha yang haram adalah haram. Ianya tidak dapat digunakan untuk keperluan diri dan keluarga, kerana ia adalah kotor untuk kegunaan diri dan keluarga yang berada dalam tanggungan kita. Oleh itu Rasulullah saw. memerintahkan Abu Bakar untuk memberikan hasil daripada taruhannya yang telah menjadi haram –dengan turunnya ayat pengharaman berjudi, kepada golongan fakir miskin sebagai sedekah.

Pilihan lain yang ada adalah wang tersebut dibuang atau wang tersebut dibiarkan dan diserahkan kepada lembaga insuran yang diikutinya. Kalau dibuang, ada unsur pembaziran dan mensia-siakan harta benda. Jika dibiarkan sahaja pada lembaga insuran tersebut, maka pihak lembaga akan menggunakan untuk perkara-perkara yang mungkin boleh merosakkan akhlak umat Islam atau

¹⁰⁴ Hadith ini dikeluarkan oleh Al-Bayhaqī dalam kitab *Dalāil Al-Nubuwwāt*, daripada hadith Ibnu Abbas. Lihat Dr Yūsuf Al-Qardāwī (1995), Zaidi Jalil (terj.), *Fatwa Masa Kini*, j. 7-8. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., h. 153-154.

digunakan untuk menjana aktiviti-aktiviti agama lain untuk mengembangkan agama mereka dan ada juga yang digunakan untuk memurtadkan umat Islam. Akhirnya umat Islam yang merugi hasil daripada sumber kewangan umat Islam sendiri.¹⁰⁵

3.4.1(g) Tuntutan ke atas pengembalian wang isteri untuk nafkah keluarga

Tuntutan ketujuh pihak plaintif adalah tuntutan ke atas wang yang dibelanjakan dan dikeluarkan oleh plaintif untuk keluarganya selama tempoh perkahwinan mereka. Pihak plaintif mengemukakan tuntutan ini di Lembaga Rayuan setelah sebelumnya ditolak oleh Mahkamah Syariah. Wang yang telah dibelanjakan untuk keluarganya dianggarkan jumlahnya mencecah S\$195,000.00. Pihak plaintif menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab suami untuk memberikan nafkah yang secukupnya kepada isteri dan keluarga. Oleh yang demikian maka semua sumbangan kewangan yang dibelanjakan oleh pihak plaintif untuk nafkah keluarga mesti dibayar kembali oleh pihak suami. Selanjutnya pihak plaintif menyebutkan bahawa perkara ini juga bertepatan dengan apa yang termaktub dalam seksyen 120(1) AMLA bahawa semua pendapatan wanita yang diperolehi daripada hasil kerja atau kemahiran yang dimilikinya adalah milik dirinya sendiri.¹⁰⁶

Lembaga Rayuan mempertanyakan penafsiran yang digunakan oleh pihak plaintif ke atas seksyen 120(1) AMLA yang menyatakan bahawa setiap sumbangan kewangan yang dikeluarkan oleh pihak isteri ke atas nafkah keluarga mesti

¹⁰⁵ Dr Yūsuf Al-'Qardāwī' (1995), Zādi Jalil (terj.), *op.cit.*, j.7-8, h. 148-156.

¹⁰⁶ Berikut teks lengkap seksyen 120 AMLA: **Property of Muslim married woman**

120. —(1) The following shall be deemed to be the property of a Muslim married woman: (a) wages and earnings acquired or gained by her during marriage in any employment, occupation or trade carried on by her and not by her husband; (b) any money or other property acquired by her during marriage through the exercise of any skill or by way of inheritance, legacy, gift, purchase or otherwise; and (c) all savings from, and investments of, such wages, earnings and property.

dikembalikan kepada pihak isteri jika berlaku perceraian. Dalam seksyen tersebut tidak dijelaskan bahawa jika isteri menggunakan wangnya sendiri dengan rela hati untuk keperluan keluarganya, berarti suami mesti mengganti wang tersebut jika berlaku perceraian.¹⁰⁷ Tiada rujukan daripada institusi yang relevan atau buku yang diiktiraf diketengah oleh pihak plaintiff dalam penafsirannya tersebut . Oleh yang demikian maka tuntutan tersebut ditolak.

Berkenaan dengan tuntutan ini, pihak Mahkamah pernah menolak memberikan gantirugi terhadap semua bantuan yang pernah diberikan oleh pihak isteri dan keluarganya kepada suami dan anak-anaknya. Dalam kes *Daud lawan Rohani*,¹⁰⁸ Mahkamah menegaskan bahawa kehidupan rumah tangga adalah kehidupan suami isteri yang berdiri di atas asas saling tolong-menolong dan bantu-membantu. Tidak sepatutnya apa-apa yang pernah diberikan oleh isteri kepada suaminya dituntut balik. Utamanya bahawa pemberian tersebut –ketika mereka berdua hidup bahagia dan harmoni, adalah pemberian bukan untuk keperluan atas keluarga yang termasuk dalam kewajiban suami untuk memenuhi, tetapi ianya adalah keperluan sampingan dan sekadar penyempurnaan ke atas kehidupan, apalagi – pada kebiasaanya, ia diberikan dengan ikhlas tanpa adanya paksaan daripada pihak suaminya.

Dalam Al-Qur'an Allah membolehkan seorang suami makan dan menggunakan mas kahwin yang pernah diberikan kepada isterinya jika pihak isteri rela dengan pemberian tersebut.

¹⁰⁷ *Aernie bte Sulaiman lawan Abdul Fadzil bin Abdul Kadir*, LRS No. 01&02/2005.

¹⁰⁸ *Daud bin Jaafar dan Rohani bte Mohamad*, MS No. 15770.

Allah berfirman :

﴿ وَأَثُرُوا النِّسَاءَ صَدْقَاتِهِنَّ نِحْلَةً، فَإِنْ طِبَنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِئُوا مَرِيْضاً ﴾

Ertinya: "Berikanlah kepada isteri-isteri kamu mas kahwinnya, jika mereka dengan rela hati mengizinkan kepada kamu untuk memakannya maka makanlah dengan senang hati".

Surah Al-Nisā' (4): 4.

Ini menunjukkan bahawa seorang suami boleh memakan harta (mas kahwin) yang telah diberikan kepada isterinya jika ianya dilakukan dengan kerelaan hati. Bahkan sebahagian ulama' mengumumkan ayat ini bukan hanya memakan mas kahwin tetapi kepada harta isteri secara umumnya jika ianya berlaku dengan kerelaan hati.¹⁰⁹

Pemberian isteri kepada suami dan keluarganya serupa dengan konsep hibah yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain. Dalam kes ini¹¹⁰ pemberian isteri bukanlah suatu keterpaksaan daripada pihak isteri untuk ikut menanggung biaya kehidupan rumah tangga, kerana pihak suami telah memberikan nafkah dan belanja secukupnya kepada pihak isteri dan anak-anak, maka segala yang dikeluarkan oleh pihak isteri adalah berupa pelengkap dan penambah kemewahan hidup, bukan perkara asas yang menjadi tanggungjawab suami untuk memenuhi. Walaupun, jika diandaikan bahawa suami tidak memberikan wang belanja yang secukupnya kepada isteri dan anak-anak, tetapi jika pihak isteri rela menjalani kehidupan yang sedemikian dengan suaminya, dan dengan ikhlas telah membantu mengeluarkan wang miliknya untuk mencukupi kekurangan belanja keluarganya, maka segala

¹⁰⁹ Tabarī Muhammad bin Jarīr bin Khālid al- (1405H), *Tafsīr al-Tabarī*, j. 4. Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 242.

¹¹⁰ Daud bin Jaafar dan Rohani bte Mohamad, MS No. 15770.

belanja kewangan yang telah dikeluarkan olehnya akan mendapat pahala yang besar daripada Allah swt. dan merupakan penyebab ke atas terbukanya rezeki dan keberkatan baginya, sebagaimana sabda Rasulullah saw. :

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : { مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُسْطَلِّهُ فِي رِزْقِهِ، وَيُنْسَأَ لَهُ فِي رَجَاءِ، فَلَيَصِلْ رَحْمَةً }

Maksudnya: "Sesiapa yang ingin diluaskan dan diberkati rezekinya dan dipanjangkan umurnya, maka sambungkanlah silaturrahmi".¹¹¹

Di antara perkara yang boleh menyambung dan mengeratkan hubungan silaturrahmi adalah dengan memberikan sedekah atau hadiah kepada ahli keluarga. Oleh yang demikian tidak sepatutnya pihak isteri menuntut balik apa-apa yang telah dikeluarkannya untuk belanja keluarga, kecuali jika didahului dengan akad pinjaman antara suami dengan isterinya. Tetapi pada kebiasaan, akad serupa ini tidak ada dalam kehidupan rumah tangga yang bahagia. Oleh yang demikian ianya adalah hibah.

Berkaitan dengan hukum menarik balik hibah seseorang, Imam Bukhārī meriwayatkan bahawa Umar ra. pernah berhibah di jalan Allah swt. kepada seseorang dengan seekor kuda, Umar ra. mendapati orang tersebut mensia-siakan kudanya dengan tidak mengurusnya dengan baik, sehingga menjadi kurus, lalu Umar bercadang untuk membeli kembali kudanya. Umar menyangka kuda tersebut akan dijual kepadanya dengan harga yang murah –kerana asalnya kuda tersebut adalah pemberian daripadanya, (dan Umar mendapati bahawa pemilik kuda tersebut meminta harga yang agak tinggi). Kemudian Umar mengadu kepada Rasulullah saw. tentang perkara tersebut, Rasulullah saw. bersabda: "Janganlah kamu

¹¹¹ Bukhārī, Muhammad bin Ismail, Abū ‘Abdillah al- (1987), *Sahih al-Bukhārī*, j. 5, c. 3. Bayrūt: Dār Ibnu Kathīr, h. 2232.

membelinya kembali walaupun dengan harga satu dirham, dan jangan pula menarik kembali sedekah kamu, sesungguhnya orang yang menarik sedekahnya seperti orang yang menelan kembali muntahnya".¹¹²

Dalam riwayat Imam Muslim pula, Rasulullah saw bersabda: "Perumpamaan orang yang bersedekah dan kemudian menarik balik sedekahnya, ibarat seekor anjing yang menelan kembali muntahnya".¹¹³

Hadith ini memberikan gambaran alangkah buruknya sifat orang yang menarik balik pemberian yang telah diberikan untuk orang lain. Ia adalah perkara yang patut dihindari. Imam Al-Syaukānī bahkan menyatakan bahawa hukumnya adalah haram.¹¹⁴ Jika sesuatu sedekah atau pemberian yang kita berikan kepada seseorang tersebut telah diterima oleh penerima sedekah, maka sedekah tersebut telah menjadi hak milik penerima sepenuhnya dan ianya menjadi lazim. Majoriti ulama¹¹⁵ mengatakan bahawa hibah dan sedekah yang telah diterima (berlaku *al-qabd*) akan menjadi lazim dan tidak dapat ditarik balik, apalagi jika harta yang didermakannya telah berpindah daripada pemilikian penerima sedekah atau telah habis dan tiada lagi.¹¹⁶ Rasulullah saw. bersabda:

¹¹² عن عمر بن الخطاب قال حملت على فرس في سبيل الله فأضاعه الذي كان عنده فأردت أن أشتريه وظننت أنه يبيعه بربخ ص فسألت النبي صلى الله عليه وآله وسلم فقال لا تشتريه ولا تعد في صدقتك وإن أعطاكه بدرهم فإن العائد في صدقته كالعائد في قيمته (رواه البخاري). Lihat Muhammad bin Ismail, Abū ‘Abdullah al-Bukhārī (1987), *op.cit.*, j. 2, h. 542; Lihat juga Syaukānī, Muhammad bin Ali bin Muhammad Al- (1973), *Nayl al-Auṭār*, j. 4. Bayrūt: Dār al-Jīl, h. 224.

¹¹³ Muslim bin al-Hajjāj Abu al-Husayn al-Qusyayrī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, h. 1241.

¹¹⁴ Syaukānī, Muhammad bin Ali bin Muhammad Al- (1973), *Nayl al-Auṭār*, j. 4. Bayrūt: Dār al-Jīl, h. 225.

¹¹⁵ Daripada mazhab yang empat, hanya mazhab Maliki yang mengatakan bahawa lazimnya sesuatu hibah berlaku sertamerta setelah akad dilafazkan. Lihat Maqdisī Abdullah b. Ahmad b. Qudāmah al-(1405H), *al-Mughnī*, j. 5. Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 379.

¹¹⁶ Dr. Muṣṭafa Al-Khin *et al.* (1998), *op.cit.*, j. 3, h. 115.

"لَا يَحِلُّ لِرَجُلٍ أَنْ يُعْطِي عَطِيَّةً أَوْ يَهَبَ هِبَةً فَيَرْجِعَ فِيهَا إِلَى الْوَالِدِ فِيمَا يُعْطِي وَلَدَهُ"

Ertinya: tidak halal bagi seorang lelaki untuk menarik balik apa-apa yang telah diberikan atau yang telah dihibahkan kecuali hibah seorang ayah kepada anaknya".¹¹⁷

Dari hadith di atas difahami juga bahawa pengecualian berlaku bagi hibah seorang *usul* --yang meliputi ayah, ibu, datuk dan nenek, kepada furū'-nya --anak, cucu & cicitnya. Hibah jenis ini boleh ditarik balik dengan syarat bahawa harta yang dihibahkan tersebut masih berada dalam kuasa anaknya. Jika ianya telah keluar daripada kuasa anaknya seperti, dihibahkan kepada orang lain, digunakan atau tindakan-tindakan lain yang menggugurkan kuasanya ke atas harta tersebut, maka hibahnya tidak boleh ditarik balik.¹¹⁸

3.4.2 Tuntutan Pihak Suami ke Atas Aset Kewangan Pihak Isteri

Dalam kes yang sama antara *Aernie bte Sulaiman lawan Abdul Fadzil bin Abdul Kadir*, Pihak defendant juga menuntut harta sepencarian daripada aset yang dimiliki oleh pihak plaintiff. Di antara tuntutannya adalah: wang CPF sebanyak S\$128,000.00 dan pelaburan yang dilakukan pihak plaintiff melalui wang CPF; simpanan di Bank POSB yang berjumlah S\$12,500.00; saham amanah dalam DBS sebanyak S\$16,378.00, dalam Standard Chartered sebanyak RM80,985.93; pelaburan dalam Central Depository senilai S\$1,028.50; simpanan tetap sebanyak MR8,400.00 dan sahamnya di Tanco Resorts. Yang terakhir ini juga dituntut oleh pihak plaintiff daripada pihak defendant.

¹¹⁷ Tamīmī Muhammad bin Ḥibbān bin Ahmad al- (1993), *Ṣaḥīḥ Ibnu Ḥibbān*, j. 11. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, h. 524.

¹¹⁸ Syarbīnī Muhammad al-Khaṭīb al- (t.t.), *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 2. Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 401.

Di awal sesi persidangan, pihak defendant tidak menuntut apa-apa bahagian daripada semua aset pihak plaintiff yang tersebut di atas. Pihak defendant melihat bahawa harta yang dimiliki oleh salah satu pasangan suami isteri dalam tempoh perkahwinan tidak secara otomatis termasuk dalam harta sepencarian. Menurutnya hanya harta yang diperoleh oleh kedua pasangan secara bersama-sama dan kedua belah pihak telah menyumbang ke atas perolehan harta tersebut sahaja yang termasuk dalam pengertian harta sepencarian.

Dalam perbincangan berikutnya barulah aset-aset ini dituntut sebagai harta sepencarian berasaskan bahawa aset tersebut diperolehi oleh pihak plaintiff dalam tempoh perkahwinan. Oleh yang demikian ianya tertakluk dalam seksyen 52 (14)(b) AMLA. Langkah ini boleh dianggap sebagai suatu upaya penyelamatan oleh pihak defendant. Jika dakwaannya yang menafikan dan tidak memasukkan harta yang diperoleh oleh salah satu pihak tanpa adanya sumbangan nyata daripada pihak yang lain ditolak oleh Mahkamah, maka defendant mencuba mendapatkan bahagian daripada harta yang dimiliki oleh isterinya, yang mana dalam proses memperolehi dan mengumpul harta tersebut pihak suami tiada memberikan apa-apa sumbangan nyata kepada pihak isteri.

Defendant menjelaskan bahawa dengan menjadi suami dan bapa yang baik kepada keluarga dan menjalankan tanggungjawabnya secara sempurna, telah membolehkan pihak isteri bekerja dengan selesa sehingga dapat menyimpan dan melabur dalam berbagai institusi kewangan. Pihak Mahkamah melihat bahawa pihak defendant gagal membuktikan bentuk-bentuk sumbangan kewangan dan sumbangan bukan kewangan pihak suami ke atas harta yang diperoleh oleh

isterinya.¹¹⁹ Seksyen 120(1) yang digunakan oleh pihak defendant untuk menyokong dakwaan bahawa setiap harta yang dimiliki oleh seorang isteri selama dalam ikatan perkahwinan secara semulajadi menjadi harta sepencarian yang sepatutnya dikongsi bersama oleh suami isteri, malah sebaliknya melemahkan dakwaannya. Berikut kandungan seksyen 120(1) AMLA:

"The following shall be deemed to be the property of a Muslim married woman:

- a) the wages and earnings acquired or gained by her during marriage in any employment occupation or trade carried on by her and not by her husband.
- b) any money or other property acquired on by her during marriage through the exercise of any skills or by way of inheritance, legacy, purchase or otherwise; and
- c) all saving and investments of such wages, earning and property".

Seksyen ini malah memperkuat anggapan bahawa harta yang diperoleh oleh pihak isteri selama dalam ikatan perkahwinan adalah hartanya sendiri dan tidak dikongsi pemilikannya oleh suaminya. Apalagi dalam kes ini, suami dianggap gagal oleh Mahkamah untuk membuktikan bahawa dirinya telah menyumbang ke atas harta yang dimiliki oleh isterinya secara persendirian. Sumbangan tidak langsung suami dengan menjadi suami yang baik adalah tanggungjawab suami Muslim yang perlu dilaksanakan sebagai pemimpin keluarga dan bukan dianggap sebagai sumbangan tidak langsung ke atas perolehan isteri kepada hartanya.

Akhirnya Mahkamah memutuskan untuk tidak menggunakan kuasa yang diperuntukkan dalam seksyen 52(3)(d) berkaitan dengan semua aset yang dimiliki oleh pihak plaintif dan dituntut oleh pihak defendant setelah menimbangkan

¹¹⁹ *Aernie bte Sulaiman lawan Abdul Fadzil bin Abdul Kadir*, MS No 25809.

kandungan daripada seksyen 52(8)¹²⁰ yang di antaranya untuk menimbangkan keperluan anak-anak yang berada di bawah jagaan pihak plaintif; ketidaktelusan defendant dalam mendedahkan semua kekayaan yang dimilikinya; dan keperluan pihak plaintif untuk membeli sebuah rumah HDB untuk berteduh bagi dirinya dan anak-anak.

Mahkamah merasa tidak ada keperluan untuk menggunakan kuasanya bagi memberikan suami hak dalam harta yang disenaraikan oleh pihak defendant sebagai harta benda isterinya, walaupun ianya mungkin termasuk dalam seksyen 52(3)(d). Pihak isteri tidak menafikan bahawa semua harta yang disebutkan dalam dakwaan pihak suami adalah diperolehi selama dalam tempoh perkahwinan. Tapi adakah semua harta yang dimiliki oleh isteri termasuk dalam kandungan seksyen 52(14)(b) AMLA yang menjadi kuasa Mahkamah untuk membahaginya?

¹²⁰ Berikut adalah teks lengkap seksyen 52(8) AMLA: It shall be the duty of the Court in deciding whether to exercise its powers under subsection (7) and, if so, in what manner, to have regard to all the circumstances of the case, including the following matters:

- (a) the extent of the contributions made by each party in money, property or work towards acquiring, improving or maintaining the property;
- (b) any debt owing or obligation incurred or undertaken by either party for their joint benefit or for the benefit of any child of the marriage;
- (c) the needs of the children, if any, of the marriage;
- (d) the extent of the contributions made by each party to the welfare of the family, including looking after the home or caring for the family or any aged or infirm relative or dependant of either party;
- (e) any agreement between the parties with respect to the ownership and division of the property made in contemplation of divorce;
- (f) any period of rent-free occupation or other benefit enjoyed by one party in the matrimonial home to the exclusion of the other party;
- (g) the giving of assistance or support by one party to the other party (whether or not of a material kind), including the giving of assistance or support which aids the other party in the carrying on of his or her occupation or business;
- (h) the income, earning capacity, property and other financial resources which each of the parties has or is likely to have in the foreseeable future;
- (i) the financial needs, obligations and responsibilities which each of the parties has or is likely to have in the foreseeable future;
- (j) the standard of living enjoyed by the family before the breakdown of the marriage;
- (k) the age of each party and the duration of the marriage;
- (l) any physical or mental disability of either of the parties; and
- (m) the value to either of the parties of any benefit (such as a pension) which, by reason of the dissolution or annulment of the marriage, that party will lose the chance of acquiring.

Dari sudut pandang lain, keizinan suami kepada isterinya untuk bekerja dan meninggalkan tanggunjawab menjaga anak-anak dan menjadi ratu di rumah suaminya seperti yang digambarkan oleh Rasulullah saw.,¹²¹ adalah sumbangan nyata daripada pihak suami ke atas harta yang dimiliki oleh pihak isteri. Jika pihak suami tidak mengizinkannya –dan suami berhak untuk melakukan, utamanya jika suami mampu memberikan nafkah yang secukupnya kepada isteri dan anak-anaknya, maka pihak isteri tidak akan mempunyai peluang untuk mengumpul dan memiliki harta. Dan dalam kes ini, pihak suami adalah seorang yang berkemampuan untuk memberi nafkah kepada isteri dan keluarganya, maka keizinan untuk bekerja adalah lebih bermakna.

Hakikat ini ada benarnya, tetapi mahkamah lebih memilih untuk mengedepankan kepentingan dan kebijakan anak-anak dan anasir-anasir lain yang terkandung seksyen 52(8) dalam melaksanakan kuasa seksyen 52(3)(d). Keperluan anak-anak kepada bumbung untuk berteduh dan nafkah masa depan mereka menjadi salah satu pertimbangan hakim dalam mengambil keputusan. Ketidaktelusan defendant selama dalam persidangan dan usaha berterusan daripada pihak defendant untuk menutup-nutupi harta benda yang dimilikinya, juga turut menyumbang kepada keputusan mahkamah yang menolak tuntutan suami ke atas harta benda isteri.

3.4.3 Tuntutan ke Atas Akaun Bersama

Tuntutan ke atas *joint account* (akaun bersama) juga tercatit dalam tuntutan harta sepencarian suami isteri jika berlaku perceraian. Akaun bersama banyak

¹²¹ Rasulullah saw bersabda: "Isteri adalah pemimpin dan bertanggung jawab ke atas kepimpinannya (di rumah suaminya). Lihat Muslim bin al-Hujjāj Abu al-Husayn al-Qusyayrī (t.t.), *op.cit.*, h. 1459.

dijumpai dan diamalkan oleh suami isteri untuk kemudahan kedua belah pihak menggunakan dan mengeluarkan sejumlah wang tanpa perlu merujuk kepada pasangannya. Wang yang terkumpul dalam akaun ini boleh berasal daripada sumbangan kedua suami isteri atau sumbangan daripada salah satu pasangan sahaja.¹²²

Akaun bersama adalah jenis akaun yang mempunyai risiko yang agak tinggi jika dibandingkan dengan akaun persendirian. Dalam akaun bersama suami isteri, biasanya mereka meletakkan syarat bahawa setiap penama yang tercatit dalam akaun tersebut berhak dan mempunyai kuasa untuk menggunakan wang yang ada dalam akaun bersama tersebut tanpa harus mendapatkan izin daripada penama lain. Oleh yang demikian, akaun ini terbina di atas kepercayaan penuh antara kedua penama, dan biasanya ada semacam kesepakatan bahawa wang yang ada dalam akaun tersebut boleh digunakan untuk perkara yang telah disepakati oleh kedua belah pihak.¹²³ Kepercayaan ini biasanya kekal jika perkahwinan mereka tidak menghadapi krisis yang boleh menjelasnya.

Menarik untuk dikaji kesesuaian akad akaun bersama dalam bank konvensional dengan sistem kewangan Islam. Dari segi konsepnya, seakan ada kesamaan antara akaun bersama dengan akad hibah dalam Islam. Dalam akaun bersama ada unsur hibah daripada kedua belah pihak kepada masing-masing pasangannya. Hibah itu berupa penyimpanan sejumlah wang dalam akaun bersama

¹²² http://www.essortment.com/all/financialadvice_turu.htm. (14/2/2009)

¹²³ [http://www.triadsecurities.com/newAccDocs/ADP/14Joint_Account_Agreement\(With_Rights_Survivorship\).pdf](http://www.triadsecurities.com/newAccDocs/ADP/14Joint_Account_Agreement(With_Rights_Survivorship).pdf). (14/2/2009)

untuk kegunaan bersama dan keizinan untuk menggunakan wang tersebut tanpa meminta izin daripada pihak yang lainnya.

Dalam akaun bersama, masing-masing pihak berhak mengambil wang yang ada dalam akaun bersama tanpa meminta izin daripada pihak yang lainnya. Hal ini juga didapati dalam hibah, ertiinya bahwa barang yang dihibahkan apabila telah diterima oleh penerima hibah telah berpindah pemilikan kepadanya dan dia berhak menggunakan barang tersebut tanpa perlu mendapat izin daripada pemberi hibah.¹²⁴

Tetapi ada beberapa isu yang membezakan antara akaun bersama dengan hibah. Di antaranya adalah isu penerimaan barang yang dihibahkan, keizinan untuk mengambil barang yang disimpan, dan pengambilan wang daripada akaun bersama tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak yang lagi satu.

Walaupun wang yang dimasukkan oleh salah satu penama ke dalam akaun bersama, secara tersirat telah didahului dengan adanya niat hibah, tetapi wang tersebut masih ada dalam akaunnya dan belum diambil oleh penerima hibah iaitu kedua belah pihak suami isteri. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam akad akaun bersama ada kebebasan yang diberikan oleh masing-masing pihak kepada pihak yang lagi satu untuk mengeluarkan wang tanpa perlu mendapatkan keizinan. Tetapi adakah kebebasan mengeluarkan dan menggunakan wang yang dimiliki oleh kedua belah pihak dalam akaun bersama, bermakna telah berlaku penyerahan barang (*al-qabd'*) kepada kedua belah pihak. Perkara ini sangat penting, memandangkan

¹²⁴ Dr. Muṣṭafā al-Khin *et al.* (1998), op.cit. j. 3, h. 115.

bahawa hibah baru dikira lazim dan berkuatkuasa setelah berlakunya penerimaan barang yang dihibahkan. Ini adalah pendapat majoriti ulama daripada mazhab Syafi'i, Hanafi dan Hambali.¹²⁵

Sedangkan mengikut Imam Malik, hibah menjadi lazim dan berkuat kuasa sejurus selepas akad hibah dijalankan, kerana akad hibah adalah akad pemindahan milik dan ianya tidak perlu kepada *al-qabd* bagi penguatkuasaannya. Bahkan dalam akad hibah yang sah, telah mengandungi keizinan untuk mengambil barang yang dihibahkan tanpa perlu mendapat izin daripada pihak yang memberi hibah.¹²⁶

Ditinjau dari segi jenis barangnya, akaun bersama termasuk dalam jenis barang alih, kerana barang yang disimpan dalam akaun bersama adalah wang ringgit yang boleh dialihkan dengan mudah. Dalam barang alih, penerimaan boleh berlaku dengan cara mengambil harta itu, memindah atau mengasingkan harta tersebut dengan harta-harta lain, seperti mana lazim perkara itu berlaku dalam masyarakat. Penyerahan barang alih tidak cukup hanya sekedar mengosongkan harta itu atau memberikan kunci dan seumpamanya seperti mana lazimnya penyerahan barang dalam barang tak alih.¹²⁷

Oleh yang demikian, maka kuasa mengambil dan menggunakan wang dalam akaun bersama yang dippunyai oleh kedua belah pihak, belum dianggap sebagai telah diterima oleh penerima hibah, walaupun telah diizinkan untuk mengambil dan menggunakannya seperti mana yang telah tertulis dalam akad. Kerana barang alih

¹²⁵ Maqdisī Abdullah b. Ahmad b. Qudāmah al- (1405H), *op.cit.*, j. 5, h. 379.

¹²⁶ Mālik Bin Anas (t.t.), *Al-Mudawwanat al-Kubrā*. Bayrūt: Dār Ṣādir, j. 4, h. 266.

¹²⁷ Dr. Wahbah al-Zuhaylī (1996), *op.cit.* j. 4, h. 419; Syīrāzī Abū Ishāq Ibrāhīm Bin ‘Ali Bin Yūsuf al- (t.t.), *al-Muhaḍḍhab*, j. 1. Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 263.

hanya sah penerimaan barangnya dengan mengambil, memindah atau mengasingkan harta tersebut daripada yang lainnya, sebagaimana lazimnya barang alih.

Wang yang ada dalam akaun bersama masih dianggap belum diterima oleh penerima hibah walaupun telah diberi keizinan untuk menggunakannya. Oleh yang demikian, hibah tersebut belum bersifat lazim. Masing-masing pihak mempunyai hak untuk menarik balik hibah yang telah dilakukan dengan cara mengambil kembali wang yang disimpan dalam akaun bersama atau mengatakan kepada pihak yang lagi satu bahawa dia telah menarik balik hibahnya. Kerana hibah baru berkuat kuasa setelah berlakunya penerimaan barang.¹²⁸

Jika wang yang ada dalam akaun bersama telah diambil oleh salah satu pihak, pengambilan itu adalah sah dan hibahnya telah menjadi lazim dan tidak boleh ditarik balik. Kerana penerimaan barang hibah *al-qabd* telah berlaku dengan pengambilan wang daripada akaun bersama oleh penerima hibah. Menarik balik hibah yang telah menjadi lazim tidak sah kecuali hibah daripada ayah kepada anaknya dengan syarat bahawa barang yang dihibahkan tersebut masih berada dalam kuasa anaknya.¹²⁹

Ini bermakna bahawa jika salah satu pasangan telah mengambil wang di akaun bersama –apalagi jika telah menggunakan wang tersebut, tiada hak bagi

¹²⁸ *Ibid.* j. 3, h. 112; Muhammad bin Idrīs Abu Abdillah Al- Syāfi'ī (1393H), *Al-Umm*, c. 2, j. 7, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h. 114; Abū Muhammad Abdullah b. Ahmad b. Qudāmah al-Maqdīsī (1405H), op.cit. j. 5, h. 380.

¹²⁹ Muhammad Khaṭīb al-Syarbīnī (t.t.), *Mughnī al-Muhtāj*, j. 2. Bayrūt: Dār al-fikr, h. 402. lihat juga pembahasan penarikan balik hibah di sub tajuk "Tuntutan ke atas pengembalian wang isteri untuk nafkah keluarga" h. 117-122.

pihak yang lain untuk menarik balik dan menuntut wang akaun bersama yang telah diambil oleh pasangannya.

Perlu diungkapkan bahawa akaun bersama boleh menyerupai harta *musyā‘* dari segi percampuran harta dua orang atau lebih yang tidak dapat dipastikan peratusan pemilikan masing-masing pihak. Dalam takrifnya harta *musyā‘* adalah harta dua orang atau lebih yang telah bercampur menjadi satu dan tidak dapat dibezakan lagi bahagian masing-masing pihak ke atas harta tersebut.¹³⁰ Jika berlaku perbalahan berkaitan dengan jumlah harta yang dimiliki oleh masing-masing pihak dalam harta *musyā‘*, maka untuk menghuraikan perbalahan tersebut, masing-masing pihak atau pihak yang menuntut perlu mengangkat sumpah ke atas besarnya bahagian yang dimilikinya dalam harta *musyā‘* tersebut. Jika keduanya telah mengangkat sumpah, maka harta dibahagi menjadi dua dibahagi sama.

Konsep inilah yang digunakan oleh Imam Al-Syāfi‘ī ketika menghuraikan kes yang melibatkan tuntutan ke atas perabot rumah oleh suami isteri ketika bercerai atau oleh ahli warisnya ketika berlaku kematian. Imam Syāfi‘ī menyatakan bahawa jika perbalahan berlaku berkaitan dengan perkakas rumah --dan tiada bukti yang kukuh ke atas akuan pemilikan ke atas perabot tersebut, perdamaian dan persetujuan adalah jalan terbaik, jika tidak dicapai kesepakatan maka keduanya perlu bersumpah dan harta tersebut dibahagi dua.¹³¹

¹³⁰ Dr. Muṣṭafā al-Khin *et al.* (1998), op.cit. j. 3, h. 222.

¹³¹ Syāfi‘ī Muhammad bin Idrīs Abu Abdillah Al- (1393H), *Al-Umm*, c. 2, j. 7. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, h. 132; Al-Sayyid Al-Bakrī Bin Al-Sayyid Muhammad Syaṭā Al-Dimyāṭī Abu Bakr (t.t.), *Tānat al-Tālibīn*, j. 4. Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 265.

Hakikat ini juga ada dalam akaun bersama, masing-masing pihak daripada suami isteri telah sama-sama menyumbang ke dalam akaun bersama mereka. Biasanya kedua belah pihak tidak mengambil berat dengan jumlah wang yang telah disumbang dan disimpan. Baginya wang yang telah disimpan adalah untuk kegunaan bersama. Dengan berjalannya waktu, usia perkahwinan semakin lama, proses menyimpan dan menggunakan wang dalam akaun tersebut juga telah semakin tidak dapat dihitung lagi, maka akan sulit –kalau tidak dikatakan mustahil, untuk menentukan berapa hak dan besaran sumbangan masing-masing pihak ke atas wang yang tersimpan dalam akaun bersama tersebut.

Perselisihan antara suami isteri berkaitan dengan akaun bersama ini baru akan timbul apabila kedua belah pihak bercerai atau sudah ada tanda-tanda yang mengarah kepada perceraian. Masing-masing pihak ingin menjaga haknya yang ada dalam akaun bersama tersebut, atau mencuba mengambil manfaat sebanyak-banyaknya daripadanya. Rasa tidak puas dan tidak rela mulai timbul dan kadang-kadang kata sepakat untuk membahagi sama rata atau yang satu pihak lebih besar dari bahagian yang lain tidak dapat dicapai. Inilah yang dihadapi oleh para hakim di Mahkamah ketika kedua belah pihak tidak mau berdamai berkaitan dengan pembahagian wang yang tersimpan di akaun bersama.

Dalam kes antara *Hamran Ali lawan Habibah*,¹³² Pihak suami menuntut bahagian daripada 2 akaun bersama yang tercatit di dua bank yang berbeza. Akaun pertama di POSB dengan nombor 103-76266-0 dan akaun kedua di OUB dengan nombor 135-137-332-1. Jumlah wang di kedua akaun bersama itu sebanyak

¹³² *Hamran Ali bin Ali lawan Habibah bte Idris*, MS No 17980.

80,000.00. Mahkamah merasa yakin berkaitan dengan wujudnya akaun bersama tersebut, memandangkan bahawa selama persidangan, tuntutan ke atas akaun ini sentiasa ada dan dakwaan masing-masing pihak sentiasa konsisten. Mengikut pengakuan isteri, wang yang disimpan dalam akaun tersebut adalah lebihan belanja harian keluarga. Pihak isteri berjaya menyisihkan sejumlah wang daripada wang belanja bulanan yang diberikan oleh pihak suami kepadanya. Setelah 9 tahun berlalu, terkumpullah wang sebanyak 80,000.00. Wang inilah yang kemudian dituntut oleh pihak suami sebagai harta sepencarian dan meminta 50% daripada wang yang ada dalam akaun bersama tersebut.

Dalam kes ini, pihak isteri telah menarik sejumlah wang daripada akaun bersama mereka dan meletakkannya dalam akaun peribadi bersama adiknya. Pihak isteri beranggapan bahawa wang tersebut adalah hak dirinya seorang, dan tiada hak suami di dalamnya. Maka perlu baginya untuk melindungi haknya sebelum pihak suami mengeluarkannya daripada akaun bersama.

Mahkamah menilai bahawa akaun bersama adalah hak bersama suami isteri yang wajib dibahagikan ketika berlaku perceraian. Pemindahan wang yang ada dalam akaun bersama kepada akaun peribadi, dinilai sebagai salah satu upaya daripada pihak isteri untuk menafikan hak suami ke atas wang yang terkumpul dalam akaun bersama tersebut. Mahkamah melihat bahawasanya masing-masing pihak mempunyai hak yang sama banyak ke atasnya. Maka suami berhak ke atas separuh iaitu \$40,000.00 daripada jumlah wang keseluruhan \$80,000.00.

Pihak Mahkamah seterusnya melihat dan mempertimbangkan bahawa wang yang terkumpul dalam akaun tersebut adalah baki daripada belanja harian keluarga yang berjaya disimpan oleh pihak isteri. Asal mula wang tersebut adalah milik suami yang diberikan kepada isterinya sebagai belanja harian. Dengan diberikannya kepada pihak isteri sebagai nafkah dirinya dan keluarganya, bolehlah dikatakan bahawa ianya adalah milik isteri. Sepatutnya pihak suami tidak boleh menuntut lagi apa-apa yang telah diberikan kepada isterinya.

Dalam masa yang sama pihak mahkamah tidak dapat mengetepikan begitu sahaja hak suami, memandangkan kerana wang tersebut disimpan atas nama bersama, maka hak suami masih dianggap ada walaupun tidak sampai separuh seperti yang biasa diamalkan dalam akaun bersama. Mahkamah akhirnya memberikan pihak suami 25% daripada jumlah keseluruhan wang yang ada dalam akaun bersama.¹³³

3.4.4 Tuntutan ke Atas Kenderaan

Harta benda alih lainnya yang biasanya dituntut oleh kedua belah pihak suami isteri, iaitu kenderaan dan alat transportasi lain yang dimiliki oleh salah satu pasangan atau dimiliki bersama selama dalam tempoh perkahwinan. Di kehidupan yang moden sekarang ini, kenderaan sudah menjadi keperluan asas seseorang dalam menjalankan aktiviti dan tugas hariannya. Ia juga melambangkan kemewahan dan status sosial seseorang di mata masyarakatnya. Di sesetengah Negara seperti Malaysia, ia ibarat kaki yang tanpanya maka segala tugas dan aktivitinya terbantut dan tak dapat dijalankan dengan baik.

¹³³ Hamran Ali bin Ali lawan Habibah bte Idris, MS No 17980.

Hakikat bahawa kenderaan (baca kereta dan motor) adalah sebahagian daripada keperluan asas sesebuah keluarga juga disedari oleh Mahkamah dalam menangani tuntutan harta sepencarian melibatkan tuntutan ke atas kenderaan yang dimiliki oleh pasangan masing-masing. Dalam kes antara *Saimah lawan Mohd Sumeri*,¹³⁴ pihak plaintif telah menuntut 2 buah kereta yang dimiliki oleh pihak defendant; kereta Proton Waja dan sebuah van Suzuki. Di samping 2 kereta yang dituntut oleh pihak plaintif, defendant mengaku ada 1 lagi kereta Toyota Corona. Ketiga-tiga kereta tersebut atas nama defendant dan telah dibayar sepenuhnya oleh pihak defendant. Kereta Proton Waja dibeli pada tahun 2002 dengan harga RM61,000.00, kereta Toyota Corona adalah kereta Singapura sedangkan van Suzuki dibeli pada tahun 1997 seharga S\$14,000.00 dan ada di Batam.

Pihak defendant mendedahkan bahawa kereta Toyota digunakan oleh diri dan keluarganya dalam menjalankan aktiviti sehari-hari di Singapura. Sementara kereta yang ada di Malaysian (Proton Waja) dan di Indonesia (van) digunakan ketika dia dan keluarganya membuat kunjungan atau menghabiskan cutinya di kedua-dua Negara tersebut. Pihak plaintif menyedari hal ini dan mencadangkan bahawa kedua kereta yang dimiliki oleh defendant iaitu Toyota dan van kekal menjadi milik defendant, sementara kereta Proton Waja diserahkan kepada pihak defendant atau anak lelakinya yang menurut pihak plaintif telah menyumbang ke atas pembelian kereta tersebut.

Dalam keputusannya, Mahkamah bersetuju untuk mengekalkan pemilikan 2 kereta; Toyota dan van di tangan pihak defendant, sebagaimana yang disarankan

¹³⁴ *Saimah bte Temon lawan Mohd Sumeri bin Mohd Tahir*, MS No. 27304.

oleh pihak plaintif, dan menolak tuntutan pihak plaintif untuk memberikan Proton Waja kepadanya atau anak lelakinya. Mengikut hemat Mahkamah, kereta Proton Waja yang ada di Malaysia selalu digunakan oleh defendant, plaintiff dan anak-anaknya ketika mereka di Malaysia. Oleh yang demikian, sebaiknya kereta tersebut kekal berada dalam pemilikan pihak defendant sehingga tiada seorangpun dari ahli keluarga yang diharamkan daripada mengambil manfaat daripada penggunaan kereta tersebut ketika mereka memerlukannya.¹³⁵ Penolakan ini bukan bermakna bahawa Mahkamah Syariah berpendapat bahawa kenderaan bukanlah harta sepencarian, tetapi lebih melihat kepada keperluan masing-masing pihak dan juga keperluan anggota keluarga ke atas kenderaan tersebut.

Dalam kes antara *Ali lawan Seniati*,¹³⁶ Mahkamah menyenaraikan sebuah kereta ke dalam aset harta sepencarian yang perlu dibahagikan antara suami isteri. Kereta Honda tersebut dibeli pada tahun 1998 dengan harga S\$89,000.00, ketika perceraian, hutang yang ditanggung oleh pihak suami kepada syarikat kewangan adalah S\$38,813.50. Mahkamah menggunakan pendekatan yang menarik ketika mencari harga pasaran kereta tersebut. Mahkamah menimbangkan pengakuan pihak suami yang bersumber daripada pembekal kereta S\$51,000 dan merujuk juga kepada harga kereta yang ada di majalah Persatuan Automobile Singapura S\$62,500.00. Hasil gabungan kedua harga tersebut diperoleh angka S\$62,050.00 sebagai harga taksiran kereta tersebut. Harga taksiran dikurangkan dengan hutang yang masih ditanggung akan didapatkan nilai daripada kereta Honda tersebut sebanyak S\$62,050.00 - 38,813.50=S\$23,236.50.00.

¹³⁵ *Saimah bte Temon lawan Mohd Sumeri bin Mohd Tahir*, MS No. 27304.

¹³⁶ *Ali bin Mohd lawan Seniati bte Kasmuri*, MS No. 19013.

Dalam kes yang lain antara *Zubaidah lawan Abu Bakar*,¹³⁷ Mahkamah juga mengekalkan motor van dalam pemilikan pihak suami dan memberikan pihak isteri wang sagu hati sebanyak S\$1,000.00 sebagai bahagian daripada harta sepencarian ke atas kenderaan yang dituntutnya, Mahkamah menilai bahawa kereta tersebut adalah harta sepencarian tetapi ianya lebih diperlukan oleh pihak suami bagi tujuan mencari rezeki dan penghidupan. Oleh yang demikian, wajarlah kereta dikekalkan dalam pemilikan pihak suami.¹³⁸

Dalam kontek Singapura, biasanya kenderaan peribadi bukanlah merupakan aset yang bernilai. Setiap kendaraan mesti mempunyai COE¹³⁹ untuk dapat berjalan di jalanan Singapura. Tempoh COE kenderaan untuk 10 tahun berharga antara S\$15,000.00-S\$25,000.00. Selepas 10 tahun kenderaan tersebut tidak boleh lagi diguna kecuali jika diperbaharuai COEnya. Jika tidak mau diperbaharui COEnya kenderaan tersebut wajib dihantar ke kedai untuk dihancurkan (*scrab*). Oleh yang demikian selepas 10 tahun, sesebuah kenderaan sudah tidak mempunyai harga lagi.

¹³⁷ *Zubaidah bte Hassim lawan Abu Bakar bin Kassim*, MS No. 16214.

¹³⁸ Berikut keterangan lengkapnya : "Saya menerima bahawa kenderaan tersebut dibeli semasa dalam perkahwinan. Saya menerima juga bahawa ia adalah dikira harta sepencarian kerana ia dibeli semasa dalam perkahwinan dan isteri mendakwa beliau ada menyumbang untuk pembayaran ansuran. Tetapi saya juga menerima dakwaan pihak suami bahawa kenderaan ini adalah salahsatu alat untuk digunakan mencari nafkah atau cari makan. Di sini saya terpikir sekiranya saya ada sebuah teksi, di mana dengan teksi ini saya dapat memenuhi keperluan nafkah harian dan bulanan saya, apakah patut apabila berlaku perceraian saya terpaksa menjual teksi saya disebabkan kerana yanya teksi ini didapati semasa perkahwinan? Saya terima bahawa kenderaan yang berkenaan ini sebagai harta sepencarian, tetapi saya rasa tidak patut bagi saya mengeluarkan perintah supaya kenderaan ini dijual kerana ia masih diperlukan oleh suami untuk kehidupannya. Disebabkan ini saya membentur S\$1,000.00 untuk isteri sebagai hak dalam kenderaan ini, di mana Mahkamah dipahamkan bahawa keseluruhan pengurusan kenderaan ini dilakukan oleh suami. Saya menolak supaya kenderaan ini dijual. Lihat *Zubaidah bte Hassim lawan Abu Bakar bin Kassim*, MS No. 16214.

¹³⁹ Certificate of Entitlement (COE) adalah sijil hak milik kereta yang berlaku selama 10 tahun. Tujuan utamanya adalah untuk mengatur dan membatasi hak milik kereta bagi rakyat Singapura. Harga COE untuk kereta berkisar antara \$15,000.00 untuk cc kecil hingga 20,000.00 untuk kategori terbuka. Ertinya setelah 10 tahun kereta tersebut sudah habis hak miliknya dan perlu dihantar ke tempat penghancuran (*scrab*) kereta. Kecuali jika diperbaharui COEnya dengan membeli COE baru, barulah ianya boleh digunakan untuk 10 tahun akan datang, begitu seterusnya. Lihat Wabesite rasmi Land Transport Authority: http://www.lta.gov.sg/motoring_matters/index_motoring_vo.htm. dan <http://www.asiaone.com/Motoring/News/Story/A1Story20071003-28308.html> (16 /12/2008)

Dalam kes antara *Abdurrahman dan Siti Zainab*,¹⁴⁰ Mahkamah tidak menimbangkan tuntutan pihak isteri ke atas kereta NO: SBK 8551 S, kerana kereta tersebut nilainya tidak seberapa, atau bahkan ia boleh rugi jika dijual ketika berlaku perceraian, kerana pihak defendant perlu menanggung baki hutang dan bunganya sementara kereta tersebut sudah tiada nilai lagi jika dijual.

Tuntutan kerugian ke atas pemilikan kenderaan peribadi pernah dirujukkan ke Mahkamah. Dalam kes antara *Nazli lawan Delima*,¹⁴¹ Pihak isteri menuntun pembayaran yang telah diberikan olehnya kepada pembelian kereta suaminya, atau hutang yang telah diberikan oleh ahli keluarga pihak isteri ke atas pembelian kereta suaminya. Mahkamah menolak tuntutan kerugian pihak isteri berkaitan dengan pembelian kereta suaminya atau hutang yang berkait dengan kenderaan tersebut. Pada pandangan Mahkamah, kereta adalah kegunaan bersama suami isteri dan juga anak-anak. Keduanya juga telah menikmati manfaat daripada kereta tersebut. Maka jika berlaku kerugian daripada pemilikan kereta, maka kerugian perlu ditanggung bersama antara suami dan isteri. Sedangkan hutang pihak suami kepada keluarga pihak isteri adalah di luar bidang kuasa Mahkamah, oleh yang demikian tuntutan hutang itupun ditolak.

Tiada butiran lanjut dijelaskan oleh Mahkamah dalam kes di atas berkaitan dengan wang yang diberikan oleh pihak isteri ke atas pembelian kenderaan suaminya. Penting untuk diketahui dan dipastikan status hukum daripada wang tersebut. Jika ianya diberikan oleh pihak isteri sebagai hutang, maka ia adalah

¹⁴⁰ *Abdurrahman Ghazie Abdat lawan Siti Zainab bte Shikh Mohamed*, MS No. 25078.

¹⁴¹ *Mohammad Nazli bin Johar lawan Delima Suria bte Ahmad*, MS No. 23846.

hutang dan mesti diterapkan semua hukum-hakam berkaitan dengan hutang. Berarti menjadi kewajipan pihak suami untuk mengembalikan hutang yang dipinjamnya daripada pihak isteri tanpa perlu melihat untuk apa wang tersebut digunakan dan adakah ianya membawa kepada keuntungan atau sebaliknya menanggung kerugian.¹⁴²

Dalam Islam, pihak yang memberi hutang tidak dibebankan dengan kerugian yang ditanggung oleh pihak yang berhutang sebagaimana dia juga tidak boleh menikmati keuntungan yang diperoleh oleh pihak peminjam. Segala bentuk manfaat yang diperoleh oleh pemberi pinjaman daripada peminjam adalah adalah salah satu bentuk pemanfaatan. Pengambilan manfaat daripada pinjamannya adalah terlarang dan dihukumkan haram.¹⁴³ Rasulullah saw. bersabda:

عن علي قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "كل قرض جر منفعة فهو وجه
من وجوه الربا". (رواه البيهقي)

Maksudnya: "Setiap pinjaman yang mengandungi manfaat bagi yang memberi pinjaman adalah salah satu bentuk daripada bentuk-bentuk riba".¹⁴⁴

Jika dia mengembalikan hutangnya lebih daripada jumlah wang yang dipinjam tanpa adanya syarat tambahan ketika akad hutang-piutang dijalankan, maka manfaat yang diperoleh oleh pihak yang memberi pinjam adalah halal. Ini adalah salah satu bentuk daripada pengembalian hutang dengan cara yang terbaik sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah saw.¹⁴⁵

¹⁴² Kāsānī ‘Ala‘uddīn al- (1982), *Badā'i‘ al-Şanā'i‘*, j. 7. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 395.

¹⁴³ Abū Ishaq Ibrāhīm Bin ‘Ali Bin Yūsuf al-Syīrāzī (t.t.), *op.cit.*, j. 1, h. 304.

¹⁴⁴ Baihaqī Ahmad bin al-Husayn bin Ali al- (1994), *Sunan al-Baihaqī al-Kubrā*, j. 5. Makkah al-Mukarramah: Maktabah Dār al-Bāz, h. 349. Lihat juga Ṣan'ānī, Muhammad bin Ismail al- (1379H), *Subul al-Salām*. J. 3. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turath al-‘Arabī, h. 53.

¹⁴⁵ Ṣan'ānī, Muhammad bin Ismail al- (1379H), *op.cit.*, h. 53.

3.4.5 Tuntutan ke Atas Peralatan dan Perabot Rumah

Tuntutan ke atas peralatan dan perabot rumah juga dijumpai dalam tuntutan pasangan suami isteri berkaitan dengan harta sepencarian apabila berlaku pencerain. Tuntutan ini telah ada semenjak zaman permulaan Islam ketika Rasulullah saw. memberikan baju besi kepada Fatimah Al-Zahrā'. Tuntutan sedemikian juga didapati telah dibahas oleh ulama-ulama mazhab seperti Imam Syāfi‘ī ketika beliau ditanya berkaitan dengan perabot yang dipertikai oleh suami isteri atau dipertikai oleh pihak waris selepas kematian salah satu pasangan.¹⁴⁶

Sudah menjadi kebiasaan bahawa perabot rumah dibeli dan dimiliki oleh pasangan suami isteri ketika mereka mendirikan rumah tangga. Oleh itu, tidak dipersoalkan adakah perabot tersebut didapat dalam tempoh perkahwinan atau sebelum perkahwinan.¹⁴⁷ Pembuktian siapa yang membeli dan pihak mana yang lebih banyak menyumbang ke atas pembelian perabot dan peralatan rumah bukanlah satu-satunya sebab yang menentukan pihak yang berhak ke atas perabot dan peralatan rumah. Bagi Mahkamah yang pasti bahawa barang rumah, barang elektronik dan perabot adalah barang yang diperolehi oleh kedua

¹⁴⁶ Md. Akhir Hj. Yaakob & DR. Siti Zalikhah Md Noor (1989) *op.cit.*, h.81-82, menukil pernyataan Imam Syāfi‘ī dalam kitab *Al-Umm*: "diceritakan kepada kami oleh al-Rabia bin Sulaiman katanya: "Syāfi‘ī (r.a) berkata: "Apabila bertelingkah seorang lelaki dengan seorang perempuan (suami isteri) tentang perkakas rumah (*mata' al-bait*) yang kedua-duanya menduduki rumah itu (sebab) mereka berpisah ataupun tidak berpisah atau kedua-duanya mati atau salah seorang mati maka menimbulkan pertelingkahan pula antara waris-waris keduanya atau waris-waris salah seorangnya setelah ia meninggal dunia, maka demikian itu semuanya adalah serupa (semua keadaan ini serupa). Bagi perkakas-perkakas rumah, apabila kedua-duanya sama-sama menduduki sesebuah rumah yang menjadi milik mereka, maka pada zahirnya perkakas itu menjadi milik kedua-duanya sama seperti rumah itu menjadi milik mereka. Ataupun (perkakas) berada dalam pegangan dua orang lelaki, maka kedua-duanya bersumpah bagi (pihak) pemiliknya (menyokong) atas dakwaan pemilik. Jika kedua-duanya bersumpah maka perkakas-perkakas itu dibahagi dua antara mereka, sebab pihak lelaki kadangkala memiliki perkakas-perkakas perempuan dengan cara membeli, mewarisi dan sebagainya. Begitu juga perempuan kadangkala memiliki perkakas lelaki dengan cara membeli, mewarisi dan seumpamanya"; Rujuk juga Abu Abdillah Muhammad b. Idrīs al-Syāfi‘ī (1393H), *Al-Umm*, j. 5. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, h. 95.

¹⁴⁷ Kecuali mungkin dalam kes bahawa suami mempunyai rumah yang sudah lengkap dan siap untuk ditempati sebelum berkahwin dengan pihak isteri, atau keduanya pernah berkahwin sebelumnya dan perabot daripada hasil perkahwinan yang lalu dibawa serta dalam rumah mereka yang baru.

pasangan suami isteri selama dalam tempoh perkahwinan. Maka secara semula jadi ianya termasuk dalam tafsiran harta sepencarian yang termaktub dalam seksyen 52(14)(b).

Dua perkara yang biasanya dijadikan pertimbangan oleh pihak Mahkamah ketika memutuskan tuntutan ke atas perabot dan peralatan rumah daripada salah satu pasangan suami isteri. Perkara pertama adalah siapakah yang lebih memerlukan kepada barang tersebut? Pada kebiasaannya pihak isterilah yang biasa menggunakan dan memerlukannya, apalagi jika hak jagaan anak-anak diberikan kepada pihak isteri. Dalam kes antara *Azizah lawan Mohammad Johari*,¹⁴⁸ pihak isteri telah menuntut beberapa barang dapur untuk diberikan kepadanya. Mahkamah mengabulkan permintaan isteri dengan memberikan kepada pihak isteri barang dapur dan beberapa barang rumah yang dituntutnya. Kerana pihak isteri lebih memerlukannya dan anak-anak ada dalam jagaan pihak isteri.

Jika dilihat kepada konsep yang digunakan oleh Mahkamah dalam menyelesaikan tuntutan harta sepencarian berkaitan dengan perabot dan barang rumah dalam kes ini, ianya lebih mengutamakan keperluan dan kebijakan pihak yang menuntut ke atas perabot dan barang rumah, tetapi bukan bermakna Mahkamah mengabaikan pihak yang memiliki harta tersebut. Dalam kes antara

¹⁴⁸ *Azizah bte Daud lawan Mohammad Johari bin Salleh*, MS No. 18200. Lihat juga kes antara *Faiza bte Mahbob lawan Ahmad Khalid bin Abdullah*, MS No. 24495, dalam kes ini isteri menuntut perabot rumah dan alat-alat dapur diberikan kepadanya. Mahkamah menyatakan : "saya benarkan tuntutan-tuntutan ini kerana isteri mendapat hak penjagaan anak-anak dan kerana isteri banyak menggunakan benda-banda tersebut. Oleh itu jika isteri mendapatkannya, ia akan meringankan sedikit-sebanyak kerja-kerjanya dan mengurangkan beban tugasnya menjadi ibu tunggal yang dicarinya sendiri itu. Walau bagaimanapun saya yakin bahawa alat-alat tersebut dibeli secara perkongsian bersama dari hasil titik-peluh kedua belah pihak (sebagai yang dimaklumi bahawa isteri tidak bekerja dalam sebahagian besar masa perkahwinan ini). Dengan ini saya percaya bahawa sangat munasabah jika tuntutan ini dibenarkan".

Shaik Mohamed dan Manisah,¹⁴⁹ Mahkamah mengabulkan tuntutan suami ke atas perabot dan barang rumah setelah memastikan bahawa barang tersebut pada hakikatnya dibeli dan dimiliki oleh pihak suami. Oleh kerana pihak isteri tidak menuntutnya sebagai harta sepencarian, maka pihak yang membeli dan mengeluarkan wang bagi barang tersebutlah yang lebih berhak ke atasnya.

Pertimbangan kedua yang dijadikan asas oleh Mahkamah dalam memutuskan tuntutan perabot dan barang rumah adalah bahawa pihak yang dituntut tiada memberikan apa-apa bantahan atau sanggahan ke atas tuntutan pihak yang lagi satu. Dalam kes antara *Daud dan Rohani*,¹⁵⁰ Mahkamah mengabulkan tuntutan isteri ke atas set sofa dan sebahagian daripada barang rumah kerana disamping isteri memerlukannya, pihak suami tidak memberikan apa-apa bantahan ke atas tuntutan tersebut. Ertinya bahawa pihak suami rela dan bersetuju untuk memberikannya kepada pihak isteri.

Dalam kes yang lain antara *Hamran Ali dan Habibah*,¹⁵¹ Mahkamah mengabulkan tuntutan suami ke atas barang-barang rumah seperti; kerusi dan meja makan, sofa, meja kecil, TV, VCD Player dan rak TV, kerana pihak isteri tidak menolak tuntutan suami ke atas barang tersebut.¹⁵²

¹⁴⁹ *Shaik Mohamed bin Abdul Ghany lawan Manisah bte Taufik*, MS No. 18176.

¹⁵⁰ *Daud bin Jaafar dan Rohani bte Mohamad*, MS No. 15770.

¹⁵¹ *Hamran Ali bin Ali lawan Habibah bte Idris*, MS No 17980.

¹⁵² Lihat juga kes antara *Shaik Mohamed bin Abdul Ghany lawan Manisah bte Taufik*, MS No. 18176. Berikut keputusan Mahkamah: "Tentang beberapa barang-barang rumah yang dituntut oleh suami, saya membenarkannya. Barang-barang tersebut ialah VCD Player, VCD Recorder, Hi-fi, TV, set karaoke, Refrigerator, mesin pembasuh, meja makan, almari dan barang-barang dapur. Saya membenarkannya kerana saya berpuas hati bahawa barang-barang itu dibeli sepenuhnya oleh suami dan isyeri tidak mencabar atas tuntutan itu. Oleh yang demikian saya memerintahkan supaya barang-barang tersebut diberikan kepada suami".

Pertimbangan yang kedua ini menggunakan pendekatan berdamai (*sulh*).

Sudah dapat dipastikan bahawa ada barangan-barangan rumah yang tidak dapat dikesan lagi siapa yang membeli; wang siapa yang digunakan; atau menggunakan wang bersama tetapi gagal memastikan besaran kewangan masing-masing. Pertimbangannya, jika salah satu pihak tidak mencabar tuntutan daripada pihak yang lagi satu, maka keduanya dianggap berdamai dan rela dengan apa yang diputuskan oleh Mahkamah. Konsep *sulh* ini telah lama digunakan oleh ulama salaf dan dibincangkan dalam kitab-kitab klasik. Dalam *Bughyāt al-Mustarsyidīn*,¹⁵³ disebutkan bahawa :

"Telah bercampur harta suami isteri dan tidak diketahui harta siapa yang lebih banyak –tidak ada tanda-tanda yang dapat membezakan harta salah seorangnya, kemudian berlaku perpisahan antara keduanya ataupun mati, maka kedua belah pihak (suami isteri) perlu berdamai dengan melafazkan perdamaian (*sulh*) ataupun menyerah (*hibah*) dengan sama banyak atau berlebih kurang".¹⁵⁴

Jika perabot suami isteri telah bercampur dan tiada bukti-bukti penguat bagi menentukan kadar masing-masing bahagian daripada perabot dan peralatan rumah, maka perdamaian adalah penghurainya. Oleh itu jika pihak Mahkamah mendapati

¹⁵³ Abdul Rahman bin Muhammad bin Hussain bin Umar-Syed (1952), *Bughyat al-Mustarsyidīn*. Cairo: Muṣṭafā al-Bab al-Ḥalabī. Lihat Md. Akhir Hj. Yaakob & DR. Siti Zalikhah Md Noor (1989), *op.cit.*, h.80.

¹⁵⁴ Berikut lengkapnya: "..... seperti mereka berkata "jika bercampur burung merpati keduanya (suami isteri) di ketika itu (boleh digunakan) jika boleh diketahui (tapi tidak dapat dibezakan), perkara ini hendaklah ditangguh sehingga suami isteri atau waris keduanya berdamai dengan melafazkan (kalimah) perdamaian ataupun menyerah (hibah) dengan sama banyak atau berlebih kurang jika mereka itu (suami isteri atau waris) orang-orang yang sempurna (bukan mahjur 'alaihi) dan wajib supaya jangan terkurang (pembahagiannya) daripada setengah (%) bagi orang-orang yang *mahjur* (orang yang tidak dibenarkan mentadbir harta). Tetapi jika berlaku kebiasaan yang tetap bahawa salah seorang dari keduanya (suami isteri) mendapat pendapatan yang lebih banyak dari yang seorang lagi, maka perdamaian (*sulh*) dan penyerahan (*hibah*) adalah berdasarkan demikian (lebih kurang). Jika mereka tidak menyetujui suatupun daripada yang demikian, maka pihak yang memiliki sesuatu dari harta (memegang harta) akan didengar cakapnya, melalui sumpahnya; bahawa harta itu miliknya. Tetapi jika harta itu dimiliki oleh kedua-duanya (masing-masing memegang harta) maka masing-masing boleh meminta pihak yang lain bersumpah kemudian (harta itu) dibahagi dua". Md. Akhir Hj. Yaakob & DR. Siti Zalikhah Md Noor (1989), *op.cit.*, h. 80-81.

bahawa tuntutan salah satu pihak ke atas perabot rumah tidak dibantah oleh pihak yang lain, berarti telah terjadi *sulh* antara keduanya.

Jika kedua-dua pihak tidak mau berdamai dengan tuntutan masing-masing ke atas perabot rumah, dan tiada bukti yang kukuh diberikan bagi menunjukkan bahawa perabot tersebut dibeli oleh salah satu pihak, maka pihak Mahkamah memutuskan bahawa perabot tersebut adalah hak bersama suami isteri. Kedua belah pihak mempunyai hak yang sama ke atas perabot rumah tersebut.

Dalam kes antara *Sopihodin lawan Junaidah*,¹⁵⁵ Pihak Defendan menginginkan agar segala barang-barang perabot rumah yang ada diserahkan kepadanya dan pihak Plaintiff hanya diberi hak mengambil barang-barang peribadi miliknya sahaja. Pihak plaintiff tidak bersetuju dan bercadang agar barang-barang tersebut dibahagi berdasarkan kepada siapa yang membelinya. Tetapi kemudianya, pihak Plaintiff tidak dapat memberikan bukti-bukti yang kukuh berkaitan dengan siapa yang membeli barang-barang perabot rumah tersebut. Akhirnya Mahkamah memutuskan agar barang-barang perabot dijual di pasaran terbuka dan hasil daripada penjualan dibahagi sama rata antara kedua belah pihak.¹⁵⁶

Inilah pendekatan yang digunakan oleh ulama-ulama terdahulu jika berlaku pertelingkahan berkaitan dengan barang-barang perabot rumah antara suami isteri atau antara ahli waris. Dalam kitab *Al-Umm*,¹⁵⁷ Imam Syafi'i memberikan huraian

¹⁵⁵ *Sopihodin bin Adam lawan Junaidah binte Mohd Said*, MS No. 26006.

¹⁵⁶ *Sopihodin bin Adam lawan Junaidah binte Mohd Said*, MS No. 26006. perenggan 48.

¹⁵⁷ Syafi'i, Muhammad bin Idris Abu Abdillah Al- (t.t.), *op.cit.*, j. 5, h. 95-96.

Berikut petikan terjemahan nasnya: "Bagi perkakas-perkakas rumah, apabila keduaduanya sama-sama menduduki sesebuah rumah dan menjadi milik mereka, maka pada zahirnya perkakas itu

bahawa kedua belah pihak mengangkat sumpah jika tiada dicapai persetujuan dan perdamaian antara keduanya. Jika keduanya bersumpah, maka harta yang dipertikai tersebut dibahagi dua sama rata.

Anggapan bahawa barang yang biasanya dimiliki oleh pihak isteri adalah milik isteri kurang tepat, sebab kadang pihak suami memiliki barang yang biasanya dimiliki oleh pihak isteri dengan cara membeli, mewarisi dan sebagainya. Begitu juga sebaliknya, bahawa barang yang biasanya dimiliki oleh pihak suami tidak serta merta menjadi milik suami.

3.4.6 Tuntutan ke Atas Penggunaan Wang Anak-anak

Isu tentang penggunaan wang anak-anak yang belum baligh oleh salah satu ibu bapanya untuk keperluan pembelian rumah atau keperluan lain, pernah dirujukkan ke Mahkamah Syariah sebagai bahagian daripada tuntutan harta sepencarian suami isteri.

Menjadi kebiasaan ibu bapa untuk menyediakan sumber kewangan yang secukupnya kepada anak-anak bagi keperluan mereka di masa hadapan utamanya bagi keperluan pendidikan. Wang yang terkumpul boleh bersumber daripada ibu bapa mereka, pemberian daripada keluarga dan rakan-rakan, atau bahkan warisan dan wasiat.

menjadi milik kedua-duanya sama seperti rumah itu menjadi milik mereka. Ataupun (perkakas) berada dalam pegangan dua orang lelaki, maka kedua-duanya bersumpah bagi (pihak) pemiliknya (menyokong) atas dakwaan pemilik. Jika kedua-duanya bersumpah maka perkakas-perkakas itu dibahagi dua antara mereka, sebab pihak lelaki kadangkala memiliki perkakas-perkakas perempuan dengan cara membeli, mewarisi dan sebagainya. Begitu juga perempuan kadangkala memiliki perkakas lelaki dengan cara membeli, mewarisi dan semupamanya".

Ada berbagai cara ibu bapa menyimpan wang anak-anak mereka. Ada yang sekadar disimpan di bawah bantal; disimpan di dalam akaun bank; disimpan dalam akaun tetap; dilaburkan dalam amanah saham; dibelikan perhiasan emas atau bentuk-bentuk lain yang dianggap sesuai dan selamat.

Kesungguhan ibu bapa untuk menjaga dan tidak mengusik wang yang disimpan tersebut juga berbeza-beza. Ada yang sangat ketat sehingga untuk keperluan kecemasan sekalipun, wang tersebut tidak akan disentuh dan digunakan. Ada yang beranggapan bahawa apa yang disimpan untuk anak-anak adalah simpanan mereka juga yang akan diambil jika ada keperluan mendesak. Ibu bapa sebeginilah yang boleh menimbulkan perselisihan dan tuntutan antara suami isteri jika berlaku perceraian. Adakah wang anak-anak yang pernah digunakan oleh ibu bapa perlu diganti oleh mereka dan menjadi hutang yang perlu dikembalikan ke dalam simpanan anak-anak. Atau wang yang telah dipakai dan dihabiskan oleh ibu bapa untuk keperluan mereka tidak perlu dituntut dan dikembalikan kepada mereka? kerana ianya pada hakikatnya kebanyakannya juga berasal daripada ibu bapanya

Dalam kes antara *Irwan dan Noorhani*,¹⁵⁸ pihak isteri (defendant) telah menuntut wang sebanyak \$6,000.00 daripada suaminya sebagai ganti kepada barang kemas anak-anak yang telah digunakan oleh suaminya untuk melunaskan hutang-hutangnya. Mahkamah menilai bahawa tuntutan yang dikemukakan oleh pihak isteri tidak disertai dengan bukti-bukti yang memungkinkan pihak Mahkamah mengkaji kesahihan tuntutan ini. Wang sebanyak \$6,000.00 yang dianggap sebagai nilai

¹⁵⁸ *Irwan bin Mansor dan Noorhani bte Mohd Noor*, MS No. 26800.

daripada barang kemas anak-anaknya juga tidak disertakan dengan apa-apa bukti surat pembelian atau lampiran besarnya nilai barang kemas tersebut.

Pihak defendan gagal mengetengahkan bukti bahawa pihak plaintiff telah mengambil barang kemas tersebut. Defendan juga tidak dapat menolak balik pengakuan pihak plaintiff yang menafikan bahawa dia telah mengambil barang kemas yang dituduhkan pihak isteri kepadanya. Mahkamah tiada pilihan lain kecuali menolak dan tidak mempertimbangkan tuntutan tersebut dikeranakan ketiadaan bukti yang menyokong dakwaannya.

Berhubung dengan kes yang melibatkan tuntutan pihak isteri ke atas suami dengan sejumlah wang kerana telah menggunakan barang kemas anak-anaknya, menarik untuk disebutkan di sini sebuah hadith Rasulullah saw. :

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : قَالَ الرَّسُولُ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "إِنَّ أَطْيَبَ مَا أَكَلَ الرَّجُلُ
مِنْ كَسْبِهِ ، وَوَلَدُهُ مِنْ كَسْبِهِ".

Maksudnya: Daripada Aisyah ra. berkata Rasulullah saw. bersabda: "Sesungguhnya, sebaik-baik rezeki yang dimakan oleh seseorang adalah daripada hasil usahanya sendiri, dan anaknya adalah hasil daripada usahanya".¹⁵⁹

Hadith ini memberikan pengiktirafan ke atas usaha dan jasa yang telah dilakukan oleh ibu bapa dalam menjaga, mendidik dan membesarakan anak-anaknya. Sehinggakan jika ibu bapa makan harta anak-anaknya atau anaknya memberikan nafkah sepenuhnya kepada ibu bapa mereka, ianya tidak dianggap sebagai keaiban dan kekurangan daripada pihak ibu bapa, kerana bergantung kepada orang lain

¹⁵⁹ Ahmad bin Hanbal Abū Abdillah al-Syībānī(t.t.), *Musnad Ahmad*, j. 6. Mesir: Muassasah al-Qurṭubah, h. 42.

dalam menafkahi dirinya. Bahkan Rasulullah saw. menjelaskan bahawa nafkah yang diberikan oleh seorang anak kepada ibu bapanya sebenarnya adalah hasil usaha ibu bapanya juga. Ia setingkat dengan memakan daripada hasil usahanya sendiri, kerana pada hakikatnya, rezeki yang diperoleh oleh seorang anak adalah hasil daripada usaha ibu bapanya juga.

Prinsip ini berdasarkan kepada asas bahawa setiap kebaikan yang dilakukan oleh seorang Muslim akan dibalas dengan kebaikan juga.

Allah berfirman:

قال الله تعالى : {هَلْ جَرَأَ الْإِحْسَانُ إِلَّا إِلَّا إِحْسَانُ}

Ertinya: "tiada kebaikan kecuali dibalas dengan kebaikan yang setimpal"
Surah al-Rahmān (55) : 60

Kerana Segala rezeki yang diperoleh oleh anak adalah merupakan buah daripada usaha yang telah dicurahkan oleh ibu bapa kepada anak-anaknya, sehingga anak tersebut membesar dan mampu mencari rezeki sendiri. Tanpa peranan dan usaha daripada ibu bapa maka anak tersebut tidak akan seperti apa yang sekarang ini.

Dalam riwayat yang lain, diceritakan bahawa seorang lelaki datang berjumpa dengan Rasulullah saw. dan berkata bahawa dia ada harta dan anak, kemudian bapanya perlukan dan berhajat ke atas hartanya. Maka Rasulullah saw. bersabda:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "أنت ومالك لوالدك".

Ertinya: "Kamu dan dan harta kamu milik bapa kamu"¹⁶⁰

¹⁶⁰ Abu Dāud, Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sajsatānī al-Azdī (t.t.), Muhammad Muhyī al-Din Abdul Majīd (ed.), *Sunan Abu Dāud*. Bayrūt: Dār al-Fikr, j. 3., h. 289.

Hadith ini menjadi dalil kukuh bahawa seorang bapa diperbolehkan menggunakan harta anak-anaknya, kerana sebahagian daripada harta yang dimiliki oleh anaknya ada hak ibu bapa di dalamnya. Dalam hadith ini disebutkan dengan jelas bahawa harta anak adalah harta ibu bapa juga. Berarti semua yang diambil oleh ibu bapa daripada harta anaknya bukanlah hutang yang perlu dibayar kembali apalagi dituntutnya kembali.

Dapat dikatakan bahawa dalam kes di atas,¹⁶¹ tuntutan isteri kepada suami untuk mengembalikan semua barang kemas anaknya yang digunakan untuk membayar hutang piutang suaminya adalah tidak berasas dari segi hukum syara'. Kerana dalam undang-undang Islam, seorang bapa berhak menggunakan wang anaknya tanpa adanya kewajiban untuk mengembalikannya. Di samping kerana pada kebiasaannya, wang yang dikumpulkan oleh anak ketika mereka masih kecil adalah hasil usaha ibu atau bapa atau keduanya sekali, juga kerana seorang bapa berhak ke atas harta anaknya seperti hartanya sendiri. *Wallāhu a'lam*.

¹⁶¹ Irwan bin Mansor lawan Noorhani bte Mohd Noor MS No. 26800.